

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III

Bil. 67

Hari Selasa

18 November 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1998

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B. 26 dan B. 27

(Ruangan)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1998

Jawatankuasa:

Maksud P. 26 dan P. 27

(Ruangan)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

“ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

“ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointein, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K. A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 18 November 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: . Yang Berhormat Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim.

[Soalan No. 1 - Y.B. Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim [Sabak Bernam] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng

[Soalan No. 2 - Y.B. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam] tidak hadir]

**PEMBANTU RUMAH DARI NEGARA INDIA DAN CHINA -
KEBENARAN**

3. Dr. L. Krishnan [Telok Kemang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan pembantu rumah yang beragama Islam mendapati sukar untuk bekerja di rumah-rumah tuan yang bukan beragama Islam, maka adakah kementerian bercadang untuk membenarkan pembantu-pembantu rumah daripada negara India dan China untuk bertugas di rumah tuan bukan Islam.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan rakyat negara India dan China untuk bekerja sebagai pembantu rumah.

Berhubung keperluan pembantu rumah bukan Islam untuk bekerja dengan majikan-majikan bukan Islam, kerajaan berpendapat sumber pembantu rumah sekarang dari negara Indonesia, Filipina, Thailand dan Cambodia adalah memadai.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya ingin tahu memandangkan beberapa tuan rumah yang bukan beragama Islam sangat sukar untuk mendapat pekerja-pekerja sambilan seperti dinyatakan, bukankah kerajaan patut mengkaji balik dan memberi kebenaran lebih lagi dari negeri India dan negeri China supaya menyenangkan mereka dapat datang dan bekerja dengan bangsa yang sama di negara ini. Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk menimbangkan permohonan tersebut.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kedudukan atau status terakhir dengan kebenaran kerajaan untuk membenarkan bukan sahaja pembantu rumah tetapi pekerja-pekerja asing ke negara ini. Adakah ianya masih dibekukan ataupun boleh dimajukan permohonan, dengan kata lain, keputusan terakhir yang dibuat oleh kerajaan berhubung dengan perkara yang sama. Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan berhasrat supaya tidak membenarkan pekerja-pekerja asing bekerja di negara kita termasuk pembantu rumah, tetapi memandangkan permohonan dan rayuan yang dibuat oleh suri rumah yang bekerja, maka kerajaan telah melonggarkan syarat untuk pembantu rumah sahaja setakat ini.

Bagaimanapun, di akhir-akhir ini oleh kerana keadaan ekonomi negara terancam oleh kerana kemerosotan nilai mata wang negara, maka kalau dahulunya sektor ladang merupakan satu sektor yang tidak berapa ekonomik, tidak diminati, tetapi hari ini oleh kerana harga barangan di sektor perladangan, getah dan kelapa sawit mempunyai nilai yang tinggi oleh kerana dijual dalam Dolar Amerika, maka ada perbincangan yang telah pun dibuat dan sedang dikaji oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sama ada kerajaan akan membenarkan atau tidak pengambilan pekerja-pekerja untuk sektor ladang, sektor perindustrian, perkilangan dan sektor-sektor lain yang diperlukan. Bagaimanapun, bagi pulau-pulau kecuali Pulau Pinang, kerajaan telah membenarkan pengambilan pekerja-pekerja bagi sektor perhotelan, perladangan dan juga untuk sektor pembinaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan Wong Kam Hoong.

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said.

[Soalan No. 5 - Y.B. Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said [Kuala Kedah] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak.

[Soalan No. 7 - Y.B. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.

[Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang] tidak hadir]

GETAH ASLI - NILAI EKSPORT

9. **Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapakah nilai eksport getah asli pada tahun 1995, 1996 dan 1997. Apakah potensi komoditi getah asli pada masa depan sebagai pengeluaran komoditi negara ini dan apakah insentif yang diberi oleh kerajaan kepada syarikat atau individu yang berminat untuk menanam getah secara besar-besaran.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang telah diketengahkan oleh Yang Berhormat dari Jelevu bertarikh 24 November, Yang Berhormat dari Hulu Terengganu bertarikh 26 November dan 1 Disember, kerana ianya berkaitan dengan industri getah dan ada persamaan dengan soalan-soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baiklah.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, nilai dan jumlah eksport dan pengeluaran getah asli menunjukkan data tren yang menurun. Saya ada di hadapan saya angka-angka untuk tahun 1990 hingga 1997, tetapi saya hanya akan membaca tiga tahun iaitu 1990, 1993 dan 1997.

	1990	1993	1997 (Januari-Ogos)
Jumlah Eksport (Juta Tan Metrik)	1.322	0.337	0.643
Nilai Eksport (RM Bilion)	3.00	2.10	1.924
Pengeluaran (Juta Tan Metrik)	1.291	1.074	0.651

Pada masa yang sama penggunaan getah asli dalam negara telah meningkat.

	1990	1993	1997 (Januari-Ogos)
Penggunaan (Juta Tan Metrik)	0.173	0.221	0.217

Tuan Yang di-Pertua, nilai dan jumlah eksport getah asli telah merosot bukan sahaja disebabkan oleh pengeluaran dan permintaan yang semakin berkurangan tetapi juga disebabkan oleh kejatuhan dalam harga getah.

Perubahan struktur ekonomi negara dari pertanian kepada perindustrian telah menjejaskan sektor pertanian termasuk sektor penanaman getah. Dengan adanya peluang-peluang pelaburan serta

alternatif penggunaan tanah yang memberikan pulangan yang lebih baik, maka berlakulah pengaliran sumber-sumber dari sektor penanaman getah asli ke sektor-sektor berkenaan.

Penurunan harga getah secara menyeluruh bermula sejak akhir tahun 1996, kesan dari peningkatan pengeluaran seluruh dunia yang berterusan. Laporan menunjukkan bahawa sejak awal tahun ini, pengeluaran getah dua negara pengeluar terbesar dunia iaitu Thailand dan Indonesia telah semakin bertambah. Sebaliknya penggunaan getah asli dunia pula walaupun ada peningkatan tetapi agak perlahan. Masalah yang dihadapi oleh negara-negara Amerika Syarikat, Eropah dan Asia Timur seperti pemogokan di kilang-kilang tayar, kemerosotan jualan kereta-kereta baru dan pemulihan ekonomi yang perlahan adalah antara sebab-sebab mengapa permintaan getah dunia tidak meningkat ke tahap yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, harga getah asli tempatan atau harga ladang yang diterima oleh pekebun-pekebun kecil bergantung juga kepada faktor-faktor dalam negeri seperti kos pengeluaran, pemprosesan dan juga pengangkutan. Begitu juga ciri-ciri getah itu sendiri, seperti kandungan getah kering (dry rubber content (DRC) dan kuantiti getah yang dihasilkan. Misalnya kandungan getah kering menentukan peratusan harga pasaran yang diterima oleh pekebun-pekebun kecil. Di samping itu, ia juga bergantung kepada sistem pemasaran getah itu sendiri, iaitu sama ada pekebun-pekebun menjual hasil mereka secara terus kepada peniaga-peniaga bebas atau melalui orang-orang tengah atau peniaga-peniaga haram.

Walau bagaimanapun, kerajaan sememangnya sedar dan sentiasa peka akan kesan kejatuhan harga getah ke atas taraf hidup pekebun-pekebun kecil getah. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) mengarahkan RRIM bekerjasama dengan pihak RISDA untuk meningkatkan kerja-kerja pengembangan dengan tujuan menggalakkan pekebun-pekebun kecil meningkatkan kualiti getah yang dikeluarkan di peringkat ladang;
- (ii) wakil MARDEC dan peniaga-peniaga getah digalakkan membeli getah secara terus daripada pekebun-pekebun kecil bagi mengelakkan pembeli haram; dan
- (iii) menggalakkan wakil-wakil MARDEC, peniaga-peniaga getah, pengilang-pengilang dan pemproses-pemproses getah menawarkan harga yang lebih

kepada pekebun-pekebun kecil semasa mereka menghadapi krisis harga getah ini.

Seterusnya, kementerian juga telah menubuhkan Jawatankuasa Harga Getah dalam bulan Julai lalu, yang memberikan tugas dan tanggungjawab untuk mengkaji masalah harga getah dan merangka strategi serta program-program yang dijangka boleh meningkatkan harga ladang getah yang dibayar kepada pekebun-pekebun kecil. Jawatankuasa ini dianggotai oleh agensi-agensi getah di samping wakil-wakil dari RISDA, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pertanian serta wakil sektor perniagaan getah seperti MARDEC dan FRTAM.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga menyedari bahawa kejatuhan harga ini tidak dapat ditahan dan dikawal oleh sesebuah negara secara sendirian, kerana getah asli dunia turut dikeluarkan oleh negara-negara jiran. Justeru itu, kementerian akan mendapatkan kerjasama negara-negara pengeluar getah seperti Thailand dan Indonesia di bawah inisiatif Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) dan juga ASEAN. Malahan wakil-wakil industri getah dari tiga negara utama ini yang menganggotai ASEAN Rubber Business Club (ARBC) juga telah digesa untuk membincangkan isu harga dan seterusnya merangka strategi serta langkah yang boleh dilaksanakan secara bersama.

Pada masa yang sama, Malaysia sebagai anggota dalam Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) telah memainkan peranan aktif untuk menstabilkan harga getah melalui perseimbangan penawaran dan permintaan getah asli dunia. Di bawah perjanjian ini, satu mekanisme stok penimbal telah diwujudkan, yang mana stok penimbal ini akan berfungsi apabila harga getah berada di luar zon harga getah yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pengeluaran getah kian menurun, sektor industri getah yang bersepadu dan melibatkan nilai ditambah yang tinggi merangkumi pengeluaran getah dan kayu hevea, pemprosesan dan penggunaan getah dan pengilangan keluaran getah akan terus berkembang dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Sebagai contoh, dalam tahun 1995 dan 1996, keseluruhan eksport yang meliputi bahan getah termasuk perabot kayu hevea telah bertambah dari RM9.25 bilion kepada RM9.38 bilion.

Malaysia juga adalah merupakan salah satu pengeluar utama barangan berasaskan getah:

- (i) tayar dan tiub melibatkan jumlah nilai eksport sebanyak RM208.7 juta dalam tahun 1996 berbanding dengan RM57.6 juta dalam tahun 1990;

- (ii) barangan latex (sarung tangan, bebenang, catheters, kondom dan lain-lain) melibatkan jumlah nilai eksportnya bernilai RM3.3 bilion pada tahun 1996 berbanding dengan RM1.3 bilion dalam tahun 1990;
- (iii) kasut - nilai eksport kasut juga telah pun meningkat;
- (iv) sama juga barangan getah industri (termasuk barangan kejuruteraan seperti rubber vibration mounting, seismic bearing; dan
- (v) barangan getah am yang mengeksport sebanyak RM336.9 juta dalam tahun 1996 berbanding dengan RM151 juta sahaja dalam tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, strategi kementerian bagi memperbanyakkan lagi pengeluaran getah asli bermutu adalah melalui peningkatan produktiviti. Antaranya, penemuan klon-klon baru yang boleh menghasilkan latex dan juga kayu hevea yang bermutu tinggi seperti klon siri RRIM 900 dan RRIM 2000. Teknik-teknik baru pengeluaran seperti konvensional LITS, RRIMFLOW dan juga REACTORRIM yang menyebabkan pengaliran latex dari kulit pokok lebih lama daripada biasa di mana torehan boleh dibuat sekali dalam tempoh 3 hingga 6 hari juga digunakan.

Di samping itu juga, bentuk baru getah asli yang bermutu dan bernilai tinggi turut diperkenalkan iaitu:

- Getah Asli Cecair (Liquified Natural Rubber);
- Getah Asli Nyahprotein (Deproteinized Natural Rubber);
- Getah Asli Thermoplastik; dan
- Getah Asli Tanpabau.

Bagi menambah pendapatan, program mengoptimumkan penggunaan tanah turut diperkenalkan kepada pekebun-pekebun kecil melalui program tanaman campuran di mana melalui sistem tanaman pepagar iaitu pokok getah dan pokok buah-buahan termasuk spesis-spesis balak yang lain, ditanam bersama.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Jebebu sama ada terdapat dalang di kalangan pegawai pengendali harga pasaran getah yang mengaut keuntungan dan memiskinkan pekebun-pekebun kecil, sukacita saya menjelaskan bahawa ianya tidak benar sama sekali. Pegawai-pegawai kami adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan garis panduan-garis panduan yang telah ditetapkan. Agensi-agensi yang bertanggung-jawab ke atas mereka

sentiasa mengawasi dan menentukan agar mereka patuh kepada peraturan kerja dan amalan pentadbiran.

Menjawab soalan Yang Berhormat dari Baram mengenai insentif yang diberikan kepada mana-mana pihak yang ingin menanam getah secara besar-besaran, buat masa ini kerajaan tidak mempunyai insentif yang spesifik kerana kerajaan percaya bahawa apa-apa keputusan pelaburan hendaklah dibuat berdasarkan kepada feasibility projek berkenaan. Namun begitu, kerajaan telah dan akan meningkatkan hasil penyelidikan dan pembangunan serta menyediakan khidmat nasihat yang boleh dimanfaatkan oleh pelabur-pelabur.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengumumkan untuk menubuhkan Rubber City di Kepong yang barangkali masih di dalam perancangan. Melihat kepada penurunan pengeluaran getah daripada 1.3 juta tan metrik pada tahun 1990 dan 0.337 juta tan metrik pada tahun 1993, ini mencerminkan bahawa dari segi sudut teknologi pemprosesan kita amat nyata sekali tidak dapat mencapai tahap yang dikehendaki. Dalam erti kata lain, cara yang paling baik adalah untuk memberi penumpuan kepada teknologi pemprosesan bahan asas. Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah perancangan untuk menubuhkan Rubber City yang telah diumumkan?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus. Sebenarnya memanglah tumpuan kerajaan untuk mewujudkan Rubber City ini sejajar dengan apa yang termaktub di dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua, iaitu mengeluarkan produk-produk industri hiliran yang bersandarkan kepada komoditi-komoditi dan juga industri-industri yang berasaskan kepada sumber. Melalui pembangunan dan penyelidikan yang ada di bawah agensi-agensi kami seperti RRIM, kita telah pun mengenal pasti produk-produk yang perlu kita pertahankan, kita pelbagaikan dan perlu kita eksport di pasaran antarabangsa. Maka usaha kerajaan untuk mewujudkan Rubber City ini dan juga untuk menggabungkan agensi-agensi berkenaan di bawah satu Lembaga Getah Malaysia yang diharapkan, insya-Allah, dapat kita laksanakan pada bulan Januari tahun depan, kita dapat terus mengorak langkah ke hadapan.

Tuan Haji Mustafa bin Muda: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk meningkatkan kualiti dan pengeluaran hasil getah asli ini, saya ingin mendapat penjelasan, kalau berdasarkan kepada keluasan kebun getah sama ada secara estet ataupun pekebun kecil, didapati sekarang ini makin kecil

keluasan itu dan ada sebahagian tanah-tanah getah telah dibenarkan oleh kerajaan untuk bertukar kepada komoditi lain, iaitu kelapa sawit.

Jadi, bagaimanakah usaha ataupun rancangan kementerian atau kerajaan untuk mempertingkatkan keluasan getah ini supaya sesuai dengan pengeluaran hasil sebagai komoditi yang penting kepada negara kita. Mengikut Laporan Ekonomi 1996 menyatakan berkemungkinan negara kita akan mengimport semula getah dari luar kerana kekurangan hasil getah utama dalam negara kita ini. Jadi, saya ingin dapat penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu. Sebenarnya perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ada berkaitan dengan struktur industri kita sendiri. Lebih kurang 84% dari jumlah keluasan tanaman getah dalam negara adalah terdiri dari kawasan pekebun-pekebun kecil yang menyumbangkan 78% dari jumlah pengeluaran getah asli negara. Ini bermakna masa depan pengeluaran getah asli negara banyak bergantung kepada sektor pekebun kecil dan tidak boleh dinafikan bahawa efisiensi dan produktiviti sektor pekebun kecil ini perlu dipertingkatkan.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil ini ialah mengenai dengan saiz pegangan tanah yang tidak ekonomik. Purata saiz pegangan pekebun kecil adalah seluas 1.9 hektar sahaja. Tetapi dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga di bawah Kementerian Pertanian, saiz ini dan strategi-strategi tertentu untuk penyatuan tanah-tanah ini di bawah konsep 'landlord-in-trust', dengan izin, diharapkan dapat mengatasi masalah-masalah keluasan tanah yang diterokai dan digunakan untuk getah.

Keduanya, pakai guna teknologi yang rendah. Trend masa kini didapati diterima pakai teknologi-teknologi baru di sektor pekebun kecil adalah agak rendah dan teknologi yang rendah ini menyumbang kepada produktiviti yang rendah. Kekurangan tenaga buruh merupakan satu perkara yang amat membimbangkan. Sebahagian besar pekebun kecil yang sedia ada telah tidak lagi produktif kerana umur mereka yang telah meningkat dan generasi berikutnya kurang berminat untuk meneruskan tradisi keluarga sebagai pekebun kecil. Ini bermakna ada ruang untuk kita menggunakan keluasan tanah yang digunakan untuk getah ini tanpa meluaskan lagi kawasan-kawasan yang dikenal pasti tetapi penting untuk kita tekankan kepada perkara-perkara yang saya sebutkan dalam jawapan asal tadi, untuk mempertingkatkan produktiviti, untuk mempertingkatkan kualiti dan untuk kita menekankan kepada produk-produk hiliran yang dapat kita eksport di pasaran antarabangsa.

SISTEM WAKTU KERJA BERPERINGKAT - PELAKSANAAN

10. Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera] minta Perdana Menteri menyatakan mengenai pelaksanaan sistem waktu kerja berperingkat:

- (a) memandangkan salah satu tujuan pelaksanaan sistem waktu kerja berperingkat adalah untuk mengurangkan masalah kesesakan jalan raya khususnya di pusat-pusat bandar utama dan bagi menyediakan lebih masa untuk perkhidmatan kaunter, apakah kesan-kesan daripada pelaksanaan sistem ini; dan
- (b) sekiranya sistem ini tidak mencapai matlamatnya apakah sebab-sebabnya dan apakah tindakan kerajaan seterusnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu panjang dan jawapan saya pun tidak panjang juga.
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia untuk menjalankan satu projek rintis sistem Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) di lima agensi kerajaan di kawasan Lembah Kelang pada pertengahan pertama tahun ini. Laporan projek rintis ini telah disiapkan dan sedang dalam pertimbangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, program perintis WBB ini ada kesan positif dan negatifnya. Kesan pelaksanaan sistem ini pada sektor awam dan pada masyarakat am serta tindakan lanjut kerajaan berhubung dengan perkara ini akan diumumkan setelah perakuan laporan projek perintis ini dikaji oleh kerajaan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan adanya WBB perintis ini bagaimana Yang Berhormat percaya dapat menyelesaikan masalah memandangkan tiap-tiap tahun kita tambahkan 300,000 motokar dan juga 400,000 ataupun 500,000 motosikal. Bagaimana kita dapat menyelesaikan dengan projek perintis ini, banyak perintis pun tidak guna juga.....

Seorang Ahli: Soalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Soalannya, bolehkah WBB menyelesaikan masalah yang bertindih-tindih, yang bertambah-tambah dengan bertambahnya bilangan kenderaan di negara ini?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya terangkan tadi, projek ini merupakan projek perintis, ianya cubaan atau pilot project, dengan izin. Tujuannya ialah untuk melihat dan setelah itu, akan dikaji dan kita akan melihat apakah kesan positif dan negatifnya termasuk kesan kepada kesibukan lalu lintas. Sesungguhnya projek ini tidak semata-

mata bertujuan untuk menyelesaikan masalah lalu lintas, tetapi kalau kiranya ia dilaksanakan dengan sepenuhnya, kerajaan yakin ianya dapat membantu.

Tuan Yang di-Pertua, buat hari ini hanya 6,000 orang sahaja yang terlibat. Saya percaya 6,000 orang ini mencukupi sebagai responden kita untuk kita kaji dari segi statistiknya kesan yang akan diperolehi nanti. Sesungguhnya perkhidmatan ini juga memberi faedah yang positif kepada masyarakat umum. Sekarang ini antara jam 7.15 pagi sampai 6.30 petang, iaitu lebih kurang 11½ jam perkhidmatan sehari diperolehi oleh masyarakat kita. Eleven hours of service time. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang pendek dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang pendek pun. *[Ketawa]* Minta maaf.

Soalan tambahan saya ialah mengikut pengetahuan saya, sambutan mengenai waktu lanjutan atau waktu berperingkat walaupun secara perintis tidak begitu menggalakkan, jadi sambutan dari orang awam tidak begitu hangat. Jadi, saya hendak tahu apakah sebabnya dan apakah langkah diambil untuk mempertingkatkan sambutan daripada orang awam ini terhadap projek perintis ini. Sam ada projek ini akan dihentikan selepas satu kajian dijalankan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Yang Berhormat dari Bukit Bendera, yang pertama, saya tidak pernah sebut perkataan 'pendek', *[Ketawa]* saya kata 'panjang' dan 'kurang panjang'. Perkataan itu lain kali saya akan minta ditarik balik - sensitif. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, berbeza dengan pemerhatian awal pihak kerajaan, sesungguhnya kita mendapat sambutan yang cukup baik daripada masyarakat, berbeza dengan anggapan daripada Yang Berhormat. Untuk makluman, kalau diizinkan saya sebutkan, ianya adalah 'win-win situation' - 'menang-menang' bagi anggota perkhidmatan dan juga kepada masyarakat yang menerima perkhidmatan kerajaan. Seperti mana yang saya nyatakan tadi, yang pertama, rakyat mendapat masa perkhidmatan yang lebih panjang, tidak perlu bertumpu-tumpu kepada 'peak hours'. Yang keduanya, dari segi anggota pentadbiran, dia boleh memilih waktu hendak datang awal sedikit, boleh balik awal sedikit; datang lambat sedikit, boleh balik lambat sedikit asalkan masa satu hari itu bertepatan dengan waktu biasa. Ini pada hemat saya, kerajaan akan mengkajinya. Sekiranya ia positif, akan dipanjangkan, bukan akan diberhentikan. Terima kasih.

AURAT ORANG ISLAM DALAM SUKAN - FATWA

11. Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau] minta Perdana Menteri menjelaskan fatwa mengenai aurat orang-orang Islam ketika mengambil bahagian di dalam sukan berenang, gimnastik, lompat

bergalah, tinju dan lain-lain. Bagaimana pula fatwa mengenai penglibatan peserta-peserta Islam di dalam pertandingan ratu cantik, bina badan dan pertunjukan pakaian. Adakah fatwa ini diseragamkan di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum ada fatwa yang dijadikan undang-undang mengenai aurat orang Islam ketika mengambil bahagian dalam sukan renang, gimnastik, lompat bergalah, tinju dan lain-lain.

Mengenai penglibatan peserta Islam dalam pertandingan ratu cantik, hanya negeri Selangor telah mengeluarkan fatwa mengharamkannya yang dijadikan undang-undang. Fatwa ini hanya berkuat kuasa di Selangor sahaja. Negeri-negeri lain belum ada fatwa sedemikian.

Mengenai pertandingan bina badan dan pertunjukan pakaian, belum ada negeri yang mengeluarkan fatwa mengenainya.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, oleh kerana Selangor adalah satu negeri yang telah membuat fatwa mengenai aurat dan baru-baru ini isu ratu cantik menjadi isu yang kontroversi. Jadi saya ingin mendapat penjelasan, adakah persaraan Mufti Selangor ada hubung kait dengan kes isu ratu cantik dan fatwa aurat ini?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap yang bermula ada kesudahannya. *[Ketawa]* Apatah lagi kalau sekiranya seseorang pegawai kerajaan itu bekerja secara kontrak, dia boleh ditamatkan bila-bila masa tanpa apa kesalahan yang dilakukan. Jadi bagi pihak mufti ini, memanglah pihak Kerajaan Negeri Selangor mengucapkan terima kasih atas perkhidmatan yang diberikan kepada negeri Selangor selama dia berkhidmat, tetapi oleh kerana perkhidmatannya perlu ditamatkan, maka sebab itulah kerajaan mengambil tindakan untuk menamatkan perkhidmatan beliau, bukannya daripada masalah pertandingan ratu cantik ataupun aurat Islam.

Tetapi sebagaimana dimaklumkan, apabila beliau dilantik sebagai Mufti, kita berdasarkan dia sebagai seorang yang warak. Ini di antaranya sifat-sifat mufti, selain daripada warak, berilmu, tidak begitu tua, maka inilah di antara sebabnya dilantik sebagai mufti. Sepatutnya orang yang warak, dia mesti kuat sabar. Kalaupun sekiranya dia diberhentikan sama ada dalam kontrak belum selesai, seorang yang warak tidak akan melatah sedemikian rupa. Banyak contoh pemimpin Islam dahulu, walaupun orangnya orang muda, bukan dalam bidang mufti tetapi dalam bidang yang lain, apabila dipecat daripada jawatan, oleh sebab mereka yang warak, dia tidak melatah.

Tetapi oleh kerana saya tidak tahu, dia buat pertunjukan sepanjang jalan (road show) mengatakan pihak kerajaan tidak adil bahkan pada masa dahulu saya tidak tahu sama ada dia menyokong kerajaan ataupun tidak, tetapi sejak akhir ini, diduga sedikit sedemikian rupa, sabarnya tidak ada, menentang kerajaan, walaupun pada mulanya dia bekerja dengan kerajaan dan ada nampak sedikit mirip kepada parti yang lain, jelas dia menentang kerajaan. Jadi, ini satu perkara yang sepatutnya tidak berlaku kepada seorang yang kita panggil 'mufti' dan juga mufti itu mesti orang yang warak, apabila warak, mestilah dia sabar dan tahan diduga. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah aurat perempuan ini bukan masalah fatwa atau tidak fatwa. Masalahnya, bilakah kita hendak melaksanakan atau tidak melaksanakan? Soalan saya dalam konteks soalan ini saya ingin bertanya, bilakah Kerajaan Malaysia akan menerima pakai peraturan ini?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menafikan masalah hukum mengenai aurat, kita tidak menafikan begitu. Tetapi persoalannya sekarang ialah dalam bidang sukan yang tertentu sama ada kita hendak kenakan fatwa. Siapa yang melanggar perkara aurat ini maknanya dia berdosa, serupalah orang PAS mengatakan orang tidak mengundi PAS tidak masuk syurga, lagi besar dosanya. *[Tepuk]* Apatah lagi di Changkat Jering begitu hebat sehinggakan orang-orang Barisan Nasional hendak kempen, langsung dikepungnya. Jadi, apakah tabiat sebagai orang yang membela Islam sedemikian rupa? Kadangkala dia memecahbelahkan masyarakat sedangkan memecahbelahkan masyarakat adalah diharamkan oleh Islam, tetapi dihalalkan oleh orang-orang PAS.

Di dunia sekarang, baik dunia yang mengaku negara dia sebagai negara Islam tidak pernah mengharamkan sukan dan tidak menentukan cara pakaian mana orang-orang dari negeri tertentu pakai apabila hendak berenang dan sebagainya, tidak ada. Di Iran sendiri, main bola, kepala lutut lelakinya keluar semacam. *[Ketawa]* Saudi Arabia main bola pun begitu juga, bahkan Iran sendiri ada pertandingan filem di Pulau Pinang rasa saya, dia mendapat johan yang tertentu daripada pelakon yang terbaik dan sebagainya, bercampur lelaki dan perempuan, dia berlakon bukan suami isteri, dengan orang lain juga. Inilah benda yang kita nampak daripada negara lain yang mengaku dia Islam, tetapi hakikatnya demikian rupa bahkan Malaysia lebih baik dan lebih teratur menjalankan hukum-hukum Islam yang diperintah oleh Barisan Nasional. *[Tepuk]*

TELEMEDICINE DI HOSPITAL - PERKHIDMATAN

12. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Kesihatan menyatakan setakat manakah Telemedicine (Internet) digunakan oleh hospital-hospital Malaysia dan mengenai penyakit apa.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan Internet telah disediakan untuk semua hospital besar yang mengalami latihan jarak jauh bagi program continuing medical education, dengan izin. Teleperubatan telah dirancang untuk dimulakan secara projek perintis pada tahun 1998 dalam bidang nefrologi, psychiatry, kanser dan jagaan ibu mengandung dan anak. Projek ini melibatkan Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ipoh, Hospital Teluk Intan, Hospital Taiping, Hospital Mentakab dan Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita akan melaksanakan Teleperubatan ini di seluruh negara, apakah persediaan kerajaan untuk petugas-petugas di hospital, apakah telah dimasukkan ke dalam program latihan iaitu sekolah latihan jururawat, sekolah pembantu perubatan dan juga sekolah-sekolah perubatan di IPT di negara ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, masalah latihan itu tidak menjadi masalah kerana latihan ini sama seperti melatih orang-orang menggunakan alat personal computer. Buat sementara waktu, latihan telah dijalankan untuk para doctor, para nurses, para pembantu perubatan farmasi dan juga ahli dietitian. Dan dijangka apabila kita advance dalam jangka masa sehingga menjelang tahun 2000, kita akan melibatkan ahli perubatan kesihatan yang lain.

Dr. L. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kemudahan Teleperubatan adalah lebih perlu untuk klinik-klinik dan hospital-hospital di kawasan pedalaman. Saya ingin tahu setakat ini atau bilakah Teleperubatan akan dilanjutkan kepada hospital-hospital atau klinik-klinik di kawasan pedalaman?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah maklumkan bahawa Teleperubatan telah dirancang hanya untuk dimulakan secara projek perintis pada tahun 1998. Saya telah sebutkan bahawa projek-projek ini akan melibatkan di peringkat perintis iaitu Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ipoh, Hospital Teluk Intan, Hospital Taiping, Hospital Mentakab dan Hospital Queen Elizabeth hanya dalam bidang nefrologi, psychiatry, kanser dan jagaan ibu mengandung dan dijangka pada masa akan datang kita akan luaskan.

**“COASTAL RECLAMATION” - PENCEMARAN TERHADAP
DASAR LAUT**

13. Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa “Coastal Reclamation” yang digalakkan kerajaan akan mencemarkan alam sekitar dasar laut. Sila pihak kementerian menyatakan:

- (a) adakah pihak pemaju ini mengikut peraturan-peraturan laporan EIA (Environmental Impact Assessment) dengan disiplin; dan
- (b) bagaimana caranya pihak kerajaan hendak memastikan bahawa pemaju-pemaju ini mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar di laporan EIA.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek penambahan pantai (coastal reclamation) yang mempunyai keluasan melebihi 50 hektar adalah tertakluk kepada seksyen 34(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan) 1996 di mana pemajunya diwajibkan mengemukakan laporan penilaian kesan ke atas alam sekeliling sebelum memulakan projek tersebut.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cara kerajaan memastikan pemaju-pemaju mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam laporan Environmental Impact Assessment (EIA), dengan izin, ialah melalui penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar. Di samping itu, pihak pemaju juga dikehendaki menjalankan pengawasan dan mengemukakan laporan mengenai pelaksanaan projek dari masa ke semasa. Penguatkuasaan ini dijalankan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri bagi mengawasi dan menguatkuasakan peraturan-peraturan tersebut. Sekian.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, negeri Melaka merupakan salah satu negeri yang mempunyai, saya rasa, projek tambakan laut yang paling banyak dalam negara kita di mana keseluruhan pinggir pantai negeri Melaka akan ditambah laut dan ini akan mengubah keseluruhan pinggir pantai. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerima atau sedar bahawa dari segi paya atau mangrove swamp akan menukarkan ekologi untuk mangrove swamp dan berapa banyakkah EIA yang telah diterima oleh pihak kementerian yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Dan apakah tindakan yang diambil selepas ia tidak diluluskan, tetapi telah diubahsuaikan oleh pihak pemaju?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana projek ini projek besar, lebih daripada 50 hektar, kementerian sedang menunggu laporan yang disediakan sekarang oleh EIA. Kita akan maklumkan kepada umum apabila ianya siap nanti.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan dan soalan relevan. *[Ketawa]* Saya ingin tanya Timbalan Menteri, laporan EIA biasanya dikaji oleh pemaju di mana keputusan laporan EIA bukan satu laporan yang independent atau dalam perkataan lain, laporan ini ada kemungkinan slanted, dengan izin, kepada pemaju. Soalan saya, macam manakah laporan EIA yang dibuat boleh menjadi satu laporan yang lebih independent?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak katakan laporan EIA tidak independent, itu adalah tidak benar. Ianya dibuat oleh konsultan dari macam-macam profesion, macam-macam disiplin. Konsultan inilah mengangkatkan laporan ini kepada pihak yang berwajib di peringkat negeri dan peringkat negeri akan memanjangkan kepada peringkat Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar untuk dibuat penilaian sama ada hendak diluluskan atau hendak ditolak ataupun disuruh untuk ditambah. Kajian terperinci dibuat. Seperti saya katakan ura-ura untuk membuat mega projek di atas gunung yang telah ditangguhkan, kajian itu mesti dibuat oleh satu konsultan yang besar, memakan kewangan yang begitu besar, hampir RM4 juta pada ketika itu. Jadi, kalau hendak dikatakan ini tidak independent, ini tidak benar. Ini tidak boleh main-main sebab kita mahu mengubah nature bukan senang, tabii bentuk rupa bumi. Terima kasih.

SUKATAN PENDIDIKAN PRASEKOLAH - PENYELARASAN

14. Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang] minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk menyelaraskan sukatan pendidikan prasekolah (tabika) yang akan digunakan oleh kanak-kanak pra-sekolah di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seksyen 2.2 Akta Pendidikan 1996 dengan jelas memperuntukkan bahawa tiap-tiap tadika ataupun prasekolah hendaklah menggunakan garis panduan kurikulum yang diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sahaja. Oleh itu, apabila pelaksanaan akta ini dikuatkuasakan nanti, semua tadika dan prasekolah akan menggunakan garis panduan kurikulum Kementerian Pendidikan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan rela untuk melaksanakan dasar-dasar DAP untuk prasekolah dan DAP bukan Democratic Action Party tetapi ialah Developmentally Appropriate Practices *[Ketawa]* yang dianggap.....kenapa takut DAP - Developmentally Appropriate

Practices untuk prasekolah tetapi DAP juarkan dasar DAP itu - Developmentally Appropriate Practices yang dianggap oleh academician yang lebih sesuai di mana prasekolah tidak mengikut apa yang dilakukan sekarang sebagai satu pra-sekolah rendah tetapi satu peluang di mana untuk membangunkan anak-anak kita, psikologi, mental, fizikal tanpa semua restrain yang ada. Adakah kerajaan rela menerima dasar DAP ini untuk pra-sekolah dan laksanakanannya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, terperanjat juga saya dengar - DAP mana ada dasar? *[Ketawa]* Apa dasar DAP ini?

Tuan Lim Kit Siang: Jangan takut DAPlah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya tak ada takut punya! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar bahawa selama ini soal tadika ataupun pendidikan prasekolah ini merupakan suatu kegiatan yang tidak begitu kemas keadaannya. Itu salah satu sebab yang apabila kita olah dasar pendidikan kita yang baru dulu, kita jadikan tadika atau tabika ataupun semua kegiatan prasekolah itu menjadi sebahagian daripada dasar ataupun sistem pendidikan kita. Hasratnya, niatnya, tujuannya ialah untuk memperkemas penyelenggaraan perkhidmatan ini baik dari segi kemudahan-kemudahan asasnya, baik dari segi peralatan-peralatan yang digunakan, baik dari segi kesesuaian guru-gurunya yang kita tahu perlu diberikan latihan yang sewajarnya untuk membolehkan anak-anak kita yang berada di peringkat tadika ataupun prasekolah itu diberikan suatu bimbingan yang sebaik mungkin. Itu sebabnya kerajaan juga telah mengadakan penyelarasan kerja di antara Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Semuanya itu bertujuan untuk memperbaiki lagi keseluruhan keadaan ini. Kita harap apabila akta kita yang baru ini dikuatkuasakan nanti tidak lama lagi, insya-Allah, semuanya ini akan dapat kita lihat perubahan-perubahan yang saya fikir memenuhi apa yang dipandang ataupun diberikan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi, tetapi bukan DAPlah, itu Barisan Nasional punya! *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan atas dasar di bawah seksyen yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi, tetapi ada satu lagi masalah iaitu masalah infrastruktur. Pada masa sekarang yang memberi kemudahan bimbingan prasekolah ini ialah pihak KEMAS dan Kementerian Pendidikan kebanyakannya.

Saya baru balik daripada kawasan saya di sekolah rendah kerajaan Pusa. Ini satu misalan sahaja. Kementerian Pendidikan telah mengkhaskan 25 murid sahaja akan diberi pendidikan prasekolah dan KEMAS akan memberi 50 orang, tetapi enrolmen di sekolah tersebut 130 orang, maknanya 55 orang yang tidak akan melalui prasekolah. Saya bertanya kepada guru apakah dasar lantikan 25 orang itu menjadi prasekolah untuk peruntukan tahun 1998, guru tidak boleh memberi jawapan kepada saya.

Saya ingin bertanya kepada kementerian apakah landasan mengkhaskan beberapa orang murid sahaja yang dibolehkan memasuki prasekolah daripada Jabatan Pendidikan di tiap-tiap sekolah, umpamanya sekolah yang saya sebut tadi 25 orang sahaja walaupun enrolmennya 130 orang. Apakah cadangan kerajaan pada masa akan datang untuk tidak ada lagi 'defisit' - perkataan ini mungkin tidak betul - anak-anak kita daripada kampung-kampung di luar bandar terutamanya tidak mendapat kemudahan prasekolah sebelum masuk ke sekolah formal. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, prinsipnya ialah kita berkehendakkan supaya kalau boleh semua anak kita yang berumur di antara 3 ke-6 tahun ini menghadiri tadika ataupun tabika ataupun dipanggil juga prasekolah. Kita maklumlah senario ataupun suasana di peringkat bawah itu banyak yang serba-serbi kekurangan. Itu sebabnya kita harap apabila penyelarasan ini dibuat, perkara-perkara seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi dapat kita atasi di masa-masa yang akan datang.

PROGRAM PELANCONGAN SEMPENA SUKAN KOMANWEL 1998

15. Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) program-program pelancongan khas untuk menarik pelawat luar negeri sepanjang tempoh Sukan Komanwel; dan
- (b) jumlah pelancong luar negeri yang dijangka akan melawat Malaysia pada tempoh tersebut dan sama ada ruang hotel adalah mencukupi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di antara program-program pelancongan khas untuk menarik pelawat luar negeri sepanjang tempoh Sukan Komanwel ialah program Commonwealth Cultural Festival yang melibatkan pertunjukan kebudayaan negara-negara Komanwel. Di samping itu juga, acara khusus iaitu Kuala Lumpur Cultural

Festival daripada 1 Januari hingga Oktober 1998, juga diadakan Merdeka Square Festival pada 10 hingga 20 Oktober tahun hadapan dan Games Village Festival daripada 1 hingga 30 September tahun depan akan juga diadakan.

- (b) Jumlah pelancong luar negara yang dijangka melawat Malaysia sempena Sukan Komanwel adalah di antara 60,000 hingga 70,000 orang.

Mengenai jumlah bilik hotel pula, ianya dianggarkan mencukupi kerana terdapat penambahan sebanyak 32 buah hotel baru yang sedang dibina di Kuala Lumpur dan dijangka siap pada tahun 1998 dengan jumlah bilik sebanyak 8,229 unit. Sehubungan dengan itu, jumlah keseluruhan bilik hotel pada tahun 1998 di Lembah Kelang adalah dianggarkan sebanyak 30,375 bilik.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, semua peserta Sukan Komanwel pula akan ditempatkan di pangsapuri di Perkampungan Komanwel di Bukit Jalil. Oleh itu, masalah kekurangan bilik hotel tidak akan timbul.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada program-program yang telah disebutkan tadi, apakah program lain yang ada yang akan disediakan untuk menggalak pelancong melawat lain tempat tarikan pelancong seperti Taman Negara dan sebagainya.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, Sukan Komanwel berlangsung hanya selama dua minggu, tetapi tahun 1998 adalah Tahun Sukan dan Rekreasi oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Oleh yang demikian, terdapat banyak lagi kegiatan sukan di seluruh negara yang dianjurkan sepanjang tahun 1998. Selain daripada itu, program-program biasa iaitu Pesta Flora Kuala Lumpur, Kuala Lumpur Shopping Carnival dan pelbagai lagi terus dianjurkan pada tahun itu.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin tahu berapakah jumlah tiket yang telah ditempah setakat ini ataupun yang dijangka akan ditempah oleh peminat-peminat sukan daripada luar untuk Sukan Komanwel? Terima kasih.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, susah sedikit kita hendak tahu ini sebab mereka menempah melalui badan-badan lain dan kepada pihak lain. Kadang-kadang tempahan ini tidak langsung melalui kementerian ini, tetapi kalau Yang Berhormat beri notis, bolehlah kita bertanya.

SEKOLAH AGAMA RAKYAT - KAJIAN MENGAMBIL ALIH

16. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing] minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian sudah menyiapkan kajian kemungkinan mengambil alih sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh negara. Sekiranya sudah, apakah cadangan yang dikemukakan dan tindakan seterusnya oleh kementerian. Berapakah jumlah sekolah dan murid yang terlibat di seluruh negara.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sudah pun selesai membuat kajian ke atas sekolah agama rakyat di seluruh negara. Kementerian Pendidikan tidak berhasrat untuk mengambil alih sekolah-sekolah agama ini. Pada masa ini Kementerian Pendidikan telah mengkaji dengan teliti dapatan-dapatan daripada kajian tersebut dan sedang dalam proses akhir penyediaan beberapa cadangan untuk dikemukakan kepada pihak pemutus dasar. Sehingga bulan Julai 1997 terdapat 200 buah sekolah agama rakyat dengan bilangan murid seramai 65,019 orang.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kajian nampaknya akan berakhir dan kerajaan tidak berhasrat untuk mengambil alih sekolah-sekolah agama ini, walau bagaimanapun, dari segi kajian ini adakah pihak kementerian Yang Berhormat Dato' mengkaji untuk menyeragamkan kurikulum pendidikan di sekolah-sekolah yang berkenaan. Jadi, kalau sudah membuat kajian, apakah pendekatan dalam kurikulum itu yang disyorkan oleh pihak kementerian Yang Berhormat Dato'?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun ambil tindakan untuk menyeragam dan menyelaraskan soal kurikulum di sekolah-sekolah agama ini dan penyelarasan itu kita buat melalui Pusat Islam, Lepai dan juga JAKIM.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana kerajaan tidak bercadang untuk mengambil alih sekolah-sekolah ini, apakah bantuan yang dapat diberikan oleh pihak kementerian?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, hitung panjang setiap tahun Kementerian Pendidikan membantu sekolah-sekolah agama ini peruntukannya lebih kurang sekitar RM60 juta. Bantuan-bantuan yang kita beri itu pelbagai, ada untuk memperbaiki bangunan, membuat kursus untuk guru-guru dan juga perkara yang ada hubung kait untuk memperbaiki dan memastikan anak-anak yang belajar di situ belajar dalam keadaan yang lebih selesa.

HAK MILIK STRATA - BILANGAN KES

17. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan berapa kes hak milik strata yang telah diuruskan. Sejauh manakah pelaksanaan peraturan tersebut terhadap pemaju-pemaju.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 1997 sebanyak 2,544 permohonan untuk hak milik strata telah diterima oleh negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Dari jumlah ini, sebanyak 1,342 permohonan telah diluluskan, 290 permohonan telah ditolak dan 911 permohonan masih dalam proses. Dari 1,342 permohonan yang telah diluluskan, sebanyak 811 permohonan telah dikeluarkan sejumlah 65,245 hak milik strata.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun 2,544 permohonan telah diterima terdapat banyak lagi bangunan berbilang tingkat yang layak dipecah bahagi, tetapi pemaju belum lagi kemukakan permohonan untuk hak milik strata. Kementerian ini mengambil berat atas isu kegagalan pemaju memohon hak milik strata dan telah melancarkan kempen aduan oleh pembeli-pembeli petak terhadap pemaju-pemaju yang berkenaan pada 26 Jun 1997.

Sebanyak 258 aduan telah diterima sehingga 27 September 1997 dan tindakan susulan sedang diambil. Mengikut Seksyen 8 Akta Hak Milik Strata 1985 sekiranya pemaju gagal memohon Hak Milik Strata dalam tempoh enam bulan dari tarikh perjanjian jual beli pertama atau enam bulan dari tarikh Sijil Layak Menduduki bangunan dikeluarkan mengikut mana yang terkemudian. Tindakan pendakwaan boleh diambil oleh pejabat tanah terhadap pemaju yang berkenaan. Penalties jika disabit adalah denda tidak melebihi RM5,000 dan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari pelanggaran tersebut berterusan.

Berhubung dengan kes pendakwaan setakat 27 September 1997, tindakan pendakwaan telah diambil oleh Pentadbiran Tanah Pulau Pinang dan

Negeri Sembilan terhadap pemaju-pemaju yang melanggar Sekyen 8 Akta Hak Milik Strata. Kes di Pulau Pinang telah dibicarakan dan denda dikenakan atas pemaju yang berkenaan, manakala di Negeri Sembilan masih dalam proses.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah menggesa semua Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri supaya mengenal pasti pemaju-pemaju yang gagal memohon hak milik strata dan mengambil tindakan pendakwaan terhadap mereka. Di samping itu sebagai susulan kepada aduan-aduan yang diterima, sesi dialog dan perjumpaan telah diadakan dengan pemaju-pemaju yang berkenaan pada 23 Julai 1997 dan agensi-agensi kerajaan pada 13 Ogos 1997 untuk mendapat tahu sebab-sebab permohonan untuk hak milik strata belum dibuat dan masalah-masalah yang dihadapi agar penyelesaian dapat dicari. Kebanyakan kes-kes pemaju gagal memohon hak milik strata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah kerana masalah tanah. Misalnya tapak terdiri dari beberapa lot yang belum dicantumkan, terdapat bahagian bangunan yang terkeluar dari lingkungan lot, terdapat pembinaan tambahan tanah terlibat dengan projek-projek infrastruktur seperti Light Rail Transit dan sebagainya.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan pemaju yang gagal memajukan permohonan untuk mendapatkan hak milik strata (strata title) pemaju itu boleh didakwa oleh kerajaan ke mahkamah. Tetapi soalan tambahan saya ialah apakah bantuan sebenarnya yang kementerian boleh memberikan kepada pembeli-pembeli yang berkenaan - bantuan yang

sebenarnya. Saya takut selepas pendakwaan masih tidak mahu membuat permohonan kepada kerajaan. Jadi apakah bantuan yang sebenarnya dapat dibekalkan kepada pembeli-pembeli?

Dr. Goh Cheng Taik: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum tanah di negeri adalah dalam bidang kuasa pihak berkuasa negeri, hanya tanah di Wilayah Persekutuan sahaja di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, kementerian telah mengambil inisiatif dengan kerjasama Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya menyiasat aduan-aduan yang dibuat oleh pembeli-pembeli. Seberapa banyak yang dikenal pasti kami akan memanggil pemaju-pemaju yang berkenaan, berdialog dengan kita dan pihak-pihak pembeli juga dibawa masuk dalam perbincangan. Selain daripada memberi teguran kami juga menolong pihak pemaju untuk mengatasi masalah-masalah, jika terdapat banyak kes, mereka tidak dapat memohon kerana terdapat masalah teknik yang mereka perlu mereka atasi. Jadi kementerian berpuas hati bahawa di Wilayah Persekutuan, pihak-pihak pemaju pun tampil ke hadapan untuk berkerjasama dengan kerajaan untuk mencapai penyelesaian.

Setakat ini tiada pemaju yang datang dan mengatakan mereka tidak mahu memohon hak milik strata dan tidak peduli undang-undang. Pendek kata kami cubalah untuk mengatasi masalah dengan kerjasama pihak swasta dan dengan kerjasama juruukur juga bantuan daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Tanah dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat masa yang diperuntukkan untuk soal jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 4, 5, 6, 7, 8 dan 18 hingga 38 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dan Anggaran Pembangunan 1998 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Ketujuh]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Maksud B.26 dan B.27 [Jadual] -

Maksud P.26 dan P.27 [Anggaran Pembangunan, 1998] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka, sila sambung ucapan.

3.37 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya ingin mendesak pihak kerajaan mengamalkan dasar pendemokrasian pendidikan dan yang terbuka dengan mendesak supaya Akta Universiti dan Kolej Universiti dimansuhkan. Langkah ini adalah perlu kalau negara kita hendak berjaya menghadapi cabaran mendirikan masyarakat maklumat dan celik IT. Selagi Akta ini tidak dimansuhkan kejadian janggal dan ketinggalan zaman seperti melarang ahli akademik mengeluarkan pandangan kepada media massa akan berulang lagi. Kalau begitu pihak kerajaan juga harus mengharamkan amalan undang-undang publish or perish di mana ahli akademik hanya boleh naik pangkat dengan kajian atau penyelidikan yang baru dicetak.

Tuan Pengerusi, sungguhpun pihak kementerian telah memberikan penjelasan tentang perkara ini, saya tidak faham macam mana satu arahan yang begitu primitif sekali boleh dikeluarkan. Ini jelas wujudnya Akta Universiti dan Kolej Universiti menyekat kebebasan berfikir dan hanya bertujuan mengekalkan *status quo* pihak pemerintah, di mana dalam dunia yang maju dan berdemokratik ada undang-undang yang melarang pelajar-pelajar menceburi masyarakat, politik dan sosial serta melarang mereka memberikan pandangan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin meminta kerajaan memberikan insentif kepada guru-guru sains, matematik dan komputer untuk menarik lebih banyak guru-guru dalam bidang ini. Sekiranya negara kita hendak melonjak menjadi negara maju berlandaskan IT, kita tidak boleh berkompromi dengan mutu pendidikan dalam bidang sains, matematik dan komputer. Adakah pihak

kementerian juga akan meningkatkan mutu bahasa Inggeris dengan menjadikannya sebagai satu mata pelajaran wajib dalam SPM sepertimana yang pernah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya juga ingin bertanya kerajaan berapa banyakkah sekolah yang telah ditutup sejak merdeka seperti yang saya nyatakan semalam. Saya juga ingin merujuk kepada beberapa masalah di mana di antaranya pernah disiarkan dalam surat khabar *Sin Yew Jit Pau* atau *Sin Chew Jit Poh* tentang masalah yang dihadapi oleh sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

Pertama, tidak ada bilik darjah di kawasan bandar yang menyebabkan kesesakan yang amat runcing sekali contohnya di Petaling Jaya yang tidak mencukupi dan kawasan Johor Bahru khususnya di Taman Tun Aminah, di mana penduduk yang kian bertambah telah menyebabkan kelas atau darjah hampir meletup. Untuk satu kawasan yang begitu besar, adalah tidak logik hanya ada sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Kok Kwang yang mempunyai hampir 6,000 pelajar di Taman Tun Aminah, Johor. Begitu juga di Subang, Petaling Jaya iaitu hanya sebuah SRJK(C) Lik Sing atau Lik Hang. Ini adalah berlawanan dengan konsep dan prinsip pendidikan 3M serta menjamin perhatian yang cukup diberikan kepada pelajar mengikut ratio pelajar dan pendidik. Mengikut kajian *Sin Chew* terdapat sekurang-kurangnya:

SRJK(C)

Negeri		Jumlah
Kedah	-	4 buah
Pulau Pinang	-	3 "

Perak	-	2	"
Pahang	-	4	"
Selangor	-	14	"
Wilayah Persekutuan	-	2	"
Negeri Sembilan	-	2	"
Melaka	-	4	"
Sabah	-	24	"
Sarawak	-	10	"

Yang menghadapi masalah kesesakan bilik darjah dan bilangan murid dalam tahap 'meletup'.

Kedua, tidak ada kemudahan elektrik dan komputer di kawasan luar bandar, macam mana kerajaan akan mencapai matlamat mendirikan satu masyarakat maklumat dan IT, kalau tidak ada bekalan elektrik.

Ketiga, peruntukan pembangunan yang tidak mencukupi di SRJK(C) contohnya di Melaka di mana pihak kementerian telah gagal menjalankan tanggungjawab membina semula bangunan yang menghadapi bahaya struktur seperti SRJK(C) Notre Dame. Saya juga ingin menarik perhatian pihak kementerian terhadap dua aduan terhadap dua buah SRJK(C).

Aduan pertama ialah terhadap kegagalan Jawatankuasa Pembina Sekolah SRJK(C) Chong Hwa di Asahan, Johor membuat laporan kewangan. Satu laporan polis pada 25 April, di Balai Polis Melaka Tengah telah dibuat terhadap Jawatankuasa Pembinaan Sekolah oleh salah seorang penderma bernama Ko Swee Yeong. Encik Ko telah menderma RM5,000 pada 17 Mac

1993 tetapi selepas menuntut daripada Pengerusi Lembaga Pengarah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Sekolah Encik Ang Ching Lee untuk memberikan penyata kewangan supaya dapat memberikan akauntabiliti tentang wang yang dikutip dan dibelanjakan, tetapi masih tidak berjaya. Akhirnya Encik Ko terpaksa membuat laporan polis terhadap Encik Ang dan pihak jawatankuasa sekolah.

Pada Disember tahun lepas semua kerja pembinaan kelas tambahan di sekolah itu sudah pun siap malah pada 15 Disember 1996 ada satu kempen tandatangan mendesak penyata kewangan diberikan, tetapi tidak dipedulikan oleh Jawatankuasa Pembinaan Sekolah.

Aduan kedua ialah oleh seorang penderma untuk sebuah dewan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Tun Hwa di Nyalas, Melaka yang bernama Lee Cheng. Lee Cheng telah pun menderma RM10,000 pada 1995 untuk membina dewan itu dengan persefahaman bahawa ia akan dinamakan bagi pihak bapanya iaitu mendiang Lee Meng, janji ini malangnya tidak ditunaikan, sebaliknya telah dinafikan begitu keras sekali, nama asalnya pula terpaksa ditanggalkan. Ini berlaku dalam kawasan rakan Yang Berhormat dari Selandar. Sungguhpun perkara ini telah dibawa ke perhatian dia, tetapi beliau saya rasa tidak menunjuk minat dan saya harap perkara ini boleh dijawab oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sungguhpun aduan telah dibuat kepada Pejabat Pendidikan Negeri, malangnya tidak ada sebarang tindakan diambil. Di samping itu saya juga ingin bertanya pendirian kementerian tentang cadangan Kerajaan Negeri Melaka memindahkan tiga buah sekolah di

Bandar Hilir daripada tapak bersejarah di Bandar Hilir kepada kawasan lain dan tiga buah sekolah lagi di Jalan Gajah Berang ke kawasan lain. Adakah kerajaan tahu reaksi ibu bapa dan bekas pelajar yang membantah pemindahan kerana sekolah-sekolah ini mempunyai ciri-ciri tradisi dan sejarah yang lama, yang harus dikekalkan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya macam mana kerajaan akan berjaya menjimatkan kerugian tukaran wang asing pendidikan sebanyak RM3 bilion dengan mengurangkan bilangan pelajar-pelajar yang menuntut di luar negeri dengan tidak adanya tempat universiti yang mencukupi dan dengan wujudnya dasar kuota. Kerajaan boleh menggalakkan penuntut belajar dalam negeri bila 30,000 tempat universiti tempatan adalah tidak mencukupi, macam mana boleh menggalakkan pelajar-pelajar dalam negeri dan berbanding dengan permintaan hampir 50,000 pelajar setiap tahun.

Usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan cemerlang serantau akan menghadapi kegagalan selagi syarat merit tidak diberikan keutamaan. Bolehkah saya tahu tempat-tempat universiti tempatan yang diberikan mengikut pecahan kaum dan pemberian biasiswa sejak tahun 1990. Kalau kita masih utamakan perhatian atas syarat kaum, saya rasa ini akan menggagalkan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat tarikan pendidikan yang boleh menggalakkan minat atau penceburan daripada semua pelajar-pelajar dan pendidik-pendidik di rantau ASEAN. Saya rasa kerajaan tidak akan berjaya mengurangkan tukaran wang asing selagi isu-isu pokok ini tidak diatasi.

Sebelum saya menghabiskan ucapan saya, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian pihak kementerian tentang perlunya pihak kementerian menggalakkan lebih ramai guru berkhidmat dalam kerajaan. Saya rasa tidak boleh dinafikan bahawa salah satu sebab mengapa orang-orang muda tidak berminat menjadi guru ialah kerana insentif ataupun gaji yang ditawarkan adalah tidak menggalakkan. Kalau pihak kerajaan ingin meningkatkan profesionalisme saya rasa selain dari gaji, tetapi layanan yang diberikan kepada guru mestilah munasabah. Dari segi peluang untuk naik pangkat pun mesti wujud, kerana ramai di antara guru yang meletakkan jawatan memberikan salah satu sebab mereka meletakkan jawatan adalah kerana wujudnya terlalu banyak politicking dalam sekolah, di mana peluang mereka naik pangkat bukanlah berlandaskan prestasi mereka, tetapi sama ada mereka ada menyertai parti politik, komponen Barisan Nasional, baik UMNO, baik MCA ataupun MIC, malah di sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil) memang menjadi satu skandal di mana guru bahasa mesti menjadi ahli yang cergas dalam MIC kalau ingin wujud. Saya rasa rakan saya di Sabah akan memberikan contoh-contoh yang sedemikian.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan gulung. Ini dicerminkan bila dewan-dewan di sekolah hanya dipinjamkan atau disewakan kepada parti-parti politik, parti pemerintah untuk menjalankan kegiatan politik, tetapi tidak pula memberikan peluang yang sama kepada parti-parti politik pembangkang, bila parti pembangkang pun sama-sama bersedia membayar sewa yang akan menambah tabung untuk sekolah tersebut.

Saya rasa Yang Berhormat, [*kepada Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus*] yang pernah menjadi seorang pemberita dan mengamalkan sifat terbuka, kalau kita hendak bersaing biarlah kita bersaing secara gentleman, jangan gunakan taktik below the belt dan menafikan peluang kita untuk menjelaskan dasar-dasar yang ada dalam pembangkang. Tadi Yang Berhormat kata DAP tidak ada dasar. DAP ada dasar, tetapi hanya tidak mahu diperakui oleh Yang Berhormat, jika Yang Berhormat seorang gentleman dan percaya bahawa kalau kita bersaing, kita bersaing dengan adil. Saya rasa

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat

Tuan Lim Guan Eng: peluang yang saksama mestilah diberikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka masa sudah lebih.

Tuan Lim Guan Eng: Ya dan janganlah membenarkan taktik-taktik seperti ini berlaku. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong.

3.48 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin merujuk kepada Butiran 060000 - Pendidikan Tinggi. Dalam konteks ini, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan mengapakah dalam pilihanraya kecil Changkat Jering baru-baru ini terdapat golongan pelajar yang mendukung perjuangan parti lawan? Saya ingin mendapat tahu dari manakah pelajar-pelajar ini, adakah pelajar-pelajar ini memegang biasiswa daripada kerajaan? Kalau Kementerian Pendidikan belum dapat lagi butir-butir ini, saya hendak tahu apakah tindakan awalan dan reaksi awalan yang akan dibuat oleh Kementerian Pendidikan terhadap pelajar-pelajar sebegini?

Saya memang tidak mahu mengatakan perkara ini tidak demokrasi, tetapi pelajar-pelajar ini saya rasa adalah pelajar pilihan yang diberi tempat oleh kerajaan untuk belajar, tetapi berkempen dan kempen untuk parti pembangkang. Kalau belum ada apa-apa tindakan saya mendesak.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada pembangkang yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Boleh saya bertanya?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kacaulah dia ini! *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Adakah Yang Berhormat dari Parit Sulong sedar mengajak pelajar berkempen untuk pembangkang ini diajar oleh

Timbalan Perdana Menteri dahulu [*Ketawa*] jadi kesan daripada itu masih ada sampai sekarang - kesan ajaran dari Timbalan Perdana Menteri. [*Tepuk*]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kubang Kerian ini macam makan cili terasa sendirilah, mungkin parti dia ini [*Ketawa*] parti dia. Saya hendak bertanya lagi sekali mengapa terdapat segolongan pelajar institusi pengajian tinggi baru-baru ini mendukung calon PAS di dalam pilihanraya kecil Changkat Jering. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap perkara ini? Kalau mereka memegang biasiswa adakah kerajaan akan memberi satu amaran keras kepada pelajar-pelajar ini ataupun kerajaan akan memberi satu surat tunjuk sebab supaya mereka tidak akan berbuat lagi perkara ini di masa akan datang atau kalau lebih ekstrem lagi, adakah pihak kerajaan mahu menarik terus biasiswa mereka supaya dia berhenti dari kolej dan masuk dakwah dan politik Kubang Kerian. Itu sahaja mengenai tajuk Butiran itu.

Yang keduanya adalah mengenai Butiran 020000 - Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah. Suka atau tidak suka, saya dari Parlimen Parit Sulong, daripada negeri Johor yang mempunyai satu institusi sekolah petang, institusi sekolah agama yang strukturnya adalah cekap, yang kreadibilitinya diterima oleh banyak negeri, yang perbelanjaan prasarananya adalah berpuluh juta, di mana gurunya adalah beratus-ratus, muridnya adalah beribu-ribu.

Pada penggal 1990-1995, ura-ura untuk memperkenalkan sesi sekolah yang panjang ataupun waktu sekolah yang panjang, daripada pagi sampai petang yang sekali gus akan melanggar waktu yang dikhaskan untuk sekolah

agama di Johor, pernah disuarakan. Tetapi apabila ada referendum, apabila ada perwakilan-perwakilan daripada negeri Johor Darul Ta'zim pergi menemui Kementerian Pendidikan pada ketika dan apabila ura-ura ini disuarakan oleh seorang wakil negeri Johor di dalam perbahasan Perhimpunan Agung UMNO. Wakil ini sekarang berada di dalam Dewan ini iaitu wakil dari Ledang sebagai wakil Kerajaan Negeri Johor. Oleh kerana pada ketika itu menjelang pilihan raya 1995 dan oleh kerana isu ini adalah bahan letupan politik kepada Barisan Nasional, maka Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat perakuan kepada UMNO bahawa perkara ini tidak dilaksanakan. Tetapi mengapakah perkara ini dilaksanakan sekarang?

Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri apakah masa depan institusi sekolah agama di negeri Johor apabila sekolah satu sesi diperkenalkan di seluruh negara? Apa akan jadi kepada bangunannya? Apa akan jadi kepada gurunya dan apa akan jadi kepada corak pendidikan agama di negeri Johor? Kita tahu ini adalah satu arahan daripada Kerajaan Persekutuan dan juga adalah keputusan Kerajaan Persekutuan di mana kerajaan negeri turut mendukungnya. Tetapi saya hendak tahu sama ada perkara ini telah dirundingkan semasak-masaknya, dengan izin you have exhausted all channel of discussion dengan negeri Johor.

Saya hendak tahu adakah Kerajaan Negeri Johor dibawa berunding mengenai hal ini. Apa keputusan Kerajaan Negeri Johor, ada atau tidak dibawa referendum dan perwakilan baru untuk mewakili suara Kerajaan Negeri Johor.

Tuan Pengerusi, saya menyuarakan perkara ini kerana saya yakin dalam pilihan raya akan datang perkara ini akan dijadikan satu lagi bom untuk mengancam Barisan Nasional di dalam pilihan raya. Terima kasihlah kerana Semangat 46 sudah tidak ada, kerana sudah balik dalam UMNO, tetapi ada konco-konco wakil daripada Kubang Kerian, dia akan menjadikan perkara ini habis-habisan dan saya yakin konco-konco daripada Kepong pun akan menyokong walaupun dia tidak faham, dia tengok sahaja. Saya yakin perkara ini akan dijadikan satu bahan politik yang akan digunakan untuk menikam Barisan Nasional di negeri Johor. Gambaran-gambaran menjelang pilihan raya tahun 1995 sudah jelas ke arah itu. Nasib baiklah pada ketika itu kita telah pun mengambil keputusan untuk membatalkannya, maka reda sedikit. Tetapi sekarang kita sudah laksanakan pula perkara ini. Saya agak emosionallah dalam perkara ini, kerana sudah lama, sudah berpuluh tahun. Saya ingat satu hari saya diberitahu oleh seorang pemimpin tertinggi negeri Johor, Kerajaan Selangor dan Kerajaan Wilayah Persekutuan sanggup memberi tanah supaya Kerajaan Negeri Johor mewujudkan sekolah agama di Wilayah Persekutuan dan Selangor supaya anak-anak di Wilayah Persekutuan dan Selangor mendapat pendidikan agama secara yang cekap, tiba-tiba sahaja dahulu sudah kata tidak ada, sekarang ada lagi, apa cerita ini? Kalau pandangan saya ini tidak betul, apakah alternatif yang diberikan menerusi kurikulum agama yang akan dirangkumkan sekali dalam pendidikan negara seluruhnya. Berapa detailkah pendidikan munakahad, berapa detailkah pendidikan tajwid, berapa detailkah

pendidikan muamalat dan segala-galanya, saya hendak tahu? Jangan kita campur aduk.

Memang sekarang kita hendak mengejar zaman teknologi dengan emphasis yang amat tinggi. Tetapi pada waktu yang sama kita hendak juga membuat emphasis kepada detail-detail pendidikan Islam yang selengkapnyanya kepada masyarakat. Adakah kita termampu, adakah kita mempunyai persiapannya? Adakah kita telah menyiapkan guru-gurunya yang memang terlatih khusus untuk mendidik agama dalam semua aspek apabila pendidikan agama ataupun di negeri Johor ini dihabiskan, dimansuhkan maka wujud pendidikan agama yang dirangkumkan ke dalam sistem pendidikan nasional.

Tuan Pengerusi, saya juga mahu mendapat penjelasan daripada Kementerian Pendidikan iaitu kekanda saya Timbalan Menteri Pendidikan. Sebab dia panggil saya selalu 'adik', jadi ini adik hendak bertanya, ini kita bercakap mengenai sekolah 'b e s t a r i' atau pun sekolah 'bestari', mana satu yang betul saya tidak tahu, 'bistari' atau bestari? Pada masa saya kecil dahulu, kalau bijaksana itu dipanggil 'bistari' sekarang ini sudah menjadi 'b-e-s-t-a-r-i', tidak tahu saya tidak mahu mempersoalkan ini. Bermakna sekolah bestari dan juga meningkatkan pendidikan teknologi khususnya teknologi maklumat dan pada waktu yang sama penguasaan komputer oleh anak-anak paling khusus lagi anak-anak di luar bandar.

Mulai tahun sembilan puluhan saya rasa sudah beratus unit komputer saya hantar ke sekolah-sekolah, waktu itu belum ada akses kepada Internet, belum ada Pentium, cikgu-cikgu pergi ke PIBG sini minta komputer, pergi

PIBG sana minta komputer, guru-guru belajar komputer. Sekarang apabila sudah ada projek sekolah bestari di kawasan saya ada sebuah sekolah yang telah pun menerima tauliah sekolah bestari satu komputer pun tidak ada - tidak ada satu komputer pun, ini sekolah menengah. Jadi kita hendak laksanakan perkara ini perancangannya macam mana? Adakah sekarang ini Kementerian Pendidikan akan memberi satu kata janji undertaking, dengan izin di dalam Dewan yang mulia ini bahawa mulai tahun hadapan semua sekolah bestari yang dikenal di seluruh negara sebagai pioneers mesti diberi peralatan komputer yang secukupnya supaya mereka ini menjadi satu model, satu contoh. Dan pada waktu yang sama akan menjadi katalis kepada pertumbuhan dan percambahan minat terhadap alam komputer, kalau tidak tidak payahlah hantar tauliah sekolah bestari - sekolah bestari, senyap-senyap jalan sahajalah. Sebab kepada kami wakil rakyat yang berintraksi kepada rakyat akar umbi, ini menjadi masalah, kami dikejar, diburu, dia tanya bila hendak hantar komputer, saya kata tidak tahu, tanyalah Kementerian Pendidikan, belanjawannya yang paling besar dalam negara sebanyak RM15 bilion lebih untuk tahun ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Izinkan satu minit lagi, Tuan Pengerusi.

Yang keduanya, sekolah-sekolah rendah ini, kami wakil rakyat tidak termampu, daripada peruntukan kami tidak termampu untuk memberi jumlah komputer yang membolehkan satu sekolah yang kecil katakanlah satu ratus

lima puluh orang untuk belajar komputer secara sempurna. Satu unit mungkin kami boleh beli setahun, tetapi berapa puluh unit macam di kawasan saya ada 30 buah sekolah rendah.

Saya tidak mampu memberi 30 unit komputer satu tahun. Jadi, saya harap pihak kerajaan carilah jalan, kalau hendak menunggu pihak kerajaan dengan duit kerajaan mungkin tidak termampu. Mengapa tidak diwujudkan satu pakatan bestari (smart alliances) dengan korporat-korporat alam komputer, dengan komputer giant dalam negara kita? Wujudkan satu gerakan mobilisasi, informasi teknologi (IT).

RTM pun buat kempen-kempen informasi teknologi (IT) - susah orang kampung hendak sebut. Teknologi maklumat cukuplah. Ini hendak ikut juga Inggeris - IT - informasi teknologi. Saya minta janganlah kita memberi gambaran tidak serius kepada masyarakat bahawa kita sebenarnya serius. Perdana Menteri serius, Menteri Pendidikan serius, seluruh pemimpin negara serius terhadap perkembangan IT dan khususnya dalam membina generasi maklumat. Tetapi tindakan kita menggambarkan seolah-olah kita tidak serius, seolah-olah kita tidak ada koordinasi di dalam hal ini. Saya harap tolonglah khususnya anak-anak luar bandar.

Saya baru berceramah hari Ahad lalu, orang kawasan saya kata Yang Berhormat apa hendak cakap fasal teknologi maklumat, saya jaga kelapa sawit sahaja. Saya kata bukan saya tidak tahu pak cik jaga kelapa sawit, tetapi saya hendak cakap supaya pak cik jaga anak itu belajar komputer. Macam mana hendak belajar komputer? Harus diadakan satu pakatan, pihak kerajaan dengan

pihak swasta supaya mereka dapat menggandingi usaha kerajaan di dalam mewujudkan generasi maklumat yang akan mendukung perkembangan teknologi maklumat di masa akan datang, gabungkan mereka. Sekarang ini memang ada kewujudan pakatan-pakatan seperti itu, tetapi secara *ad hoc*.

Saya telefon mereka orang kawan saya di syarikat-syarikat, dia kata satu dua komputer saya boleh beri. Kalau satu dua komputer atas dukungan kerajaan saya rasa beratus komputer akan datang. Agih sahajalah keseluruhan kawasan khususnya di luar bandar. Pihak bandar tidak apa. Di bandar, anak-anak di darjah dua sudah belajar komputer, anak-anak di kampung sudah habis ujian UPSR pun belum kenal komputer. Saya balik ke kampung jumpa anak saudara saya, saya tanya pernah jumpa komputer? Tak pernah pak cik. Hendak pegang pun cikgu tidak beri. Komputer yang sebuah itu, cikgu takut rosak. Jadi, saya minta maaf Tuan Pengerusi, perkara ini serius dan saya rasa kekanda saya pun faham bahawa kita serius.

Saya harap menerusi perbincangan di dalam peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pendidikan, perkara ini akan mendapat satu perspektif baru, pemikiran baru, strategi baru dan gerakan yang baru. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baram.

4.05 ptg.

Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap atas perkara ini. Oleh kerana saya tidak ada peluang untuk berucap di peringkat dasar dahulu, izinkan saya mengambil peluang ini untuk menyuarakan sokongan saya kepada

kepimpinan Perdana Menteri yang kita sayangi, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri dalam usaha mereka memimpin negara kita mengatasi krisis mata wang Ringgit dan pasaran saham yang melanda negara kita setakat ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin berucap mengenai Maksud B.26 - Kementerian Pendidikan dan saya ingin sentuh beberapa Butiran seperti berikut, iaitu Butiran 020000 - Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah; Butiran 00800 - Rumah-rumah Guru Luar Bandar; Butiran 00901 - Asrama Biasa; Butiran 03500 - Ubahsuai dan Naik Taraf; Butiran 03501 - Rendah; Butiran 03502 - Menengah; Butiran 03503 - Maktab Perguruan; Butiran 03504 - Sokongan Pendidikan; Butiran 03505 - Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pendidikan memang memainkan peranan utama dalam pembangunan sumber manusia negara ke arah mencapai satu sistem pendidikan yang bertaraf dunia dan memenuhi aspirasi negara dalam melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia, bersepadu, beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera serta berkemampuan dalam menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan dan kemajuan negara dengan memberikan peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia. Berasaskan kepada beberapa peranan dan tujuan yang tersebut, saya memuji Kementerian Pendidikan kerana sentiasa proaktif untuk menggubalkan strategi-strategi yang secara strategik serta melaksanakan program-program pendidikan yang menyeluruh dari peringkat prasekolah ke

peringkat rendah, peringkat menengah, kolej dan seterusnya ke peringkat universiti untuk kepentingan semua rakyat di Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang pendidikan di luar bandar kerana di kawasan ini kita telah melihat ada sedikit kelemahan dalam beberapa bidang khususnya bagi banyak kawasan di Sarawak dan kawasan saya sendiri di Baram.

Yang pertama ialah pengwujudan prasekolah bagi rakyat kita di luar bandar, saya minta supaya kementerian membuka banyak lagi pusat prasekolah ini di luar bandar khususnya bagi kawasan yang jauh dari bandar seperti kawasan saya di Baram, kerana pendidikan prasekolah ini akan mulai melakukan asas pendidikan kepada anak-anak kita, dengan adanya prasekolah ini kelakuan dan prestasi murid-murid di peringkat rendah dan menengah telah menunjuk bahawa prasekolah memang memberi perbezaan pada prestasi mereka pada keseluruhannya.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, dari segi bangunan dan kemudahan-kemudahan sekolah di luar bandar. Semasa membuat lawatan rasmi di kawasan saya di Baram, saya menerima maklum balas dan melihat dengan mata saya sendiri beberapa bangunan sekolah, asrama dan rumah-rumah guru yang sudah lama dan usang masih lagi digunapakai oleh sekolah-sekolah dan guru-guru seperti di SRK Ubung Imang di Long Lama, SRK Long Aton di Ulu Tinja, SRK Long Anat tempat kampung saya sendiri dan SRK Sungai Arang dan banyak lagi sekolah-sekolah rendah yang lain di pedalaman Baram.

Tuan Pengerusi, nampaknya jika tidak diperbaiki dengan segera banyak rumah guru, asrama dan bangunan sekolah yang nampak sangat berbahaya didiami kerana tiangnya sudah usang ataupun rumah tersebut sudah senget seperti seorang yang sudah mabuk tidak dapat berdiri dengan teguh lagi.

Tuan Pengerusi, saya berterima kasihlah kepada kementerian kerana telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menaiktaraf dan memperbaiki beberapa sekolah rendah dalam tahun-tahun yang lalu di kawasan saya di Baram. Apa yang saya minta ialah supaya kementerian meneruskan dan mempergiatkan lagi program ini supaya sekolah-sekolah yang dalam keadaan teruk begitu boleh diperbaiki dan dibuat baik ke tahap keadaan yang selamat untuk digunapakai sebagai pusat pendidikan yang kita banggakan. Selain dari itu saya juga ingin menyeru supaya peruntukan tambahan diberi lagi atau ditambah kepada negeri-negeri yang mempunyai keadaan seperti ini supaya mereka ataupun Jabatan Pendidikan boleh terus-menerus menjalankan program untuk memperbaiki banyak lagi kemudahan-kemudahan sekolah di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya kuarir bagi pendidikan di kawasan luar bandar ialah dengan izin, the relatively high percentage of drop out di kalangan murid-murid di luar bandar khususnya bagi kawasan saya di Baram. Saya faham bahawa kebanyakan orang yang tersisih dari sekolah mereka ialah kerana beberapa faktor seperti ibu bapa mereka tidak mampu membayar yuran sekolah ataupun yuran peperiksaan untuk murid-murid tersebut mengambil peperiksaan mereka. Jadi murid itu terpaksa ditarik balik

oleh ibu bapa ke kampung dan terus tidak melanjutkan sekolah mereka. Inilah satu masalah yang saya rasa kita patut mengatasi.

Yang keduanya dari segi high incident of bullying, dengan izin di sekolah menengah oleh murid-murid di sekolah itu sendiri ataupun orang luar yang masuk ke kawasan sekolah dan mengacau murid-murid di sekolah tersebut. Jadi, murid-murid yang menjadi mangsa itu tadi tidak bersemangat untuk meneruskan persekolahan mereka dan mereka pun terus balik ke kampung. Ini juga satu masalah oleh kerana kita mempunyai drop out yang tinggi.

Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengurangkan peratusan murid-murid yang disisih dari sekolah-sekolah di luar bandar khususnya dari segi kerajaan mengatasi masalah yang saya sebutkan berlaku di kalangan sekolah-sekolah seperti kekurangan disiplin dan ketidakmampuan ibu bapa murid-murid yang terlibat membayar yuran sekolah dan yuran peperiksaan mereka.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, ada sebuah sekolah menengah di kawasan saya iaitu di SMK Tuttur Apor, di Long Panai Baram. Dalam beberapa tahun yang lalu sekolah ini telah dilanda banjir sekurang-kurangnya lima kali setahun. Setiap kali sekolah itu banjir, pengurusan sekolah dan murid-murid terpaksa berhenti sekolah selama banjir itu berlaku, kadang-kadang sampai dua tiga hari tidak sekolah. Apabila banjir itu sudah habis pun guru-guru dan murid-murid

mengambil masa satu atau dua hari lagi untuk membersihkan kawasan sekolah tersebut. Jadi saya rasa keadaan seperti ini telah menjejaskan usaha guru-guru menjalankan pelajaran mereka dan juga telah menjejaskan prestasi murid-murid sekolah selain dari ancaman dari serangan nyamuk aedes dan kotor-kotoran. Oleh yang demikian,....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat sila gulung ya.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Oleh yang demikian, saya minta kementerian menyasat masalah sekolah di SMK Tuter Apor ini dengan pandangan yang terbuka kerana jika keadaan ini terlalu teruk saya minta supaya sekolah ini pindah ke satu kawasan yang selamat dan tapak yang baik. Jadi, dengan ucapan yang demikian, Tuan Pengerusi, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kubang Kerian.

4.15 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, saya ingin berucap di atas Butiran 020000 - Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah.

Saya ingin menyentuh hal disiplin sekarang ini yang berlaku di sekolah-sekolah kita nampaknya merosot begitu hebat sekali. Apakah pihak kementerian bercadang ataupun sedang mengusahakan supaya masalah disiplin ini kita kembali cara lama iaitu pelajar-pelajar boleh dirotan dan public canning terus diadakan dan guru-guru mendapat perlindungan.

Sekarang ini kita lihat sampai ke peringkat polis boleh menangkap guru di hadapan para pelajar. Walaupun kadangkalanya disiplin itu diambil terhadap pelajar, guru yang bersalah, tetapi cara kita marahkan guru itu biarlah di bilik guru besar ataupun pihak pengawas sekolah yang mengendalikan untuk mendisiplinkan guru jangan sekali-kali di hadapan pelajar.

Sekarang ini kita lihat kadangkalanya guru diherdik oleh ibu bapa di hadapan pelajar dan paling malang sekali polis menangkap guru yang mengambil tindakan disiplin di hadapan pelajar. Ini menyebabkan pelajar-pelajar nampak mereka terbelah, mereka adalah budak-budak yang perlu dididik dan kita harap masalah disiplin ini diambil satu tindakan, satu kerja yang bersungguh-sungguh. Memang disiplin pelajar-pelajar sekolah sekarang ini begitu merosot sekali. Kita pun susah hati tidak kira parti politik apa-apa, kerana masalah ini adalah masalah koman yang perlu kita ambil tindakan secara yang cukup serius - masalah disiplin para pelajar sekarang ini.

Perkara yang kedua ialah masalah guru-guru yang kita lihat mengajar matematik di sekolah-sekolah kerajaan. Kalau di sebelah petang atau sebelah malam dia mengajar matematik dalam kelas-kelas untuk dia mencari sedikit wang tambahan. Guru yang sama apabila dia mengajar di sekolah biasa, sekolah yang dia kerja dari 8.00 pagi hingga 2.00 petang, dia tidak begitu ada inisiatif dan pandangan atau cara dia mengajar tidak begitu hebat. Tetapi apabila dia mengajar pada sebelah malam atau petang, pelajaran yang sama matematik juga dia boleh menunjukkan cara mengajar yang lebih baik bila dia

mendapat wang tambahan, iaitu apabila dia dapat RM20-RM30 sejam misalnya dia boleh menunjukkan performance yang cukup baik, sedang performance itu tidak dapat ditunjukkan dimasa dia bekerja biasa. Jadi, sudah tentulah kita lihat perkara yang kita lihat asasnya ialah masalah pendapatan, iaitu apabila pendapatan terlalu berkurangan dan tanggungan yang besar, masalah disiplin dan semangat guru pun jatuh dan kita lihat mereka lebih berupaya ketika mengajar di masa kelas tambahan daripada kelas masa penuh. Barangkali ini bukan berlaku pada semua guru, tetapi kita lihat masa dia mengajar kelas tambahan, dia boleh bersifat lebih rajin, produktif dan pandangan-pandangan serta cara mengajarnya lebih hebat kalau dibandingkan dengan masa dia mengajar di sekolah tadi.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu Butiran 060000 - Pendidikan Tinggi. Saya ingin bertanya sekarang ini barangkali pihak kementerian sudah ada angka itu, iaitu berapakah jumlah kolej swasta yang telah diizinkan oleh kerajaan. Daripada jumlah itu berapa yang dimiliki oleh bumiputera dan berapa penuntut bumiputera yang ada di kolej-kolej swasta itu dan average yuran daripada berapa ringgit keberapa ringgit untuk setiap bulan atau satu tahun. Tabung pinjaman yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan adakah juga boleh dipohon oleh mereka yang menuntut di kolej-kolej swasta ini dan kita harap pihak timbalan menteri dapat memberi jawapan sebentar nanti.

Seterusnya mengenai pendidikan tinggi ini juga iaitu di Butiran 060000 mengenai IPT, saya ingin bertanya pihak kementerian supaya membuat

pertimbangan di atas hal kebebasan akademik, sebab kebelakangan ini, misalannya kenyataan yang dibuat oleh Menteri Penerangan supaya pihak-pihak akademik jangan mengeluarkan kenyataan mereka di akhbar atau memberi pandangan-pandangan mereka. Ini adalah satu tindakan yang terkebelakang.

Kita lihat misalnya hal jerebu, mereka yang mengeluarkan pandangan akademik itu berdasarkan kajian seperti Profesor Madya Dr. Amirdin Isnin, dia Ph.D dalam geologi, sudah tentu bila dia bercakap melalui kajian-kajiannya. Misalnya beliau mengatakan bahawa jerebu ini akan berpusing di sekitar Asia Tenggara selama dua tahun. Kita tidak tahu, tetapi kita tahu daripada kajian mereka dan katanya sebab jerebu itu blanketnya ada di sebelah Pantai Barat, di sebelah Pantai Timurnya Kemaman kerana bumi Malaysia ini panas, kepanasan bumi Malaysia ini meningkat begitu cepat, tidak sesuai dengan tumbuhan-tumbuhan yang ada di sekitar ini. Jadi, pandangan seperti ini bukan proPAS proDAP dan bukan proUMNO, tetapi pandangan bercorak akademik. Memanglah pandangan kita itu menggerunkan iaitu jerebu akan berpusing selama dua tahun, Sukan Komanwel akan berlangsung tahun hadapan pada bulan September sudah tentu kira gerun, tetapi ini pandangan ahli akademik dan kalau ada hendak kaunter pandangannya mesti ahli akademik yang lain menulis dan kaunter pandangan Profesor Madya Amirdin Isnin ini. Begitulah juga pandangan-pandangan akademik yang dikemukakan oleh Profesor Jomo, pandangannya tidak dikeluarkan dalam akhbar-akhbar tempatan kerana pandangannya agak mengkritik kerajaan dan pandangan-pandangan itu

dikeluarkan dalam akhbar *Herald Tribune* akhbar-akhbar luar negeri, maka kita kadangkala membaca artikel-artikel profesor kita daripada majalah luar negara. Kita tidak boleh baca dari majalah tempatan atau akhbar-akhbar tempatan, kebebasan ini kita harap pihak kementerian jaminlah, walaupun dia kritik itu kadangkalanya terkena kerajaan, tetapi kita lihat pandangan Profesor Jomo kebelakangan ini baru diterima iaitu dibawa ke TV3, RTM untuk diinterview, setelah keadaan ekonomi jadi begini, bahkan kritik-kritik beliau, tulisan-tulisan akademik berdasarkan fahaman ekonomi, projek mewah yang berjalan serentak, bahaya bubble economy dan sebagainya.

Kita dapat baca tulisan ahli akademik Malaysia daripada majalah luar negeri dan kita harap dalam masalah ini kita kena bertolak ansur, iaitu IPT terutama profesor-profesor yang belajar begitu lama, pandangan mereka tidak boleh diberitahu kepada rakyat, maka disekat pula pandangan itu. Ini tidak menyuburkan akademik di negeri kita. Begitulah juga sekarang ini seorang profesor ditahan di bawah ISA - Profesor Lufti Ibrahim dan saya harap Kementerian Pendidikan sudah menyerahkan perkara ini kepada polis, janganlah ambil tindakan apa-apa kepada beliau kerana beliau tidak bersalah ditahan di bawah ISA. Kalau bersalah kami semua ini bukan penjenayah termasuk Timbalan Perdana Menteri yang ditahan selama 21 bulan, jadi biarlah dia habiskan siasatan itu, keluar nanti pihak kementerian jangan mengambil tindakan apa-apa, bolehlah dia terus mengajar di Universiti Malaya kerana dia seorang profesor yang membuat penyelidikan. Jika dia ada unsur-unsur salah

sila dakwa ke mahkamah, kalau dia didapati salah oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Persekutuan barulah pihak universiti boleh mengambil tindakan.

Tuan Pengerusi, seterusnya mengenai Butiran 030000 - Pendidikan Teknikal, perkara ini perlu diambil berat sungguh sekarang ini kerana kita hendak mengurangkan pekerja asing dan kita pula hendak pilih teknologi pada masa yang datang, kesilapan dasar perindustrian negara ini sekarang mula dirasai, mula diakui iaitu kita tidak menyediakan tenaga-tenaga tempatan. Kita harap Kementerian Pendidikan akan menjadikan ini satu tekanan yang utama menjelang tahun 2000 atau selepas tahun 2000, supaya pergantungan kepada tenaga-tenaga luar dalam bidang kemahiran ini tidak berlaku pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sungai Petani.

4.25 ptg.

Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi sedikit peluang kepada saya untuk membahaskan beberapa butiran. Saya hendak tumpukan perhatian terhadap Butiran 020000.

Tuan Pengerusi, saya mewakili salah satu bandar yang sedang berkembang pesat di Malaysia dan saya percaya masalah yang saya hadapi di bandar Sungai Petani khususnya adalah sama juga dengan yang dihadapi oleh bandar-bandar lain yang sedang berkembang pesat seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang, Ipoh dan sebagainya.

Saya nampak salah satu masalah yang sangat mendesak ialah masalah kekurangan bilik darjah untuk menampung keperluan murid-murid yang semakin bertambah. Masalah yang timbul saya nampak ialah kerana tidak adanya keselarian antara perkembangan pesat projek-projek perumahan dan pembangunan berbanding dengan pertumbuhan pesat kanak-kanak yang semakin membesar, yang memerlukan pendidikan khususnya bilik-bilik darjah di sekolah rendah dan di sekolah menengah. Jadi, apabila dua pertembungan yang berlaku secara mendadak ini tanpa ada keseimbangannya tanpa ada keselariannya, maka masalah ini semakin hari, semakin mendesak.

Saya ingin mencadangkan kalau boleh, saya hendak minta Kementerian Pendidikan berbincang dengan kerajaan negeri-kerajaan negeri, khususnya pihak-pihak berkuasa tempatan dengan cara menetapkan tiap-tiap projek perumahan yang mengandungi misalnya terlampau ramai lima ribu orang penduduk atau sepuluh ribu orang penduduk yang melibatkan projek-projek perumahan yang besar ini menetapkan supaya pemaju-pemaju itu bukan sahaja wajib memperuntukkan tanah-tanah untuk tapak sekolah tetapi juga mendirikan bangunan sekolah itu sendiri.

Kini di setengah negeri ada menetapkan supaya pemaju-pemaju perumahan itu memperuntukkan tanah untuk sekolah dan mereka ini kadangkalanya memperuntukkan tanah-tanah yang tidak boleh digunakan untuk didirikan sekolah, misalnya ada lopak, gaung dan sebagainya. Di sini perlu diwajibkan pihak pemaju perumahan memperuntukkan sebidang tanah untuk didirikan sekolah yang saiznya mungkin sederhana, yang boleh

menampung antara lapan ratus orang hingga seribu dua ratus orang murid. Jika ini dapat dilaksanakan, saya percaya beban Kementerian Pendidikan akan berkurangan dalam memperuntukkan bilik-bilik darjah untuk keperluan anak-anak kita. Saya nampak bukan sahaja keperluan ini dapat ditangani dengan secara efisien, tetapi saya nampak bila sekolah ini didirikan dengan banyak, peluang kenaikan pangkat untuk guru-guru kita juga semakin bertambah, misalnya peluang untuk menjadi guru besar, peluang untuk menjadi guru penolong kanan dan sebagainya.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya hendak menarik perhatian pihak kementerian terhadap kelulusan mata-mata pelajaran yang penting dalam UPSR, PMR dan SPM, terutamanya melibatkan penduduk-penduduk di luar bandar. Murid-murid di luar bandar terutamanya dalam UPSR kadang-kadang dapat score keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran-mata pelajaran yang lain. Kita tengok apabila sampai keputusan bahasa Inggeris, keputusan matematik, keputusan sains, ketiga-tiga mata pelajaran ini mereka mendapat keputusan yang tidak baik terutama bahasa Inggeris.

Saya nampak kelemahan dalam keputusan-keputusan terutamanya bahasa Inggeris dan matematik atau sains bukan kerana murid-murid ini tidak pandai, tetapi kurangnya pendedahan dan minat murid-muridnya ini terhadap mata pelajaran-mata pelajaran ini. Sebab itu saya minta supaya kementerian memberikan perhatian yang khusus bagaimana kita boleh mengadakan aktiviti-aktiviti untuk mendedahkan para pelajar luar bandar ini dengan mata pelajaran matematik bahasa Inggeris dan sains, terutamanya mata pelajaran bahasa Inggeris. Salah satu cara untuk mendedahkan pelajar-pelajar ini dengan mata pelajaran bahasa Inggeris terutamanya ialah dengan mengadakan kem-kem khemah kerja bahasa Inggeris di sepanjang masa, misalnya di ketika

cuti sekolah. Di sinilah keperluan Kementerian Pendidikan untuk memperuntukkan peruntukan yang khusus bagi kegiatan-kegiatan yang seperti ini untuk mendedahkan anak-anak kita dengan mata pelajaran bahasa Inggeris supaya mereka ini ada minat. Bila ada minat Tuan Pengerusi, dengan sendirinya mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk lulus dalam mata pelajaran ini. Masalahnya sekarang saya dapati di sekolah-sekolah ini, walaupun mereka melakukan aktiviti ini dalam keadaan yang jarang-jarang dilakukan, tetapi masalah kekurangan peruntukan, tidak ada peruntukan yang khas menyebabkan kegiatan-kegiatan ini tidak dapat dilangsungkan secara terus-menerus. Dengan itu saya minta pihak kementerian memberikan perhatian terhadap isu ini, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Batang Sadong.

4.30 ptg.

Cik Sukinam Domo [Batang Sadong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut serta membincangkan Anggaran Perbelanjaan 1998 bagi Kementerian Pendidikan di bawah Maksud Bekalan B.26, Butiran 020000 - Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah; Butiran 03000 - Pendidikan Teknikal; Butiran 110000 - Naziran Institusi Pendidikan; Butiran 150000 - Pengurusan Pentadbiran Negeri; Butiran 310400 - Penyelenggaraan Bangunan Perabot/Pejabat; Butiran 00800 - Rumah-rumah Guru Luar Bandar; Butiran 00900 - Asrama. Saya akan membicarakan ini sekali gus kerana masa tidak mengizinkan. Saya hanya akan memberikan contoh-contoh dari negeri Sarawak kerana saya tiada mempunyai contoh-contoh statistik dari seluruh Malaysia. Saya telah memohon tetapi sampai sekarang belum diberikan.

Pertama, kekurangan guru siswazah terlatih. Kekurangan guru siswazah terlatih memang amat ketara sekali. Telah beberapa kali disuarakan dalam Parlimen ini tetapi nampaknya belum dapat diatasi oleh kementerian, oleh kerajaan dan semua pihak kerana atas beberapa perkara saya percaya. Kekurangan guru Sains dan Matematik terutamanya amatlah mendesak terutama pada masa kini penekanan kepada pelajar lulusan Sains dan Matematik amat mendesak sekali kerana adanya zaman IT, computerisation, dengan izin, dan sebagainya.

Misalnya, kalau kita lihat di Sarawak sahaja kekurangan guru siswazah ini amatlah mendesak sekali. Saya kira lulusan Sains dan Matematik kalau mengikut statistik daripada kementerian, 393 untuk guru Sains, guru Matematik 208 seperti yang telah dibentangkan dalam satu jawapan kepada satu

soalan di Parlimen ini. Tetapi baru-baru ini saya mendapat statistik bagi negeri Sarawak effective, dengan izin, 1.9.97 bilangannya telah berkurangan. Tetapi apa yang saya timbulkan di sini ialah bahawa guru Sains dan Matematik ini memanglah amat berkurangan sekali.

Kalau kita hanya berdasarkan kepada galakan supaya pelajar-pelajar mengambil jurusan Sains dan Matematik, saya rasa ianya tidak akan berhasil, kerana ianya merupakan satu vicious circle, dengan izin. Kita ingin menambah bilangan kelas Sains dan Matematik supaya lebih ramai pelajar mengambil jurusan Sains dan Matematik, tetapi tidak ada guru. Kita ingin menambah bilangan guru, tetapi dimanakah calonnya? Kita ingin menambah guru Sains dan Matematik itu mestilah guru yang pandai, yang berkualiti, tetapi di manakah calonnya? Kerana biasanya pelajar-pelajar lulusan sekolah yang baik, top students, dengan izin, mereka tidak akan mengambil jurusan perguruan. Ibu bapa tidak akan mahu anak-anaknya jadi cikgu. Mereka akan lebih suka anaknya jadi jurutera, doktor dan sebagainya. Jadi, di manakah kita akan mendapatkan guru Sains dan Matematik? Sampai berzaman-zaman pun mungkin tidak akan dapat, kecuali mungkin kita import. Masalah import ialah dari segi bahasa pengantar. Masalahnya amatlah besar.

Saya mencadangkan untuk mengatasi masalah ini pada jangka masa yang pendek ini, janganlah semua sekolah menengah membuka kelas Sains, Pure Sains, kerana memang tidak akan ada cikgu. Masalah kekurangan guru Sains dan Matematik ini bertambah rumit apabila mulai dua-tiga tahun yang lepas mata pelajaran Sains dan Matematik telah diwajibkan kepada semua pelajar di tingkatan menengah atas. Jadi, bertambahlah kekurangan guru Sains dan Matematik ini. Di Sarawak khususnya guru-guru siswazah walaupun sudah dicalonkan atau diarah untuk bertukar ke Sarawak masalahnya biasanya mereka tidak mahu, kerana ini juga salah maklumat kononnya Sarawak jauh dalam hutan, masih ketinggalan, tidak mahu mengajar di Sarawak.

Kedua, saya cadangkan mungkin kita harus mengadakan flexible time table, dengan izin. Mungkin dua buah sekolah berkongsi satu guru Sains dengan digunakan satu flexible time table, katalah enam bulan guru Sains itu mengajar di sekolah A, kemudian enam bulan lagi di sekolah B, terutama bagi sekolah-sekolah yang jauh, tidak akan dapat kita katakan satu hari di sekolah A, satu hari di sekolah B, tidak mungkin, kerana kekurangan ini biasanya berlaku di luar bandar, bukan di bandar. Itu satu tentang guru-guru Sains dan Matematik. Guru bahasa Inggeris memanglah banyak lagi kekurangan.

Kedua, pengisian jawatan naik pangkat dan perlantikan ke jawatan naik pangkat. Apa yang saya sarankan ini adalah juga komen daripada guru-guru terutama di Sarawak. Kita dapati perlantikan ke jawatan naik pangkat ini berdasarkan penilaian SSB amatlah tidak adil. Pernah saya suarakan tidak adil, kerana berdasarkan SSB banyak human factor yang terlibat banyak subjektivitinya. Bagi Kementerian Pendidikan begitu besar sekali, bermakna penilai-penilainya beribu-ribu penilai, tidak akan mungkin dapat di'standardize' beribu-ribu penilai itu. Jadi, A bagi seseorang penilai tidak akan sama bagi seseorang penilai yang lain.

Saya merasakan bahawa sistem yang lama juga perlu diambil kira juga dalam perlantikan kenaikan pangkat selain daripada menggunakan penilaian di bawah SSB, sepatutnya ada juga penilaian lain khusus untuk jawatan naik pangkat untuk penilaian daripada pihak lain, dan di luar-luar bandar di Sarawak untuk mengisi jawatan ini juga perlu. Di Sarawak, jawatan naik pangkat amatlah begitu mendesak sekali perlu diisi. Begitu banyak lagi jawatan naik pangkat di sekolah di Sarawak perlu diisi, beratus-ratus lagi jawatan DG4 dan DG5 yang perlu diisi di luar-luar bandar. Tidak akan ada jalan lain untuk mengisinya kecuali kita ubah. Sekarang ini kita guna sistem yang ada, kalau cukup 10 tahun, 15 tahun sudah confirm kemudian penilaian dari segi SSBnya tinggi dia akan dinaikkan diberikan tawaran DG4 atau DG5 dan dihantar ke luar bandar. Kebanyakan mereka ini adalah wanita yang sudah bersuami, sudah berumah tangga. Sudah tentulah mereka tidak mahu ke luar bandar jauh.

Mungkin kita perlu ubahsuai drastically, dengan izin, kita tawarkan kepada guru-guru muda. Kalau pun mereka baru lima tahun mengajar asalkan sudah disahkan dalam jawatan, terutama yang belum berumah tangga, mereka adventurous, dengan izin, ditawarkan supaya dapat mengisi jawatan-jawatan di luar bandar dan mungkin mereka ada banyak idea baru dan lebih inovatif dan kreatif dapat membantu anak-anak di luar bandar.

Bagi jawatan naik pangkat sekolah menengah, bahkan sekolah rendah juga, amatlah tidak adil apabila penilaian sahaja digunakan seperti saya katakan tadi, apabila ada guru yang menjalankan tugas pengetua, tidak dapat dinaikkan pangkat, sebaliknya guru biasa dinaikkan pangkat. Bermakna guru biasa itu kemudian melangkau bossnya dahulu, dia lebih dahulu naik pangkat jadi pengetua DG2, tetapi pengetua itu tidak, oleh kerana berdasarkan penilaian SSB kerana ciri-ciri ataupun item-item dalam SSB sama sahaja untuk guru biasa, pengetua sama sahaja, tidak ada perbezaannya.

Kemudian ketiga, perbelanjaan untuk kerja-kerja naik taraf dan baikpulih. Kita faham dan ingin menekankan IT dan saya juga menyokong computerisation, dengan izin. Tetapi nampaknya ada

pandangan bahawa seolah-olah kita menekankan sangat tentang IT dan computerisation yang melibatkan sekolah-sekolah bandar khususnya tanpa mengambil kira sekolah-sekolah lain yang amat memerlukan kerja-kerja naik taraf dan baikpulih khususnya di luar bandar. Saya ambil contoh, di luar bandar, tak usahlah di Sarawak, di daerah saya sahaja di Simunjan ada 52 sebuah sekolah rendah, tidak ada sebuah pun sekolah rendah ini dibuat daripada konkrit, semuanya kayu dan sudah uzur, 30 tahun ke atas usianya. Bagi sekolah berasrama, ada 9 buah sekolah berasrama, ini mengikut statistik, dibekalkan katil tetapi tiada tilam. Tidak ada sebuah katil pun yang ada tilam bagi sekolah berasrama. Katil sahaja bagi sebuah sekolah berasrama.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Cik Sukinam Domo: Masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat. Saya minta maaf, banyak lagi, lain kali.

Tilam sahaja ada tujuh buah. Tiada katil dan tilam sebuah, kebanyakan sekolah ini menggunakan platform, saya tidak tahulah apa bahasa Malaysia. Platform yang disusun - pangkin. Jadi, anak-anak itu akan tidur berhimpit-himpit. Kalau ikut peraturan Jabatan Bomba, saya rasa memang tidak akan diluluskan. Tetapi kalau hendak tunggu Jabatan Bomba meluluskan budak-budak ini tidur di mana, hendak ke sekolah di mana. Ini masalah yang kita hadapi di luar bandar. Memang bukan masalah baru, tetapi oleh kerana ianya belum diatasi, saya terpaksa menimbulkannya sekali lagi. Sepatutnya selain kita menekankan IT, computerisation, the same percentage ditekankan juga kepada kerja-kerja baikpulih di luar bandar khususnya.

Kemudian, prestasi guru dan pengesahan dalam jawatan. Kita selalu mempersoalkan guru sekarang prestasinya tidak lagi tinggi, guru sekarang tidak macam dahulu dan macam-macam lagi disalahkan kepada guru. Saya merasakan memang ada benarnya juga, mungkin segelintir yang begitu kecil daripada yang ramai, manusia biasa rambut sama hitam hati lain-lain, perangai pun lain, memang ada juga guru yang tidak begitu komited. Tetapi dalam pada ini saya merasakan dalam pemerhatian kami, saya dan guru-guru di Sarawak cara kita mengatasi masalah ini saya rasa agak 'peace meal', dengan izin. Misalnya, apabila guru tidak berpuas hati, tambah elaun guru. Apabila guru Sains dan Matematik kurang, baru-baru ini diumumkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan mengatakan guru-guru Sains dan Matematik akan diberikan elaun. Adakah dengan pemberian elaun ini akan

menambahkan bilangan guru Sains dan Matematik, adakah akan menaikkan prestasi mereka, saya ingin mempersoalkan.

Saya rasa tidak ada kesudahannya dengan tiap-tiap hari menambah elaun. Ada sahaja suara bersungut, beri elaun, suara sedikit buka mulut, beri elaun. Saya rasa tidak ada kesudahannya. Saya cadangkan supaya kementerian, mungkin sudah dibincangkan dalam Jawatankuasa Khas hari itu supaya sistem ganjaran dan gaji guru ini perlu diteliti secara menyeluruh, bukan 'peace meal', dengan izin.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Cik Sukinam Domo: Okay. Beberapa perkara lagi, pengwujudan pentadbiran bagi bahagian Samarahan dan Bintulu. Sarawak besar, semua di sini tahu Sarawak sama besar dengan Semenanjung, tolak mungkin Perlis. Sudah beberapa tahun pentadbiran pendidikan Sarawak memohon supaya diwujudkan pejabat pentadbiran bagi bahagian Samarahan dan Bintulu, tetapi sehingga kini tidak diwujudkan. Pada hal bilangan sekolah di kawasan ini begitu besar. Di kawasan Kuching-Samarahan kalau dibandingkan jauh lebih besar daripada Perlis bilangannya.

Bahagian Samarahan misalnya dalam kawasan saya sekolah menengah 12 buah, tetapi tidak ada, bagaimanakah penyelia-penyelia hendak membantu guru-guru. Guru-guru perlukan bantuan, guru-guru luar bandar ini kebanyakan muda-muda, mereka perlukan bimbingan, tetapi tidak ada penyelia.

Akhirnya, oleh kerana masa tidak mengizinkan, tentang Pendidikan Vokasional dan Teknik. Dahulu kita ada pendidikan vokasional untuk the so-called school leavers yang tidak berorientasikan akademik, ataupun yang tidak berkeupayaan dalam bidang akademik mereka dihantar ke sekolah vokasional untuk belajar kemahiran-kemahiran. Sekarang ini tidak ada lagi vokasional, tetapi sekolah teknik. Untuk masuk sekolah teknik, qualification amatlah tinggi. Jadi, tidak akan dapat.

Baru-baru ini saya difahamkan untuk naik ke Tingkatan Menengah Atas SPM, lulus satu mata pelajaran dalam PMR pun boleh naik ke Tingkatan IV. Apa akan terjadi kepada anak-anak itu kerana the gap antara PMR dan SPM amat jauh dari segi mutu pendidikannya. Kebanyakan anak-anak kelulusan PMR tidak akan dapat mengikuti academic subject dalam SPM. Apa akan terjadi kepada mereka at the end of the day, pada hal kita memerlukan tenaga mahir dari segi semi-skilled dan sebagainya yang sekolah vokasional dahulu boleh membekalkan. Sekarang ini cuma Giat MARA dan mungkin belia dan sukan. Saya mencadangkan di Sarawak khususnya supaya sekolah vokasional yang

dahulu dibuka semula untuk anak-anak kita yang tidak berkemampuan dalam bidang akademik ini. Nampaknya banyak lagi hendak saya katakan, oleh kerana masa tidak mengizinkan, sekian sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih, saya ingin menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Serdang.

4.47 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya untuk menyentuh Butiran 01100 - Bantuan Modal.

Tuan Pengerusi, pada waktu ini Kementerian Pendidikan telah memberi pertolongan atau bantuan kepada pembangunan sekolah-sekolah di negara kita memberikan dua jenis bantuan. Pertama, ialah bantuan penuh kepada sekolah-sekolah itu. Bantuan penuh ertinya segala pembangunan sekolah, membaiki atau menambah bilik-bilik darjah di sekolah tersebut akan dibiayai oleh Kementerian Pendidikan di mana ikut program sekolah-sekolah tersebut hendaklah membaiki atau menambah bilik darjah tersebut, maka peruntukan itu sampai untuk memanggil tawaran supaya sekolah akan mengatasi masalah tersebut.

Sekolah jenis bantuan modal, Tuan Pengerusi, saya bangkit perkara ini penting kerana lebih 1,000 buah sekolah di bawah skim bantuan modal ini sedang wujud di negara kita ini yang kebanyakan ialah daripada SJK(C) dan SJK(T). Bantuan modal ertinya hanya memberi bantuan kepada bayaran gaji guru-guru atau bayaran pentadbiran sekolah tersebut. Tetapi kalau pihak sekolah meminta peruntukan untuk membaiki bilik darjah atau menambah bilik darjah untuk menampung pertambahan murid-murid di kawasan tersebut, maka peruntukan tidak akan sampai melalui Kementerian Pendidikan tetapi hanya melalui kutipan daripada PIBG sekolah atau Lembaga Pengurus sekolah tersebut untuk meminta kerjasama dan pertolongan daripada masyarakat tempatan untuk mendapat tabung bagi membaiki atau menambah bilik darjah untuk menampung murid-murid di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, sistem pendidikan di negara kita adalah sama, tetapi oleh kerana ada dua sistem memberi bantuan sekolah, ini telah mencetuskan satu masalah tidak puas hati atau rasa kecewa dari masyarakat tempatan terhadap sekolah-sekolah bantuan modal kerana mereka tidak faham apa sebab sekolah-sekolah bantuan modal yang juga di dalam aliran pendidikan Malaysia tidak dapat layanan yang sama untuk mendapat bantuan mendirikan atau membina bilik darjah untuk menampung murid-murid di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya bangkit perkara ini kerana bukan sahaja masyarakat Cina dan masyarakat India terlibat dengan sekolah bantuan ini, tetapi juga beribu-ribu murid daripada masyarakat Melayu juga turut terlibat. Ramai murid bangsa Melayu telah menyertai sekolah aliran Cina kerana pendidikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan (C) ini bukan sahaja memberi pengajaran dalam bahasa Mandarin, tetapi juga bahasa Malaysia dan Inggeris di mana murid-murid daripada aliran tersebut dapat juga memahami ketiga-tiga bahasa dalam negara kita ini. Oleh yang demikian, ramai ibu bapa terdiri daripada masyarakat Melayu telah menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut. Oleh kerana tidak ada perimbangan bantuan daripada kerajaan melalui Kementerian Pendidikan kepada sekolah-sekolah bantuan modal ini, sudah tentu wujud rasa tidak puas hati di masyarakat tempatan, tetapi juga telah dieksploitasi dan sentiasa disuarakan oleh DAP, terutama sekali oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan Kota Melaka mengapi-apikan masalah tiada perseimbangan bantuan Kementerian Pendidikan kepada sekolah-sekolah bantuan modal ini.

Untuk mengatasi masalah ini, Tuan Pengerusi, satu sebab mengapa Kementerian Pendidikan tidak dapat memberi bantuan penuh kepada sekolah-sekolah tersebut ialah kerana tanah itu dimiliki oleh Lembaga Pengurus Sekolah. Apa salahnya kita timbang semula, kaji semula peraturan tersebut. Undang-undang dibuat oleh Dewan ini melalui Kementerian Pendidikan. Oleh kerana, sekolah bantuan modal juga memberi peluang kepada anak kita untuk mendapat pendidikan dan mereka juga merupakan pemimpin-pemimpin negara kita akan datang. Seperti Tuan Pengerusi, beliau telah mendapat pendidikan melalui sistem ini dan saya juga adalah salah seorang daripada sekolah bantuan modal ini.

Memang saya tidak nafikan Kementerian Pendidikan telah memberi bantuan. Katakanlah sekolah bantuan modal membuat permohonan mengikut dasar sekarang, kalau kutip RM1.00 kementerian akan beri RM1.00, one-to-one, Tuan Pengerusi. Tetapi dasar ini tidak dapat dilaksanakan. Semasa sekolah bantuan modal membuat bilik darjah untuk menampung murid-murid hampir 300,000 kalau PIBG atau Lembaga Pengurus Sekolah tersebut tidak mengutip RM200,000 daripada masyarakat tempatan, kalau ikut dasar Kementerian Pendidikan sepatutnya Kementerian Pendidikan akan memberi juga RM200,000 kepada sekolah tersebut supaya mengikut dasar yang telah dicatatkan sepanjang masa ini. Tetapi dasar ini tidak dilaksanakan buat waktu ini, kerana kadang-kadang permohonan ini daripada sekolah bantuan modal hanya dapat RM10,000 atau RM20,000 daripada Kementerian Pendidikan. Jadi, ini tidak munasabah kerana tidak mengikut dasar yang telah ditentukan oleh Kerajaan Barisan

Nasional yang telah mengisytiharkan dalam manifesto pilihan raya. Saya menang kerana manifesto pilihan raya Barisan Nasional itu.

Tuan Pengerusi, ini penting kerana sekolah-sekolah bantuan modal ini bukan satu-dua buah sahaja di dalam negara kita, tetapi lebih 1,000 buah sekolah jenis ini. Jadi, saya minta Kementerian Pendidikan mengkaji semula dasar bantuan RM1.00 dengan RM1.00 itu diteruskan atau mengkaji semula peraturan yang tertentu supaya memberi bantuan penuh kepada institusi-institusi pendidikan rendah ini. Apa salahnya peruntukan diberi untuk mencantikkan atau memodenkan kemudahan-kemudahan asas di sekolah tersebut.

Tuan Pengerusi, mungkin dasar-dasar kementerian boleh tolak ansur. Saya tidak tahu macam mana cara untuk mengatasi masalah ini, tetapi saya terpaksa membangkitkan perkara ini, kerana masih ada beribu buah sekolah jenis ini sedang menghadapi masalah besar. Kalau tidak ada bantuan daripada kerajaan melalui Kementerian Pendidikan, maka sekolah-sekolah tersebut akan dijadikan satu sasaran politik yang akan digunakan sepenuhnya oleh parti-parti pembangkang pada bila-bila masa akan datang. Ini akan mencetuskan masalah tidak seimbang terhadap pendidikan di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh satu perkara yang penting di sini mengenai sebuah sekolah SJK(T) Kasafeld, Batu 10, Puchong di kawasan Serdang. Sekolah ini telah dipindah daripada sekolah asal yang ditempatkan di ladang tersebut. Pemandahan sekolah Tamil ini daripada sekolah asal kerana projek perumahan dijalankan. Tetapi tidak ada tempat. Jadi, Kementerian Pendidikan tempatkan murid-murid dari sekolah asal itu ke hospital estet yang telah terbiar begitu lama sebagai sekolah.

Tuan Pengerusi, saya melawat ke sekolah ini, saya telah membangkitkan perkara ini dan merayu kepada Kementerian Pendidikan selama dua tahun. Jawapannya Kementerian Pendidikan memang sedar, tetapi sekolah ini adalah sekolah bantuan modal. Pemaju telah bersetuju memberi satu tapak seluas tiga ekar sebagai rezab sekolah Tamil supaya berpindah daripada Ladang Grimis ke tapak baru. Kalau ikut dasar ini memang jadikan sekolah bantuan penuh akan datang. Yang teruk sekali, Tuan Pengerusi, sekolah Tamil ini akan lebih teruk lagi kerana pembinaan Lebuhraya Damansara-Puchong yang dekat sampai bilik darjah. Saya tidak tahu macam mana dalam suasana begini murid-murid boleh dapat pendidikan yang memuaskan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Yap Pian Hon: Jadi, Tuan Pengerusi, saya mintalah sekolah Tamil yang teruk ini boleh dimasukkan di bawah skim sekolah Wawasan bersama-sama sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah Cina ditempatkan di satu kawasan yang dipanggil Pusat Bandar Puchong di mana 15 ekar tanah telah ditentukan, permohonan telah sampai dan minta Kementerian Pendidikan timbangkan...

Tuan Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Senai bangun tetapi nampaknya masa tidak mengizinkan.

Dato' Yap Pian Hon: Tidak ada masa, minta maaf. Saya ucap terima kasih juga kepada kementerian yang telah meluluskan lebih 10 buah sekolah menengah dan sekolah rendah dalam Belanjawan 1997 di dalam kawasan Puchong. Kerana kawasan Puchong sedang membangun merupakan kawasan bandar baru, saya ucap terima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang memahami betapa seriusnya dan telah dapat peruntukan lebih 10 buah sekolah menengah dan rendah di kawasan Puchong untuk menampung bilangan penduduk yang telah sekian lama di situ. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sipitang.

4.49 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Butiran 020000 - Pendidikan Prasekolah Rendah dan Menengah, Butiran 030000 - Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Butiran 060000 - Pendidikan Tinggi Swasta.

Kita tahu pada masa ini pendidikan adalah sebagai satu kemestian dan sebagai satu pelaburan yang begitu berguna. Pendidikan awal adalah satu perkara yang perlu. Saya ingin bertanya kementerian apakah perancangan prasekolah ini akan diadakan di seluruh sekolah di seluruh negara. Kerana apa yang kita lihat sekarang ini cuma beberapa sekolah sahaja yang ada program prasekolah. Bilakah ia boleh dilaksanakan untuk menyeluruh kerana kita melihat kalau sekolah-sekolah di luar bandar itu pendidikan prasekolah ini tidak ada dan begitu jauh perbezaan pencapaian akademik murid-murid yang pernah belajar di prasekolah berbanding dengan mereka yang tidak pernah menghadiri pendidikan prasekolah.

Pendidikan prasekolah ini juga penting untuk mendisiplinkan. Saya rasa awal-awal lagi kita tegaskan tentang pembentukan disiplin murid-murid khususnya murid-murid di luar bandar. Perkara

yang serius juga dilihat ialah apabila mereka sampai ke sekolah menengah, sekarang ini disiplin adalah satu perkara yang merunsingkan pada masa ini. Mungkin masalah ini adalah akibat daripada murid itu sendiri. Tetapi murid ini adalah murid yang dibentuk. Memang masalah juga saya rasa timbul daripada guru-guru. Kalau kita lihat guru-guru sekarang ini tidak begitu mendisiplinkan murid-murid seperti guru-guru pada masa dahulu. Banyak guru yang tidak mengambil berat tentang perkara ini, kerana ada segelintir guru-guru kalau kita lihat khususnya di luar bandar dan juga di bandar tidak begitu berminat. Mereka lebih berminat dengan kerja-kerja luar selepas mengajar. Misalnya, aktiviti luar dan ada guru-guru yang menambah pendapatan dengan berniaga ataupun membawa kereta seperti private sapu dan sebagainya.

Saya mohon kementerian melihat kembali peranan guru-guru untuk mendisiplinkan murid-murid. Disiplin ini juga mungkin akibat daripada peranan ibu bapa yang begitu longgar. Pada masa dahulu bahawa peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru ini begitu menonjol untuk membincangkan soal-soal pendidikan, soal-soal pencapaian murid, disiplin dan sebagainya. Tetapi kalau kita lihat pada hari ini, pada mesyuarat yang pernah saya lihat bahawa PIBG ini tidak lagi menitikberatkan perkara-perkara seperti ini. Mereka lebih membincangkan soal jawatan dalam PIBG dan juga soal perniagaan, pelaburan, koperasi dan sebagainya. Saya rasa perkara ini perlu juga diambil perhatian oleh kementerian.

Satu perkara lagi mengenai dengan disiplin ini adalah Pendidikan Moral. Apa yang ada sekarang ini Pendidikan Moral begitu mengelirukan. Banyak aduan daripada ibu bapa bahawa Pendidikan Moral ini kadang-kadang tidak membentuk moral murid-murid tersebut. Saya ingin bertanya kementerian apakah rujukan ataupun terms of reference, dengan izin, untuk membentuk syllabus ataupun sukatan pendidikan moral ini. Kalau ianya tidak dapat membentuk moral yang baik kerana di Malaysia ini sebagai satu negara berbagai-bagai latar belakang dan juga keadaan sosial, maka Pendidikan Moral ini memang boleh menjadi satu perkara yang membingungkan.

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya Pendidikan Moral ini diganti terus dengan Pendidikan Agama Islam sebagai mata pelajaran yang perlu diambil. Saya bukanlah mengatakan di sini bahawa Pendidikan Agama Islam ini untuk memaksa pelajar-pelajar bukan Islam untuk memeluk agama Islam, tidak sekali-kali. Tetapi nilai-nilai dalam Pendidikan Agama Islam itu sebagai satu nilai yang universal yang boleh diambil panduan dan sebagai terms of reference.

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Bukit Mertajam bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Pendidikan Agama Islam itu kalau dipaksa ataupun dikenakan kepada semua pelajar, bolehkah ini membayangkan kebebasan rakyat kita memeluk pelbagai agama dan anak-anak kita yang bebas mendapat pengajaran daripada semua agama dalam sekolah-sekolah. Bolehkah cadangan Yang Berhormat ini membayangkan kebebasan anak-anak sekolah memilih pelajaran pelbagai agama sepertimana yang diperlukan atau dihasratkan oleh ibu bapa mereka?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Yacob: Terima kasih, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Kita tidak nafikan dan memang kita tidak memaksa seseorang itu memeluk agama Islam. Kita di Malaysia bebas beragama. Tetapi untuk pendidikan, kerana agama Islam adalah agama rasmi negara, saya ingat tidak salah kalau penuntut-penuntut bukan beragama Islam mempelajari agama Islam untuk merapatkan lagi hubungan di antara pelbagai kaum dan agama di negara ini.

Mengenai dengan pemahaman agama, kerana dalam pendidikan Islam itu ada nilai-nilai. Sekarang ini nilai-nilai murni dalam Islam telah diserapkan dalam pentadbiran kerajaan, misalnya bersih, cekap dan amanah, jujur dan sebagainya. Kalau kita lihat sejarah pada masa lalu bahawa penuntut-penuntut bukan Islam boleh score ataupun mendapat markah 'A' dalam Pendidikan Islam ini. Jadi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu, soal kebebasan beragama tidak timbul kerana kita memang bebas. Cuma kita mempelajari dalam sukatan pelajaran Pendidikan Agama Islam di sekolah kerana orang Islam pun ada juga yang membaca Bible dan lain-lain.

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Dr. Tan Chong Keng: Terima kasih. Saya minta penjelasan sekali lagi. Kalau Yang Berhormat berpendapat begitu mengapa tidak ambil keluar nilai-nilai murni daripada semua agama dan serapkan semua nilai-nilai murni itu ke dalam satu mata pelajaran yang sudah ada dipanggil Pendidikan Moral untuk semua kaum untuk mengikuti nilai-nilai murni. Bukankah itu satu cara yang lebih baik dan tidak bercanggah dengan kebebasan mengikut apa-apa pengajaran agama yang lain?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Yacob: Terima kasih, Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat salah faham. Saya ingat ini salah faham mengenai dengan pendidikan ini. Saya katakan tadi bahawa Pendidikan Moral kita mahu terms of reference.

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Sri Aman bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Yacob: Saya ingat saya banyak lagi hendak cakap. Okay, satu sahajalah.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Yang Berhormat dari Sipitang. Tuan Pengerusi, kalau saya tidak salah sekarang memang sudah diadakan Pendidikan Islam dan juga sudah diadakan mata pelajaran Pendidikan Moral, dan di setengah-setengah sekolah di Sarawak waktu untuk Pendidikan Islam adalah digunakan untuk pengajaran bahasa Iban. Jadi, kalau begini di manakah Yang Berhormat dari Sipitang hendak menyimpan slot pengajaran bahasa Iban?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Yacob: Saya ingat itu Kementerian Pendidikan kena cari masa untuk - soal bahasa ini juga penting, dan bukan sahaja bahasa Iban tetapi bahasa-bahasa lain yang boleh dipelajari. Tetapi itu dalam konteks bahasa. Tetapi yang saya ingin tekankan di sini bahawa pembentukan moral murid-murid, disiplin murid-murid, bagaimana cara untuk menyelesaikan masalah ini. Soalan Yang Berhormat dari Bukit Mertajam tadi untuk mengambil nilai-nilai moral dalam Islam itu diserap ke dalam Pendidikan Moral, saya ingat itu satu cara untuk menyelesaikan, dan tidak salah kalau Pendidikan Agama Islam itu sebagai satu term of reference untuk Pendidikan Moral ini.

Saya ingin meneruskan. Mengenai dengan keperluan pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir. Kalau kita lihat sekarang ini di negara kita menjurus ke arah negara industri dan keperluan pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir begitu mendesak, begitu tinggi sehingga kalau kita lihat sekarang ini mana-mana institusi ataupun kilang-kilang praktis ataupun kebiasaan untuk mencuri pekerja ini begitu tinggi. Bila sahaja ada tawaran gaji yang lebih sedikit, pekerja-pekerja ini diambil daripada satu kilang ke kilang yang lain, daripada satu syarikat kepada syarikat yang lain. Jadi, ini selalunya membingungkan dan juga membantutkan pertumbuhan syarikat tersebut kerana kekurangan tenaga mahir. Kita juga begitu bergantung kepada pekerja-pekerja asing yang telah ada kemahiran tertentu.

Jadi, saya ingin menyarankan kepada Kementerian Pendidikan bahawa pendidikan teknikal ataupun vokasional ini perlu diperluaskan dan diperhebatkan. Kalau di Sabah misalnya, sekarang ini dengan adanya Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) yang telah diumumkan baru-baru ini, sedikit masa lagi apabila sudah siap bahawa keperluan pekerja sekitar 120,000 orang tenaga mahir dan separuh mahir. Di manakah kita akan mendapatkan pekerja ini kalau kita tidak bersedia sekarang. Kita tahu di kampung-kampung di luar-luar bandar begitu banyak anak-anak muda lulusan SPM Pangkat Tiga,

lulusan PMR yang tidak boleh menyambung oleh kerana masalah-masalah tertentu, mereka ini perlu kita kumpulkan semula, kita ambil dan kita latih supaya dapat diberi peluang belajar dan mereka boleh ada peluang nanti untuk bekerja di kilang-kilang ataupun di syarikat-syarikat yang memerlukan mereka.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan institut pengajian tinggi, kita ucapkan terima kasih kepada kementerian dan juga kerajaan bahawa atas permintaan Kerajaan Negeri Sabah telah ditubuhkan Universiti Malaysia Sabah. Sekarang ini telah pun ada pelajarnya sehingga tahun kedua dan akan ada graduan menjelang tahun 1999. Kita mohon kepada kementerian supaya pembinaan UMS ini perlu disegerakan kerana pemohon-pemohon daripada negeri Sabah begitu tinggi dan pemohon-pemohon daripada Semenanjung juga begitu tinggi untuk memasuki universiti ini, tetapi tidak dapat ditampung oleh kerana pembinaan ataupun masih lagi kurang tempat. Ini lebih teruk lagi dalam keadaan sekarang ini apabila pelajar-pelajar tidak dapat dihantar ke luar negara oleh kerana kos pengajian yang begitu tinggi akibat daripada penurunan nilai Ringgit kita. Permintaan ini saya rasa pada tahun pengajian hadapan ini akan berlipat ganda dan keperluan ini begitu mendesak.

Untuk ini perlulah disegerakan pembukaan kampus ini dan tempat tinggal ataupun pengajian-pengajian. Begitu juga dengan tenaga pengajar supaya dapat diperbanyakkan. Untuk menampung ini mungkin beberapa universiti swasta di seluruh negara perlu diperbanyakkan lagi dengan kawalan kualiti yang begitu tinggi. Saya mohon juga supaya satu lesen untuk membuka universiti swasta di Sabah dapat dikeluarkan ataupun atas permintaan kita supaya dapat diproses dan dikeluarkan untuk menampung permintaan pelajar-pelajar yang berasal daripada Malaysia Timur yang susah untuk datang ke Semenanjung ini.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan baikpulih sekolah-sekolah di luar bandar, saya begitu bersetuju dengan Yang Berhormat dari Batang Sadong tadi bahawa keadaan sekolah di luar bandar ini begitu daif. Banyak bangunan yang begitu usang yang tidak sesuai lagi menjadi tempat untuk penuntut-penuntut ini belajar. Mungkin menteri susah untuk melawat, saya mohonlah khususnya pegawai-pegawai Pendidikan Bahagian Pembangunan untuk meronda di seluruh kawasan luar bandar bukan sahaja di Sabah tetapi di Sarawak dan juga di kawasan-kawasan pedalaman di Kelantan dan di Pahang. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat melihat anak kita yang datang ke sekolah ini kita tentunya menangis melihat. Tetapi bagi orang kampung yang tidak pernah melihat bangunan yang cantik dan rumah mereka tentunya teruk daripada sekolah itu, maka mereka menerima hakikat ini. Tetapi kita

jangan lupa bahawa mereka juga rakyat Malaysia yang mempunyai hak yang sama untuk dapat kemudahan yang baik.

Saya berkeyakinan dengan peruntukan yang telah diluluskan dalam Belanjawan 1998 yang diberi kepada Kementerian Pendidikan mencukupi untuk memperbaiki sekolah-sekolah luar bandar ini. Tetapi cara taburan pembahagian kewangan itu sahaja yang perlu dikaji oleh pegawai khususnya daripada Kementerian Pendidikan, bagaimana dan berapa banyak diperuntukkan untuk membaikpulih dan cara pelaksanaan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Yacob: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, saya mohon sekali lagi supaya peruntukan untuk membaikpulih bangunan ini dikaji dan dibincangkan secara terperinci, kalau tidak secara sekali gus, dibuat secara berperingkat-peringkat supaya ada perubahan.

Di kawasan saya, Tuan Pengerusi, daripada berpuluh-puluh sekolah cuma satu sekolah sahaja bangunan batu, lainnya semua kayu dan telah usang. Ini di kawasan saya. Keadaan ini juga sama mungkin di kawasan-kawasan lain di luar bandar. Jadi, saya mohon sekali lagi supaya peruntukan ini dapat sampai untuk memperbaiki keadaan sekolah yang usang ini. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yan.

5.16 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Memanglah Kementerian Pendidikan ini kementerian yang cukup mencabar. Tetapi alhamdulillah saya kira menteri, timbalan menteri, timbalan menteri itu sungguhpun muda, kerana memikirkan pelajar-pelajar ini sampai beruban. *[Ketawa]* Itulah betapa seriusnya. Nasib baiklah ada dua timbalan menteri dan pegawai-pegawai yang saya kira cukup terlatih dan cukup mahir. Kerana memang susah kita hendak jaga manusia. Hendak didik seorang anak yang akan menjadi anak wawasan kita, yang akan menjadi pewaris negara kita ini memang sukar. Kalau kita di rumah ada anak lima-enam pun susah kita hendak jaga. Apatah lagi satu kementerian yang mempunyai berpuluh ribu penuntut-penuntut, guru yang terpaksa menjaga sampai satu kelas 20-30 orang pelajar dan sebagainya, ini memang satu cabaran.

Saya kira peruntukan yang diberi kepada kementerian ini tidak mencukupi. Kalau kita tengok pun peruntukannya agak terhad walaupun kita faham dalam keadaan ekonomi negara kita yang agak kurang memuaskan. Tetapi saya kira pendidikan untuk anak-anak ini perlu kita pertingkatkan, perlu

kita perbanyak supaya kita dapat menghindar anak-anak ini daripada terlibat di dalam kancah kerja-kerja yang tidak bermoral. Kita terpaksa menubuhkan pusat serenti dan sebagainya kerana mungkin penuntut-penuntut ini tidak diberi pendidikan yang sewajarnya. Oleh yang demikian, saya merayu kepada kerajaan, kepada Kementerian Kewangan supaya mempertingkatkan dan menambahkan lagi peruntukan terutama sekali bagi mengadakan kemudahan-kemudahan kepada sekolah-sekolah di luar bandar.

Tadi saya bangkit hendak tanya Yang Berhormat dari Batang Sadong fasal ada katil tiada tilam macam mana duduk belajar. Sungguhpun orang kata kalau tidur atas kayu tidak sakit belakang, ini petua orang tua-tua. Kalau kita sakit pinggang, sakit belakang kita tidur atas lantai yang sama dia cepat berubat. Tetapi bagi budak-budak yang pinggang dok elok lagi, kita suruh tidur atas kayu, saya kira tidak patut sangatlah, sampai kurus Yang Berhormat kawasan itu dok jaga penuntut-penuntut dia. *[Ketawa]* Jadi, saya berharaplah Kementerian Pendidikan tolong tengok sama, sampai ke tahap itu tidak patut sangat.

Jadi, Tuan Pengerusi, lagi satu dasar kerajaan hendak menjadikan Malaysia ini pusat kecemerlangan pendidikan, kita sekarang ini lebih kurang 200,000 penuntut di tempatkan di universiti-universiti tempatan dan kita dapat lihat kemudahan-kemudahan di universiti pun tidak begitu memuaskan. Ada yang satu bilik, penuntut ini terpaksa berkongsi sampai empat-lima orang. Jadi, ini mungkin menjejaskan pengajian atau pelajaran mereka. Kita lihat kadang-kadang ada di kawasan-kawasan universiti ini masih banyak lagi kawasan-kawasan lapang. Apabila kerajaan mengadakan universiti, kerajaan beri tanah lapang yang banyak. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian kalau boleh tanah-tanah ini diswastakan kepada syarikat-syarikat untuk membina asrama-asrama dan biarkan asrama ini dijalankan oleh syarikat ini. Kita swastakan asrama ini supaya penuntut-penuntut membayar kepada syarikat ini dan duduk di situ dengan makanan dan sebagainya dijalankan oleh syarikat ini.

Di Pulau Pinang sahaja, Tuan Pengerusi, penuntut-penuntut ini duduk berselerak, sewa rata bilik rumah orang sedangkan kita tengok di kawasan universiti di Pulau Pinang itu kawasan lapang banyak. Jadi, saya cadangkan apa salahnya kita swastakan asrama ini kepada syarikat-syarikat yang bertanggungjawab supaya penuntut-penuntut ini dapat ditempatkan di dalam asrama-asrama ini.

Lagi satu berkenaan dengan kemudahan-kemudahan sekolah, saya merayulah di sebelah kawasan saya pun, padang ada tetapi padang itu mereka sewa buat bendang sekarang ini kerana tidak

tambun tanah. Jadi, mereka sudah gazet kawasan itu dan pagar kawasan itu, dia kata di sini padang permainan kanak-kanak, tetapi mereka sewa buat bendang. Saya kata fasal apa buat bendang? Mereka kata peruntukan tidak ada. Mereka hendak main bola dalam bendang tidak boleh. Mungkin pegawai-pegawai terlupa, tolonglah satu sekolah di Singkir Darat. Sudahlah nama Singkir, padang bola mereka lupa buat. Kemudian satu lagi di Sungai Limau Dalam, sekolah rendah duduk dalam bendang. Jadi, bila wakil rakyat lalu mereka dok melilau atas tepi jalan. Saya kata apa hampa dok tepi jalan, pi main dalam kawasan sekolah. Nak main tang mana, Yang Berhormat, mereka kata padang pun tidak ada, sekarang ini musim orang menanam, kalau kita pi main, rosak padi. Hendak tunggu kering hendak main, bila. Kasihan kepada budak-budak. Saya harap kepada pegawai-pegawai dok ada dalam kementerian ini pakat-pakatlah kalau hendak pahala tolonglah sedikit, insya-Allah.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pensyarah-pensyarah. Kita kekurangan pensyarah. Saya bersetuju supaya umur pensyarah ini naik. Pensyarah kerja bukan teruk, dok bercakap sahaja, dia bukan kena fikir apa.

Tuan Pengerusi: Dia tidak fikir ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak. Benda itu biasa, dia dok bersyarah hak itu, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Ketawa]* Bukit Mertajam marahkah? *[Ketawa]*

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Yan. Pernahkah dia menjadi seorang pensyarah? Kalau tidak, mengapa dia tahu senang sangat jadi pensyarah. Kalau dia tidak menjadi pensyarah, ini sangkaan jahat terhadap pensyarah-pensyarah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat dari Bukit Bertajam salah sangka. Saya cadangkan hendak penaik had umur pensyarah daripada 55 ke-65. Fasal apa, Tuan Pengerusi, pensyarah ini macam tok hakimlah. Tengok tok hakim, umur persaraan tok hakim kalau tidak silap saya 65. Jadi pensyarah macam itu kita hendak fasal dia banyak baca. Tetapi ada juga pensyarah yang terlampau baca tetapi dia tidak jadi cerdik lagi, pun ada juga, habis celaru. Ada juga, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Bukit Mertajam tidaklah. Tetapi kalau dok baca kerap sangat mungkin juga.

Jadi, kita hendak minta had umur mereka naik ke-65 tahun fasal sekarang ini kekurangan pensyarah. Kita dok import pensyarah luar, sekarang ini ekonomi kita merosot, kita dok import mai

lagi kacaulah. Bukan setakat barang makanan, orang pun kalau kita import, mahal dan belanja tinggi. Jadi, saya mencadangkanlah itu, Tuan Pengerusi.

Kemudian, Sekolah Agama Rakyat, Tuan Pengerusi. Hak ini kerajaan kena fikir habis-habislah. Fasal bila mereka lepas belajar ke satu tahap, mereka tidak tahu hendak pergi ke mana. Bila tidak tahu hendak pergi ke mana, jumpa dengan puak PAS, dia kutip puak ini lingkup kita. Puak PAS bukan kira siapa, orang yang tidak betul dia ambil bela, fasal mereka pun tidak betul. Mereka ambil bela kemudian mereka ajar cara-cara hendak buat dosa di atas dunia dengan harapan mereka masuk syurga di akhirat, ini kerja PAS. Contoh semasa pilihan raya, budak-budak universiti yang kerajaan beri biasiswa boleh mai kempen semasa pilihan raya. Saya kata “awat cik tidak balik pergi belajar?” Dia kata, “yang itu kerja kami belajar, Yang Berhormat jangan dok ajar.” Budak-budak kanyar. Kita hendak kata lebih kurang kita wakil rakyat, kena budi bahasa. Ini budak-budak kanyar boleh marah kepada orang tua-tua, ini puak PAS mengajar. Itu pun dia tutup sampai tinggal biji mata, itu pun dok mengata orang, Tuan Pengerusi.

Jadi, saya harap Kementerian Pendidikan tengok syllabus pendidikan Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini, tengok tok guru-tok guru yang dok mengajar itu. Kita beri peruntukan tetapi kita tidak jaga, mereka jadi macam itulah. Kemudian, penuntut-penuntut kita yang pergi belajar pelajaran tentang keagamaan di luar negara disiasat, layak atau tidak layak. Kadang-kadang yang ada dalam PAS itu katanya balik dari Al-Azhar tetapi tidak setara mana pun. Pergi setahun melilau atau upah naik haji, balik mai lulus Azhar, ini ada. Lepas itu ragas rata pentas maki kerajaan. Jadi, hak ini kementerian kena check. Di Amerika dia tunjuk pistol, yang itu pun kena siasat fasal apa masalah ini.

Pelajar kita, Tuan Pengerusi, yang jadi macam ini fasal asas agama tidak kuat. Patah hati, kecewa sahaja - cari pistol, frust - cari pistol. Nasib baik dia pakai pistol itu, kalau dia pakai pistol lain mampus budak itu, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Saya cukup seriau. Jadi, saya minta Kementerian Pendidikan kaji elok-elok pelajar-pelajar hendak pergi luar negeri. Susah emak pak di kampung dengan perangai budak-budak celaru di luar negeri.

Kemudian satu lagi saya hendak minta, Tuan Pengerusi, iaitu guru-guru. Guru-guru ini pun kita tidak boleh salahkan mereka. Maklumlah satu kelas kadang-kadang - anak saya biasa guru cubit sampai naik biru. Tetapi saya kata tidak mengapalah, saya pergi jumpa cikgu itu elok-elok dan bertanya fasal apa cikgu, semalam bergaduh dengan orang rumahkah, kut-kut dia bergaduh dengan orang rumah dia, bebal, sedangkan malam itu malam Jumaat, hari Jumaat sekolah di Kedah tutup.

Kutlah bebal kerana malam Jumaat, tidak pun. *[Ketawa]* Saya kata cubit anak saya sampai naik biru fasal apa. Dia hendak buang geram. Jadi, yang ini pun guru-guru kita kena beri kaunseling. Saya minta Kementerian Pendidikan beberapa lama sekali hantar pergi kaunseling, beri refresh balik pemikiran mereka. Kadang-kadang kita hendak suruh buat macam-macam kepada guru. Guru pun manusia macam kita juga. Kereta pun kalau kita bubuh terlampau berat pun dia patah spring. Manusia macam itu juga, murid hendak kena jaga, sukan dia kena buat, yang itu hendak kena buat, yang ini hendak kena buat, macam-macam hendak kena buat, jadi overload terlampau sangat, fuse dia burnt, maka jadi macam itu, budak-budak jadi mangsa. Saya harap Kementerian Pendidikan tolong tengok welfare guru-guru ini sama.

Saya hendak mencadangkan - guru-guru ini pun tidak boleh ambil pinjaman hendak beli kereta, saya difahamkan. Yang boleh ialah pengetua dan sebagainya. Kalau guru tidak ada kereta jadi masalah besar. Kadang-kadang dia kena bawa anak murid dia pergi....

Tuan Zainal Abidin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Yan, Yang Berhormat sedarkah baru-baru ini kerajaan ada memperuntukkan lebih kurang RM50 juta pinjaman kepada guru-guru untuk beli kereta?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya sedarlah, Tuan Pengerusi, tetapi tidak cukup, ini yang saya minta tambah. Amboi Yang Berhormat dari Mersing pun macam saya tidak baca surat khabar. *[Ketawa]* Kita hendak minta tambah. Peruntukan RM50 juta, guru ada berapa ratus orang, mana hendak cukup. Hak yang di Sarawak lagi tak usah kira? Di Sarawak kalau tidak beri loan kereta, beri loan motorbot pun tidak mengapa, Tuan Pengerusi, kerana setengah kawasan tidak ada kereta. Beri loan motorbot untuk mereka pergi mengajar.

Last sekali, boleh saya gulung, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Sila. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Last sekali, Tuan Pengerusi, dasar kerajaan meramaikan kaunselor. Jadi, di UPM, Jabatan Pendidikan menganjurkan kursus kaunseling bukan sahaja untuk kampus UPM induk, tetapi juga di Terengganu, Kuantan - Pahang, rata-rata tempat, di Kedah pun ada. Jadi, maknanya kira kekurangan pensyarah-pensyarah dalam bahagian Kaunseling ini. Jadi, saya kira kalau boleh kerajaan memperbanyakkan lagi guru-guru kaunseling, guru-guru yang boleh memberi motivasi yang sebaiknya kepada generasi muda kita dan banyakkann buku-buku kaunseling. Yang dok ada dalam bahasa Malaysia sangat kurang. Jadi, saya harap Dewan Bahasa pi cari mai terjemah dalam Bahasa Malaysia dan perbetulkan supaya apabila kita ada ramai guru

kaunseling, ramai guru yang boleh beri motivasi kepada anak-anak ini, insya-Allah, kita akan dapat lihat anak-anak kita sebagai anak-anak yang bermaruah di masa akan datang.

Saya gulung yang terakhir sekali, Tuan Pengerusi, saya hendak minta Pejabat Pendidikan Daerah Yan tolonglah adakan. Sekarang ini kami dok bermadu dengan Kuala Muda, Sungai Petani. Jadi, PPD pening kepala, sekejap di sana, sekejap di sini. Maklumlah madu, kadang-kadang nampak seronok tetapi teruk, Tuan Pengerusi. Jadi, saya harap kalau boleh Pejabat Pendidikan Daerah ini, kementerian tolonglah, saya minta sudah banyak kali sangat tolonglah beri satu Pejabat Pendidikan Daerah Yan supaya kita dapat lihat satu pejabat yang dapat mengatasi masalah-masalah dalam kawasan Yan.

Tuan Pengerusi, dan last sekali sebelum saya gulung. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tadi, saya minta gulung, ini Tuan Pengerusi suruh saya gulungkah?

Tuan Pengerusi: Ya, ya. *[Ketawa]* Sila, sila.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, jadi last sekali, saya minta asrama harian di Yan. Sekarang ini satu rumah guru mereka isi budak-budak sampai dekat sepuluh, lima belas orang macam ikan sardin, lepas itu hendak suruh budak-budak ini baca buku, keluar dari rumah itu pucat lesi, maklumlah rumah sempit, jadi, mintalah kalau tak boleh beri asrama penuh ini tak apa, berilah asrama harian. Kasihan kepada mereka ini, anak-anak orang kampung duduk jauh-jauh, jadi, mereka hendak ambil tuition dan sebagainya untuk tingkatan enam ini. Saya minta tolonglah no. Jadi, insya-Allah, pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan termasuk Menteri, Timbalan Menteri ini mereka akan masuk syurga di akhirat kelak *[Ketawa]*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Batang Lupar.

5.31 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin bertanya dua, tiga perkara kepada kementerian. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya, suara daripada luar bandar, tadi kita dengar dari Yan, sekarang kita dengar dari bujang senang.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 040000 - Pengurusan Kewangan dan Pembangunan Sistem Maklumat. Saya ingin bercakap di bawah tajuk ini untuk bertanya kepada pihak kementerian iaitu persoalan yang telah saya bangkitkan juga dalam Soal Jawab Mulut iaitu pada tahun lepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berjanji hendak beri ke Sarawak RM500 juta untuk membina, mengubahsuai, memperbesar dan memperbaiki sekolah-sekolah yang sangat kecil di luar bandar di Sarawak kerana kalau kita sebut soal sekolah-sekolah yang memang tidak menyampai tahap yang sesuai untuk menjadikan satu sekolah, banyak di Sarawak, kerana sekolah-sekolah yang saya sebutkan itu ialah sekolah-sekolah yang dibina pada tahun 60-an dan pertengahan 60-an dan awal 70-an, dibina dengan kayu-kayu yang murah, kayu-kayu yang cepat buruk dan reput.

Jadi, sehingga masa sekarang sekolah itu adalah juga diperbaiki, dindingnya diubahsuai, ditambah sedikit di sana sini dengan usaha orang kampung. Jadi, tindakan kerajaan belum sampai ke peringkat luar bandar bahkan masih sekurang-kurangnya sebuah sekolah di kawasan saya yang anak-anak masih berdiri di atas tanah liat, tanah keras dan kerusi meja semua di atas tanah, jadi, kalau musim banjir air turun daripada bukit Kesinduk, Tuan Yang

di-Pertua, sebuah kampung bernama Kesinduk, turunlah air dan ular, kala dan lipan pun semualah masuk ke dalam sekolah itu sekali.

Jadi, anak-anak terpaksa duduk di atas kerusi meja. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang sedemikian memang saya mintalah supaya kementerian melihat apa telah jadi dengan wang sumber yang telah dijanjikan RM500 juta kepada negeri Sarawak untuk membangunkan sekolah-sekolah di negeri Sarawak.

Saya juga menerima jawapan bahkan saya selalu berbincang dengan kementerian yang bertanggungjawab, di Sarawak soal pembinaan berdasarkan iaitu 'design and built' sekolah-sekolah yang akan dibina. Ini mungkin betul atas sekolah-sekolah yang baru hendak kita binakan, tetapi di atas sekolah yang hendak diubahsuaikan, saya juga ingin mencadangkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat, Parlimen dan Negeri diberi peluang untuk membuat cadangan di sekolah-sekolah di kawasan mereka kepada kementerian. Sebesar manakah perubahan atau tambahan yang perlu dibuat. Kerana orang banyak berkahwin, Tuan Pengerusi, kahwin banyak, anak pun banyak, jadi, sekolah belum bertambah. Sekolah yang tak kahwin dan sekolah yang tidak beranak, jadi, dengan sendirinya tempat itu tidak mencukupi.

Saya baru balik dari kampung dan merasmikan sekolah rendah kerajaan dan sekolah menengah kerajaan, kedua-dua sekolah yang saya rasmikan dalam penyampaian sijil rata-rata mereka mengatakan ruang pejabat tidak cukup, tak usah sebutlah surau dan pusat sumber. Wang sekolah pun tak cukup, umpamanya di sekolah kerajaan kecil yang saya sebutkan tadi dengan Yang

Berhormat Dato', ruang yang akan digunakan untuk 97 orang murid tahun akan datang ialah sebesar 40 kaki dan buca 20 kaki, jadi, dibahagi dua untuk buat kelas, itu sahaja yang diluluskan oleh pihak kerajaan, maknanya 40 lebih satu kelas itu pun sudah lebih macam sardin.

Jadi, saya berharap pihak kementerian memikirkan cadangan saya ini kerana itu sahaja cara untuk mengatasi masalah kekurangan ruang sekolah di kawasan Sarawak. Dan disebutkan juga masalah implementasi di peringkat negeri iaitu menggunakan syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah PKK dan pihak kerajaan negeri meminta yang didaftar di bawah UPK. Saya berharap pihak kementerian boleh berbincang terus dan supaya duit yang diperuntukkan itu tidak payah disalur menerusi Unit Perancang Ekonomi (EPU), salurkan terus menerusi kementerian dan kementerian boleh melantik kontraktor yang sudah mendapat pendaftaran yang disarankan oleh pihak konsultan yang dilantik oleh pihak kerajaan. Dengan keadaan yang sedemikian, kita short circuitkan satu birokrasi yang mungkin membebankan atau melambatkan tindakan kita untuk membangunkan sekolah di luar bandar.

Saya sebagai pemaju dan kontraktor memang mahir soal yang melambat-lambatkan ini. Jadi kita boleh cadangkan macam mana boleh dipercepatkan. Saya berharap kementerian boleh memikirkan perkara ini dan dengan harapan yang dijanjikan itu boleh dilaksanakan sebelum tamatnya Rancangan Malaysia Ketujuh, bahkan dalam peringkat Midterm Review pun kita janjikan kalau kita boleh belanja RM500 juta, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata akan beri setengah juta lagi, tetapi tak apalah

dalam keadaan ekonomi sekarang kita bersyukurlah dengan setengah milion ini kalau dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada perkara lain iaitu butiran 020800, soalan kurikulum, tadi saya hendak bangkit juga perkara yang saya disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Sadong iaitu kelulusan PMR hanya satu subjek yang lulus pun naik pangkat ke Tingkatan 4. Saya memang merasa perkara ini adalah tidak wajar, saya belum mendapat penjelasan daripada kementerian, rasional disebalik satu subjek lulus ini boleh naik pangkat, oleh kerana kalau satu subjek lulus boleh naik pangkat, kalau subjek itu hanyalah 'drawing' ataupun dikatakan domestik sains, kalau satu mata pelajaran 'kemahiran hidup' itu yang diluluskan, yang lain tak lulus, tetapi dalam masa yang sama bila masa ke sekolah tingkatan empat nanti, dia belajar semua subjek semula, orang yang buta huruf dari tingkatan tiga tidak akan jadi celik huruf dalam tingkatan empat dan tingkatan lima.

Jadi, budak yang dari tingkatan empat dan lima ini menjadi orang yang frustrated, orang yang tidak boleh maju, yang tak mungkin menjadi academician, orang yang maju dalam akademiknya.

Jadi, dalam saranan saya ucapan dasar, saya menyebutkan tidak semua yang masuk kindergarten pada hari ini akan jadi saintis, peguam, doktor dan sebagainya, ada juga mereka akan menjadi kuli, ada juga yang menjadi pengasuh rumah, ada juga menjadi tukang simen dan sebagainya. Tetapi, kita mesti memberi latihan sepenuhnya bagaimana kita melatih doktor, peguam dan jurutera kepada pihak-pihak yang kita buat ini.

Kita tahu tamadun Islam yang dahulu daripada abad ke-8, kemajuannya berlandaskan excellent akademik pada ketika itu, tetapi untuk keadaan yang ada pada kita sekarang ini, kita juga hendak memajukan kilang-kilang kita dan sebagainya. 1.5 juta rakyat asing di negara Malaysia patut diganti dengan rakyat Malaysia dengan melatih anak-anak kita yang keluar daripada tingkatan tiga dimasukkan ke sekolah vokasional dan teknikal dan kemasukan ke sekolah teknikal ini sepatutnya jangan dibebankan sangat dengan soalan-soalan akademik kerana kita hendak melatih orang hendak bekerja di kilang-kilang.

Jadi, dalam tindakan serampang dua mata kita, yang betul-betul lulus boleh menjalankan academic excellent mereka di sekolah-sekolah yang formal akan mencetuskan satu akademia pada masa yang akan datang yang lebih canggih, lebih baik lagi kerana penekanan tidak banyak sangat kepada guru-guru dan sekolah untuk memajukan murid-murid ini betul-betul excellent dalam segi akademiknya dan yang mana yang kita sisihkan kepada akademik ini, kita ajarkan dia di sekolah teknikal akan menjadi seorang technician atau pekerja yang mahir dan semi mahir di seluruh industri kita.

Dengan keadaan yang sedemikian kita maju dalam segi akademik dan kita juga tidak kekurangan dalam segi sumber manusia yang lain untuk membantu kita di dalam industri, kilang dan sebagainya.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian kita mungkin tidak kehilangan orang dari segi keciciran dan mungkin juga kita tidak akan ada anak-anak kita

yang menjadi keciciran menjadi sampah masyarakat yang mungkin tidak dikehendaki.

Tuan Pengerusi, satu lagi soalan yang amat saya tekankan iaitu soal prasekolah. Soal prasekolah Yang Berhormat Dato' pagi tadi telah menjawab, Alhamdulillah, saya menerima hakikat dan jawapan yang Dato' beri pagi tadi, persoalan iaitu kita hendak meningkatkan infrastruktur untuk semua anak-anak yang bakal memasuki sekolah akan diberi peluang untuk masuk ke prasekolah dan untuk masuk ke prasekolah ini kalau kita lihat di dalam bandar, anak-anak orang yang berada telah masuk international school, kalau di Sarawak, Lord school dan sebagainya. Pendidikannya boleh dikatakan cukup memuaskan daripada segi pendidikan dan meningkatkan prestasi kepercayaan kepada diri dan sebagainya dan yang mendapat didikan prasekolah lain daripada apa-apa sahaja, KEMAS, Jabatan Pendidikan dan sebagainya juga mendapat bimbingan yang sama. Jadi, confidence mereka untuk masuk dalam darjah satu adalah jauh lebih baik daripada yang tidak pernah menjelajah di alam prasekolah. Jadi, anak-anak yang tidak pernah menjelajah di alam prasekolah ini kebanyakannya dari anak luar bandar, anak-anak orang bumiputera, kebanyakan yang bukan bumiputera berkemampuan menghantar ke sekolah-sekolah yang mungkin kos dan bayarannya lebih tinggi di bandar dan yang banyak itu adalah daripada luar bandar.

Macam kalau kampung yang saya sebutkan tadi, kampung yang begitu advanced daripada segi pendidikannya di kawasan saya iaitu di Seribas, banyak peguam, engineer, pentadbir dan sebagainya keluar dari kampung itu,

tetapi kalau kampung inilah satu reflection iaitu keadaan pendidikan yang mana hanya 60% yang boleh masuk ke prasekolah yang 40% tidak boleh masuk ke prasekolah, boleh dapat kecemerlangan, kalau kita dapat meningkatkan ke 100%, saya percaya pendidikan di kampung ini boleh menaiki tahap setanding dengan yang di bandar, yang mana anak-anak dari muda lagi telah diberi peluang, soalan sosial, interaksi dan sebagainya, percampuran di antara murid-murid sebelum menjelajah ke alam sekolah formal.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan menggembelngkan tenaga untuk membina sebanyak yang boleh mengikut kemampuan kita supaya semua anak-anak di luar bandar berkemampuan diberi peluang untuk memasuki prasekolah.

Pada masa sekarang setiap kampung yang saya pergi semua kebanyakan mengatakan yang anak mereka tidak berpeluang untuk masuk ke tabika, tadika dan sebagainya untuk bimbingan prasekolah, kerana mereka melihat peladang, petani, nelayan, mereka melihat perbezaan di antara yang mendapat pelajaran yang awal dengan hanya terus masuk ke darjah satu apabila masuk sekolah yang formal.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, kita ...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Baik, Tuan Pengerusi, saya akan gulungkan. Saya akan habiskan. Kalau semua diberi peluang mendapatkan pelajaran di prasekolah.

Tuan Pengerusi, sebagai menggulungkan cerita saya tadi, ada tiga perkara iaitu yang pertama, soalan yang RM500 juta tadi, harap diimplemenkan dengan secara cepat yang boleh dan short circuitkan semua pengagihan wang daripada Unit Perancang Ekonomi dan diterus menerusi pihak Kementerian Pendidikan dan bekerjasama dengan negeri, sama dengan PKK, UPK dan KPK dan KKnya pun tak kiralah asalkan rumah sekolah dan ruang-ruang tempat pelajar itu boleh dibina dan disiapkan.

Yang kedua, persoalan sekolah dan juga soalan satu subjek naik pangkat, kalau dapat tolonglah jangan digunakan sedemikian dan sebelum kita mengkaji semula, hendak menarik balik soalan ini, tempat-tempat sekolah vokasional dan teknikal ini mesti dipertingkatkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Teluk Intan.

5.45 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hendak bahaskan B.26, Butiran 020000, 020200, 040400, 060000, 100000.

Tuan Pengerusi, saya berasa bangga kerana kerajaan telah menyediakan peruntukan yang sangat besar untuk Kementerian Pendidikan. Ini menunjukkan kerajaan sangat serius dalam perkara ini. Tetapi walaupun beberapa perkara macam ini telah dibuat, tetapi hingga hari ini tenaga elektrik

tidak cukup untuk sekolah-sekolah dan saya difahamkan ada beratus-ratus sekolah di seluruh negara ini yang tidak ada tenaga elektrik dan macam manakah dalam keadaan ini kita dapat meningkatkan atau membawa informasi teknologi ke tempat itu dan dalam keadaan ini, saya hendak tahu berapakah sekolah-sekolah yang tidak ada tenaga elektrik langsung dan berapakah sekolah yang telah ada atau yang tidak ada di mana komputer-komputer telah diberi di sekolah-sekolah ini.

Selain dari itu, saya juga ingin menyentuh mengenai compulsory education, dengan izin. Saya percaya masa telah datang walaupun kita telah merdeka lebih kurang 40 tahun, tetapi saya kurang faham kenapa compulsory education tidak dibuat hingga hari ini.

Saya harap kerajaan meneliti perkara ini dan mengambil perhatian supaya semua yang layak pergi ke sekolah dipastikan mereka berada di sekolah dan bukan membuang masa di tempat-tempat lain. Dalam keadaan ini saya ingin tahu berapakah murid-murid yang layak dan patut berada di sekolah tetapi tidak pergi ke sekolah kerana ibu bapa mereka tidak mementingkan pendidikan dan apakah kerajaan ingin buat dalam perkara ini.

Selain dari itu, saya juga ingin menyentuh mengenai sekolah-sekolah untuk murid-murid under disability, dengan izin. Pada pengetahuan saya, di Malaysia sangat kurang sekolah-sekolah yang ada untuk cater, dengan izin, sekolah-sekolah untuk murid-murid disability macam down syndrom, handicap tertentu, macam di tempat saya di Teluk Intan tidak ada satu sekolah pun, walhal ada beberapa murid yang patut boleh memasuki sekolah-sekolah ini.

Saya harap kerajaan akan memberi perhatian yang sewajarnya dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya juga ingin menyentuh mengenai cara di mana murid-murid di negara ini adalah dalam satu situasi paper chase qualification, dengan izin. Sebelum ini saya juga ingin memberitahu keadaan di mana prasekolah di mana kita semua belajar - humpty-dumpty. Makna kepala dia besar, dia sangat very bright, dengan izin, tetapi tangan dan kaki dia kurus, adakah keadaan itu akan jadi kepada murid-murid di negara ini kerana kebanyakan ibu bapa hanya mementingkan supaya anak-anak mereka bukan sahaja fasih dapat semua A dalam peperiksaan, tidak mementingkan sukan, tidak mementingkan hal moral dan sebagainya.

Apakah tindakan yang kerajaan ingin ambil dalam perkara ini supaya satu sektor yang baik di mana murid-murid yang dapat berkualiti wholesome, dan bukan sahaja seperti humpty-dumpty.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh sekolah-sekolah India di negara ini. Walaupun perkara ini saya difahamkan telah dibahaskan beberapa kali oleh Ahli-ahli Pembangkang sebelum ini, saya minta kerjasama Kementerian Pendidikan, dengan izin, I beg that the Ministers will go Tamil schools and see the deplorable conditions. Ada sekolah-sekolah yang macam 'kandang lembu', macam mana, where is the image untuk sekolah-sekolah Tamil, untuk murid-murid

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Yunus: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Tuan Yunus bin Rahmat:

Tuan Pengerusi, sila sebutkan mana sekolah Tamil yang macam kandang kerbau atau kandang lembu, saya hendak tahu dan mungkin boleh kita siasat specifically.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, terima kasih. Sebenarnya, kebanyakan sekolah-sekolah Tamil adalah dalam keadaan ini.

Seorang Ahli: Spesifiklah, do not generalise.

Tuan M. Kulasegaran: Ada Speaker lain dalam Dewan yang mulia ini? Terima kasih. Sekolah Hulu Bernam di Teluk Intan.

Seorang Ahli: Besok checklah.

Tuan M. Kulasegaran: Ada dua, tiga Speaker ini. Jadi, untuk memberi insentif yang tertentu kepada sekolah-sekolah Tamil, murid-murid sekolah Tamil sangat teruk hingga hari ini ada kebanyakan murid-murid yang tidak ada pensel, tidak ada buku, tidak ada kasut, memakai selipar ke sekolah, tidak ada padang, tidak ada toilet. Saya harap kerajaan akan meneliti, I beg that the ministry will look into this matter. Kerana saya pun seorang pelajar dari estet dan saya ingin tahu berapakah murid-murid yang telah masuk darjah satu sekolah Tamil yang telah habis hingga darjah enam yang telah masuk ke remove class selepas itu dan berapakah di antaranya yang telah meneruskan pelajaran hingga tingkatan lima dan dari sana berapa peratus murid-murid sekolah Tamil telah masuk universiti.

Kerana yang diketahui yang tidak boleh di deny, dengan izin, kalau saya kata macam ini orang kata, you cakap kasar, Tamil school produce labourers,

more than anything else, dengan izin. Jadi, saya harap tindakan yang tegas diambil dan saya juga harap guru-guru yang berkualiti dihantar ke sekolah-sekolah Tamil, saya juga harap bahawa perkakas dan sebagainya diberi lebih kepada sekolah-sekolah Tamil dan tindakan yang tegas diambil supaya guru-guru Tamil tidak terlibat dalam politik seperti yang dikatakan oleh rakan saya dari Kota Melaka, seluruh guru-guru Tamil adalah terlibat dalam politik MIC dan membuang masa dalam hal ini. Saya harap

Tuan Pengerusi: Minta gulung Yang Berhormat. Minta gulung ya.

Tuan M. Kulasegaran: Gulung?

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan M. Kulasegaran: Saya akan gulung. Saya juga berharap ratio di antara murid dan guru dapat dikurangkan daripada sekarang yang ada 50 murid dalam satu kelas kepada 20 atau 25 murid. Selain dari itu, Lembaga Peperiksaan, saya harap kerajaan akan mengambil tindakan supaya soalan-soalan tidak leak seperti certificate of legal practice di mana beberapa soalan telah leak sebelum peperiksaan.

Saya juga harap universiti juga akan ditempatkan, bukan sahaja di pekan-pekan seperti sekarang di luar bandar dan di bandar juga, dalam keadaan ini ada empat perkara yang telah saya katakan. Saya harap kerajaan akan mengambil tindakan dan memberi satu jawapan yang baik dalam perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Majlis bersidang semula. Ada satu usul Yang Berhormat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie

bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu

Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Persidangan disambung semula.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Kota Bharu.

5.56 ptg.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh Butiran 02200 - Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuan Pengerusi, Dewan Bahasa dan Pustaka dipertanggungjawabkan untuk mendaulatkan bahasa. Bahasa Melayu atau bahasa Kebangsaan atau sekarang lebih popular dipanggil bahasa Malaysia. Program-program Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mendaulatkan bahasa telah dilancarkan dari masa ke semasa. Saya ingin tahu apakah Dewan Bahasa dan Pustaka ini ada membuat pengawasan terhadap penggunaan bahasa oleh semua kementerian, jabatan kerana baru-baru ini saya terkejut dengan ada terselit sebagai lampiran kepada Ucapan Belanjawan 1998, ada empat lampiran iaitu Lampiran No. 22, 23, 24 dan 31. Empat lampiran ini tidak di dalam bahasa Malaysia, ia adalah hampir 90% lampiran-lampiran tersebut adalah di dalam bahasa Inggeris. Apakah Dewan Bahasa dan Pustaka telah memanggil pegawai-pegawai berkenaan dari Kementerian Kewangan untuk bertanya mengapa mereka tidak merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sekiranya mereka memerlukan pertolongan dalam mengalih bahasa.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengetahui sama ada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah dapat mengenalpasti sejauh mana keberkesanan program yang telah diadakan bagi mendaulatkan bahasa di kalangan para pedagang atau korporat kerana kelazimannya para pedagang atau korporat lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris. Saya juga ingin menyatakan ada

beberapa aduan yang telah saya terima dari orang ramai kononnya penggunaan bahasa Malaysia melalui media elektronik khususnya radio, yang diceritakan kepada saya kebanyakannya saluran hiburan tidak berada pada tahap yang memuaskan mungkin pihak Dewan Bahasa dan Pustaka boleh mengawasi tahap penggunaan bahasa.

Selain itu, saya juga menerima aduan bahawa media elektronik dan cetak dan ini termasuk juga pihak pemimpin sendiri masih terbawa-bawa dengan sebutan cara penjajah kepada perkataan-perkataan Melayu seperti Klang masih ramai yang menyebut melalui media dan oleh pemimpin-pemimpin sendiri sebagai 'Klang', Pulau Pinang lebih disenangi disebut 'Penang', Melaka - 'Malacca', mengapa akhbar berbahasa Melayu menulis Pulau Pinang tetapi akhbar bahasa Inggeris mengguna perkataan Penang.

Apakah Dewan Bahasa dan Pustaka bercadang untuk mengenalpasti perkataan-perkataan lain yang mengalami masalah yang sama dan mengadakan program khas bagi membantu semua pihak mengatasi masalah ini.

Ada juga aduan bahawa pemimpin-pemimpin tidak mengguna bahasa yang betul, saya sendiri sering tersilap, umpamanya, saya telah ditegur bahawa saya telah tersilap mengguna perkataan 'daripada' dan juga perkataan 'dari' iaitu saya difahami bahawa perkataan 'daripada' seharusnya digunakan apabila kita merujuk kepada orang umpamanya, 'terima sesuatu daripada Ali', bukan 'terima dari Ali'. Perkataan 'dari' adalah lebih tepat digunakan untuk tempat.

Saya percaya pemimpin-pemimpin sedar bahawa kita jadi model atau ikutan. Jadi, kesilapan kita boleh menjadi ikutan orang ramai, maka saya

mohon Dewan Bahasa dan Pustaka mengawasi ucapan-ucapan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin dan jika berlaku kesilapan berterusan oleh pemimpin-pemimpin tersebut, maka carilah jalan diplomatik bagi menyedarkan akan kesilapan tersebut.

Saya yakin pemimpin-pemimpin tersebut akan menerima baik usaha pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pokok Sena.

6.01 ptg.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya cuma hendak bercakap satu butiran sahaja - Butiran 00700 berhubung dengan Pendidikan Guru - Maktab Perguruan.

Terlebih dahulu saya hendak ucap tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang telah banyak memikirkan tentang kebaikan guru, baru-baru ini telah dinaikkan pangkat dan pelbagai lagi, tetapi masalah yang saya hendak bangkitkan ialah tentang profesion guru sekarang ini sudah tidak lagi menjadi satu profesion yang mulia, yang dipandang tinggi oleh masyarakat dan sejak saya jadi wakil rakyat sejak dua penggal masuk enam tahun, pada mulanya saya menjadi wakil rakyat, setiap tahun berpuluh orang di kawasan saya yang datang meminta kita sokong untuk menjadi guru, minta kita rekomen, minta kita jumpa menteri supaya anak dia dapat jadi guru.

Tetapi akhir-akhir dalam dua, tiga tahun ini, tidak ada lagi ibu bapa yang berkehendakkan anaknya jadi guru, sebab minat untuk menjadi guru ini terlalu merosot sekarang. Saya percaya pihak kementerian akan menjawab

bahawa masih banyak yang memohon, tetapi saya rasa amat berkurangan daripada yang lepas-lepas, sebab saya lihat barangkali akhir-akhir ini banyak masalah guru, guru ditukar ke luar bandar, gaji guru tidak lumayan, banyak pemilihan lain, kadang-kadang dia kata: “Jual burger pun RM40, RM50 sehari, buat apa pergi kursus sampai tiga, empat tahun, balik hendak jadi guru, hantar pergi Pokok Sena nu, atas lagi daripada Pokok Sena.”

Lepas itu guru ini oleh sebab murid-murid pun tidak menghormati guru, ibu bapa pun kurang, masyarakat pun tak berapa pandang tinggi kepada profesion guru ini, jadi, kemerosotan orang-orang kita untuk minta menjadi guru ini, kalau pun ada tetapi tidak datang daripada orang-orang yang benar-benar berminat. Dahulu zaman saya, saya bekas seorang guru, kita hendak jadi guru, sebab kita seronok, priority dia tinggi, kalau masuk memintang nombor satu. *[Ketawa]* Kalau cikgu masuk memintang dengan kerani, pi kerani, askar pun pi, guru nombor satu, depa kata guru bagus, bila pak guru, mak guru, anak mesti pandai. Bukankah begitu Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: *[Mengangguk]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ha, Tuan Pengerusi pun mengangguk. *[Ketawa]* Jadi, orang yang berminat kepada guru dahulu memang tinggi, profesion guru ini memang mulia, tambah zaman Dato’ Seri Dr. Mahathir punya pak jadi guru, Mr. Mohamad Iskandar namanya, jadi guru, Tan Sri tahulah, abang saya cerita, dia lalu kot jalan, habis budak-budak yang bukan anak murid dia pun ‘belah.’ Betul atau tidak Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: *[Mengangguk]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ha, dia angguk.
[Ketawa] Lari! Anak dia ini Dr. Mahathir itu kalau pak dia batuk dekat titi orang Kedah kata itu, jambatan hendak masuk rumah itu, dia dah lari pegang buku dah. Zaman dahulu, dia tak peduli anak dia ini mengaji dekat diakah, sekolah diakah, tak peduli, dia mesti tegur. Sekarang tegur sahaja, esok kena pasulah. Pasu bunga hinggap atas kepala cikgu. Tegur anak, bukan anak murid dia, cari fasal apa. Tadi dia cubit pipi anak wakil rakyat Yan pun dia gaduh, dia pi celapak tanya cikgu. Inilah perkara-perkara yang menjadi kemerosotan orang hendak jadi guru. Jadi,

Datuk Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Saya masih ingat semasa saya di bangku sekolah, emak saya tegur nasihatkan saya, rajin belajar, belajar bersungguh-sungguh nanti akan jadi guru, tetapi sekarang apa yang saya dengar, ibu bapa nasihatkan anak mereka belajar bersungguh-sungguh, kalau malas nanti lebih-lebih akan jadi guru. Apa sebab? *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Senai ini dia belajar, dia taat kepada guru sampai naik haru. *[Ketawa]* Saya bersetuju, memang dahulu memang ibu bapa kita hendak belajar betul-betul kemudian jadi guru, guru adalah satu profesion yang mulia, lalu ikut kampung, selamat pagi cikgu, selamat petang cikgu, ibu bapa pun kata. Jadi, seronok hendak jadi guru dan guru-guru pada masa itu dedikasi dia lebih.

Sekarang ada tiga jenis guru, kalau tak masuk dalam tiga jenis ini, kementerian kena tukar atau buang. Nombor satu, guru yang mengajar kerana Allah, guru ini tidak menjadi masalah kepada kementerian atau kepada pegawai mana-mana. Lepas itu guru yang mengajar kerana murid, dia mengajar tidak kira sesiapa, SSB pak SSB pun dia tak kisah, dia kerana murid. Yang ketiga, dia mengajar kerana cari makan. Dia buat ringkasan bagus, dia right buku budak, dia pergi sekolah awal kerana periuk nasi dia. Kalau tak termasuk ini, kalau masa saya jadi guru besar dahulu, saya khabak cikgu, kalau tak termasuk yang tiga ini, 'setiak' belah daripada sekolah saya.

Sekarang ini dia jadi guru kerana tak ada kerja lain. Tambah lagi Kementerian Pembangunan Usahawan hendak menggalakkan usahawan menengah, saya biasa tanya siapa yang hendak jadi guru ini, hendak jadi askar atau kerani, kalau semua hendak jadi jutawan, semua hendak jadi usahawan yang berjaya? Jadi, saya hendak mencadangkan di sini, oleh sebab kita hendak menggalakkan supaya profesion guru menjadi satu profesion yang mulia, saya terlupa, tak termasuk tentang kenaikan SSB ini tetapi banyak yang telah dipinda sedikit, tetapi SSB ini lagi teruklah, banyak guru-guru merungut, tetapi sekarang kementerian telah baikilah sedikit, saya rasa ada ragu banyak puas hati, sungguh dia tak jadi guru besar pun, kenaikan pangkat dia dapat.

Jadi, saya hendak mencadangkan di sini, Tuan Pengerusi, pendek sahaja, saya cuma satu butiran sahaja, saya hendak mencadangkan di sini, pertama sekali, kita hendak menggalakkan orang jadi guru terutama guru-guru yang qualified, yang betul-betul ada minat, saya hendak mencadangkan supaya

bila seseorang itu bila dia keluar daripada universiti, kalau dia hendak jadi guru, biasiswa dia itu dia tak gaduh bayar. Sesiapa sahaja yang memberi biasiswanya sama ada dari JPA, daripada MARA, dari Petronas atau dari mana, dia keluar-keluar dia kata, saya hendak jadi guru, sama ada di Universiti Petronas, Universiti TNB, Universiti Malaya ataupun guru di sekolah menengah, maka dia tak gaduh dibayar.

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Bukit Mertajam bangun ya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ini hendak gulung dah ini.

Dr. Tan Chong Keng: Sedikit sahaja. Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena, biasiswa itu memang tak perlu dibayar.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Tan Chong Keng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Pinjaman yang kena dibayar.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Itu dahulu, la ini dia hendak beri pinjam semua kena bayarlah, saya ingat. *[Ketawa]* Tabung Pendidikan Nasional ini, Tabung Pendidikan Negara ini saya ingat semua akan kena bayar, yang ini yang saya maksudkan. Terima kasih, biasiswa itu barangkali pinjaman.

Sesiapa sahaja yang mengambil pinjaman untuk belajar atau menuntut di universiti atau di mana-mana sahaja, kadang-kadang dia pass engineer pun dia balik dia hendak jadi guru, dia boleh, dia pi mengajar sains, dia mengajar

kira-kira. Kadang-kadang dia pi belajar petroleum atau apakah, dia balik dia hendak mengajar di universiti bahagian petroleum - boleh. Dia hendak jadi guru dia tak gaduh dibayar.

Saya hendak mencadangkan ini, saya minta supaya ini akan menimbulkan semangat orang hendak jadi guru sebab dia ada kemudahan special, selain daripada itu

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun ya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Nantilah, hendak habis ini.

Tuan Noh bin Omar: Sedikit sahaja. Tuan Pengerusi, saya hendak minta sedikit penjelasan. Saya sokong cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena, tetapi tadi bila kata hendak jadi guru dikecualikan daripada bayar pinjaman, kalau dia jadi guru setahun, dia boleh dapat kecuai atau tidak?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ini, saya tak dan habis lagi, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Kalau dia hendak jadi guru, bila dia hendak jadi guru, lepas itu kementerian ikatlah barang sepuluh tahun. Bila sepuluh tahun dia ada anak empat, dia hendak keluar daripada jadi guru itu, dia bimbang sedikit, lima tahun pun dia bimbang dah. Dia hendak pergi cari kerja lain itu. Lagi pun servis dia lima tahun atau sepuluh tahun ini akan menguntungkan negara.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya hendak mintalah kementerian ini ambil perhatian perkara ini supaya guru-guru ini sesiapa sahaja yang

hendak jadi guru, tak gaduh bayar pinjaman, saya minta MARA dan semua yang memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar ini, kalau dia keluar dia akan dikecualikan daripada membayar balik.

Yang keduanya, untuk hendak menggalakkan guru-guru tadi, banyak Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan tentang guru di luar bandar, ini masalah salah satu sebab orang segan hendak jadi guru ini kerana bila dia keluar, pop kena sayup, Kampung Lalang, Baling. Di Kampung Lalang, Baling itu tiga empat kali naik bas baru sampai. *[Ketawa]* Jadi, kadang-kadang kita berilah, bila tempat itu jauh dahulu saya biasa mengajar di Kelantan, siapa yang mengajar anak-anak Orang Asli ini, ada special allowance, Tuan Pengerusi.

Saya tak pergilah, seriau juga. Hendak dok bawa bekas garam banyak sangat. Jadi, orang-orang ini dia kena, orang yang mengajar jauh di pedalaman berilah dia elaun, lepas itu orang yang mengajar jauh di pedalaman, beri dia priority kenaikan pangkat, ini dahlah duduk di luar bandar, duduk sayup, televisyen pun tak ada, macam dia kata tak ada elektrik, tak ada televisyen, tak ada panggung wayang, tak ada hiburan, kenaikan pun tak ada. Berilah kenaikan, priority dia guru rajin di kampung beri dia chance priority, dia naik pangkat. Jangan dahlah dok di bandar, dapat segala priority, naik pangkat pun yang duduk di keliling pinggang pegawai-pegawai di pejabat ataupun di kementerian, depalah ini yang naik, habis siapa yang hendak mengajar di luar bandar? Beri peluang kepada guru-guru yang mengajar di luar bandar itu priority lebih sedikit, tentang kenaikan pangkat, tentang perumahan, tentang

gaji, jangan beri gajilah, beri elaun beri lebih, elaun luar bandar, yang ini saya minta.

Saya juga minta kepada kementerian supaya tiga cadangan saya tadi diambil perhatian supaya tujuan saya, niat saya sebagai seorang bekas guru supaya keinginan untuk masyarakat kita, untuk orang-orang kita untuk menjadi guru itu akan bertambah, tidaklah jadi sekarang ini yang tak mahu jadi guru pun belah masuk jadi guru, lepas itu bila dia jadi guru, dia dok fikir kisah orang lain, kawan dia ahli korporat, orang kaya, dia pun hendak jadi korporat, dia dok fikir yang itu, dok serabut, itu yang dia dok tampar kepala sampai 'melelong' itu, orang Kedah kata.

Dia dok 'katuk' kepala dengan duster sampai pecah kepala kawan, dok fikir yang itu, kawan itu jadi jutawan, dia dok mengajar di luar bandar, sampai dia hentam. Jadi, perkara-perkara ini kita dari segi psikologi memang kita tidak boleh elak, melainkan kita pilih orang-orang yang benar-benar berminat dan kita hendak beri orang-orang yang berminat ini masuk, kita mesti beri galakan yang sepadan dengannya supaya banyak lagi yang akan meminta untuk menjadi seorang guru dan bila menjadi guru kita tahu dan kita sebagai masyarakat dan saya sebagai Ahli Parlimen sentiasa minta kepada orang kampung supaya hormat guru. Hari Guru itu janganlah guru itu dok kena main sandiwara tunjuk kepada murid-murid - ini salah. Hari Guru adalah satu hari yang dikurniakan oleh kerajaan sebagai satu hari yang kita hormat kepada guru, pada hari itu guru duduk diam-diam, ibu bapa yang mai menyanyi. Di kampung saya, saya pesan kalau tak ada bunga, kalau di Kuala Lumpur anak

murid, pelajarinya bawa bunga: “Cikgu, saya terima kasih kepada cikgu mengajar saya setahun. Saya terima kasih banyak, ini bunga.” Cium pipi cikgu, jangan lelaki cium hak perempuan pula. *[Ketawa]* Cium pipi cikgu itu terima kasih, perempuan sama perempuan Tuan Pengerusi. Lelaki sama lelaki salam terima kasih cikgu.

Lepas itu kot kampung, saya selalu khabak kepada orang kampung saya, kalau kot kampung tak ada bunga, kait buah mempelam empat, lima biji, bungkus elok-elok pi beri kepada cikgu: “Cikgu pak saya beri, terima kasih cikgu mengajar anak saya.” Allah, saya sebagai cikgu rasa begitu bangga seronok ibu bapa dia kenang. Ini ‘pak’ sedikit esok mai dengan parang, mana kawan hendak mengajar. Kalau saya pun saya meradang.

Ini kita minta supaya Hari Guru adalah hari yang kita hormat kepada guru, janganlah Kementerian Pendidikan panggil cikgu tunjuk segala sandiwara, naik menyanyi pun tak mahu. Hari Guru - guru tengok anak murid menyanyi, ibu bapa PIBG buat untuk menghormati Hari Guru itu, guru itu dok rest. Ini sekarang yang lepas-lepas Tuan Pengerusi, Hari Guru, guru balik lambat. Kena atur meja, pegawai nu hendak mai. Pegawai dari Kementerian Pendidikan, Dato’ Khalid, Timbalan Menteri hendak mai. Guru ini punya kalut, lebih teruk daripada hari-hari yang lain. *[Ketawa]* Hari Guru cikgu itu balik lambat. Suami dia kata: “Apa fasal balik lambat hari ini, dahlah Hari Guru, hang teruk fasal apa?” “Oh nu, Timbalan Menteri hendak mai di sekolah, Hari Guru hendak menyampaikan Tokoh Gurukah apakah.” Yang ini yang teruk. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, Hari Guru, cikgu - Timbalan Menteri pergi ke sekolah, kalung bunga kepada cikgu itu. Nah cikgu terima kasih, saya bagi pihak kementerian, terima kasih kepada cikgu yang telah mengajar anak-anak bangsa kita. Ini yang kita hendak. *[Ketawa]* Ini Hari Guru - guru teruk! Dahlah hari lain dia teruk, Hari Guru pun dia teruk. Saya hendak merayulah tolong sedikit wartawan, Hari Guru biar guru itu rasa bahawa masyarakat kenang dia. Kalau kot kampung bawa buah pelam, bawa durian, bawa buah-buahan beri kepada cikgu, terima kasih cikgu, ucap terima kasih.

Saya rasa dengan ini maka guru akan menjadi satu profesion yang mulia, orang akan suka jadi guru, lalu kot kampung, semua orang ‘Selamat Pagi cikgu’, ‘Selamat Petang cikgu’, ‘Selamat Malam cikgu’, jangan pukul 3.00 pagi pun cikgu dok lalu juga. *[Ketawa]* Cikgu balik karaoke tidak timbullah perkara ini.

Ini perkara yang kita hendak supaya guru menjadi satu profesion yang mulia di dalam negara kita. Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bukit Mertajam.

6.17 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang supaya boleh berucap dalam peringkat jawatankuasa ini. Merujuk kepada Butiran 060000 - Pendidikan Tinggi dan Program 040400 - Pengurusan Biasiswa.

Memandangkan kos pendidikan tinggi di luar negara telah melambung akibat perubahan kadar pertukaran mata wang asing, terutama sekali Pound

Sterling dan Dolar Amerika Syarikat, negara kita sebenarnya mesti cuba mengurangkan bilangan pelajar berbiasiswa yang melanjutkan pelajaran ke luar negara untuk menjimatkan perbelanjaan pendidikan.

Sepertimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, seramai 8,500 orang pelajar biasiswa kerajaan berada di IPT UK, jika setiapnya belanja Pound Sterling 12,000 setahun, pada kadar satu Pound Sterling sama dengan RM5.46, setiap orang berbelanja RM67,000 setahun, jumlah belanja 8,500 orang pelajar biasiswa di UK adalah lebih kurang RM571 juta.

Saya ingin menyarankan supaya lebih dari separuh jumlah belanja ini dapat diijimatkan dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (a) jangan hantar pelajar biasiswa pada peringkat A Level atau prauniversiti kerana kursus-kursus tersebut boleh diikuti di IPT tempatan;
- (b) pelajar biasiswa diperlukan mengikuti kursus-kursus tahun pertama dan kedua peringkat ijazah di IPT tempatan sebelum melanjutkan pelajaran ke IPT di luar negara untuk tahun-tahun yang akhir;
- (c) hanya pelajar biasiswa kursus-kursus peringkat ijazah pertama tertentu, kursus post graduate yang tidak ditawarkan oleh IPT tempatan boleh dihantar ke luar negara;

- (d) mengadakan lebih banyak kemudahan kursus ijazah berkembar antara IPT tempatan dengan IPT luar negara supaya pelajar biasiswa dapat mengikuti kursus-kursus peringkat ijazah pertama dengan pilihan yang lebih luas dan kos yang lebih rendah melalui pendidikan jarak jauh dan melalui Internet;
- (e) menggalakkan pembangunan IPTS tempatan untuk membantu kerajaan memenuhi keperluan tempat-tempat pendidikan tinggi bagi pelajar yang kian bertambah dan juga untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di rantau ASEAN.

Tuan Pengerusi, dengan langkah-langkah itu, saya harap negara kita boleh berjimat Ringgit Malaysia atas perbelanjaan pendidikan tinggi dan dapat mengukuhkan sekali lagi nilai Ringgit Malaysia kita.

Butiran 280000 - Kolej Tunku Abdul Rahman (Kolej TAR). Memang tidak dinafikan bahawa Kolej TAR telah memberi peluang pendidikan kos rendah dan kualiti tinggi kepada ramai pelajar yang tidak dapat masuk universiti tempatan dan tidak mampu pergi ke seberang laut untuk pendidikan tinggi. Golongan lepasan Kolej TAR yang bermutu tinggi telah disambut baik oleh majikan di semua sektor industri dan perniagaan dan juga oleh IPT luar negara yang selalu menawarkan tempat melanjutkan pendidikan ke peringkat sarjana dan diploma dan sebagainya bagi pelajar-pelajar itu.

Pemimpin-pemimpin parti MCA yang mempunyai visi futuristik telah berusaha membangunkan IPT tempatan ini dan kini kolej mempunyai cawangan-cawangan di Pulau Pinang dan Johor. Cawangan-cawangan baru juga dirancang bagi negeri-negeri yang lain seperti Perak dan Pahang. Dijangka setiap negeri dalam Malaysia akan mempunyai sebuah cawangan Kolej TAR pada masa hadapan.

Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak RM14,135,000 di bawah butiran 280000 ini tidak mencukupi untuk membolehkan Kolej TAR ini menyediakan kemudahan yang lebih baik untuk pelajar-pelajar. Saya ingin menyarankan supaya peruntukan ini ditambahkan supaya dapat memberikan Kolej TAR ini peralatan komputer, IT, kejuruteraan dan sebagainya untuk mempertingkatkan lagi mutu kualiti kemudahan yang dapat ditawarkan kepada pelajar-pelajar.

Kita mesti sedar bahawa Kolej TAR ini telah pun menjimatkan banyak wang ringgit untuk kerajaan kita kerana sejak awal-awal lagi kolej ini sudah pun memberi peluang pendidikan tinggi untuk pelajar-pelajar yang tidak mampu pergi ke seberang laut. Dengan cara itu, kita sudah menghalang ataupun kolej sudah menghalang ataupun memberhentikan aliran keluar negeri ringgit Malaysia yang berjumlah besar dan untuk membalas jasa baik Kolej TAR ini, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan seharusnya dapat mempertimbangkan meluluskan peruntukan yang lebih besar untuk menolong membangunkan Kolej TAR ini yang berjasa kepada negara.

Butiran Bekalan 300100 - Sekolah Bestari. Saya ingin minta Menteri Pendidikan memberi laporan kemajuan Projek Sekolah Bestari, khususnya

sekolah-sekolah yang manakah yang dijadikan sekolah bestari perintis, bagaimanakah kementerian melengkapkan sekolah-sekolah yang berkenaan dengan kemudahan canggih serta tenaga pengajar yang unggul. Cara pengajaran yang lebih moden dan berkesan yang diamalkan, cara pembelajaran pelajar-pelajar dan prestasi pelajar-pelajar berbanding dengan yang datang dari sekolah-sekolah biasa.

Sebenarnya, konsep sekolah bestari ini perlu dianggap sebagai sasaran pembangunan semua sekolah di Malaysia, dengan bantuan peruntukan kerajaan dan derma daripada masyarakat korporat, kita mesti dapat melengkapkan semua sekolah dengan kemudahan yang lebih baik.

Saya berharap Kementerian Pendidikan dapat memberikan resit-resit pengecualian cukai kepada penderma-penderma peralatan sekolah-sekolah untuk menggalakkan syarikat atau perseorangan membuat sumbangan kepada tabung sekolah-sekolah. Saya juga berharap kerajaan dapat mulakan projek Sekolah Bestari ini secara keseluruhan tidak lama lagi supaya semua sekolah akan berfaedah daripada pendekatan ini.

Satu komponen penting dalam Sekolah Bestari adalah kemudahan makmal komputer. Saya perhatikan bahawa pembelian alat komputer melalui pejabat-pejabat kerajaan seperti melalui sistem tender selalunya memenunjukkan harga pembelian yang lebih tinggi daripada harga pasaran komputer dengan spesifikasi yang sama. Walaupun spesifikasi sama di kedai-kedai kita boleh dapat komputer itu dengan lebih murah tetapi apabila

komputer-komputer itu dibeli melalui sistem tender, melalui jabatan-jabatan kerajaan, biasanya harganya adalah lebih tinggi.

Saya rasa kurang senang hati bahawa pembekal-pembekal yang berlesen untuk membekal komputer-komputer itu tidak memilih sebarang kedai ataupun kilang komputer ataupun stor komputer tetapi hanya menjadi seorang ejen sahaja. Ejen membeli dan menjual komputer itu kepada kerajaan dengan keuntungan yang besar. Saya berharap Kementerian Pendidikan dapat membuat sesuatu untuk mengelakkan kejadian seperti ini yang merugikan kerajaan.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Butiran 020300 dan 020400.

Tuan Pengerusi: Minta Yang Berhormat gulung ya.

Dr. Tan Chong Keng: Okay, satu perkara sahaja. Berkaitan dengan Pendidikan Rendah dan Pendidikan Menengah. Manakala kita menghadapi kekurangan tenaga pengajar di sekolah rendah dan sekolah menengah terutama sekali guru-guru bahasa Cina, bahasa Inggeris dan guru-guru sains, tetapi malangnya ada ramai guru yang sudah bersara dan membuat permohonan supaya dilantik balik sebagai guru kontrak mereka terpaksa menunggu-nunggu sampai satu, dua tahun sebelum diberitahu keputusan.

Saya rasa ini adalah satu pembaziran tenaga pengajar yang berpengalaman dan mereka itu sudi menjadi guru tetapi tidak digalakkan kerana red-tape. Jadi, saya minta Kementerian Pendidikan cuba memotong red tape itu dan pastikan bahawa semua permohonan lantikan balik sebagai guru

kontrak itu dipertimbangkan dengan secepat mungkin supaya tidak membazirkan tenaga yang kita gunakan.

Saya akan gulung, dengan kata-kata itu saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sri Aman.

6.25 ptg.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Sebenarnya, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan kerana banyak yang telah dicapai oleh kementerian dan apa-apa yang saya sebut ini adalah komen-komen supaya kementerian ini mencapai tahap yang lebih cemerlang dalam perkhidmatannya hingga dapat meninggikan mutu pendidikan di negara kita ini. Jadi, saya ingin menyentuh Butiran 020000, 020700 dan 020800.

Tuan Pengerusi, pertama penempatan guru, pada masa sekarang saya menerima begitu banyak surat sokongan kerana guru yang masih muda, yang sudah berkahwin kadang-kadang ditempatkan di pedalaman dan mereka terpaksa menggunakan bas, lepas itu menggunakan bot ekspres selepas itu terpaksa menggunakan perahu kecil dan selepas itu mengikut arus sungai berjam-jam dan apabila minta ditukar balik, mendapat surat yang mengatakan, dukacita.

Jadi, saya tahu kementerian memang prihatin terhadap masalah seperti ini tetapi kalaulah permohonan telah dibuat bertalu-talu, saya rasa tolonglah guru yang seperti ini oleh kerana hinggakan guru yang cukup miskin datang dari luar bandar hingga mereka sudi mengambil cuti tanpa gaji kerana tidak tahan pergi ke sekolah yang begitu terpinggir.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang bahasa Iban. Di sekolah rendah, bahasa Iban diajar dari darjah tiga hingga darjah enam, jadi hingga sekarang pun buku teks masih belum lagi dikeluarkan. Saya tahu usaha-usaha telah pun dibuat untuk mengeluarkan buku teks, tetapi hingga hari ini masih belum wujud lagi dan mengapakah ini terpaksa memakan masa yang begitu lama.

Jadi, saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berada bersama kita pada petang ini menyiasat perkara ini.

Pada masa sekarang di Bahagian Latihan Guru, pengajaran bahasa Iban sebagai opsyen tidak diberi. Jadi, guru yang mengajar bahasa Iban adalah guru yang menjadi sukarelawan sahaja, yang ingin membuat volunteer service. Mereka berkursus lain tetapi hendak mencuba mengajar bahasa Iban. Penyelesaian cara ini, saya rasa adalah tidak baik. Apabila kita hendak minta mengapa bahasa Iban tidak diajar dengan cara yang lebih baik, lebih profesional, jawapannya kerana tidak ada guru. Tidak ada guru kerana di Bahagian Latihan Guru tidak menyediakan opsyen seperti ini. Di Sarawak begitu ramai guru yang berketurunan Iban yang ingin mengambil pengajian bahasa Iban sebagai satu opsyen, tetapi tidak diadakan. Jadi, saya minta jasa baik menteri untuk menyelesaikan perkara ini.

Saya juga telah membuat begitu banyak pertanyaan di Dewan yang mulia ini. Jadi, jawapan akan membuat, akan cuba, tetapi bilakah ini akan wujud? Kalaupun ini dapat diuruskan pada penggal Parlimen ini, saya juga minta semua orang di kawasan timbalan menteri mengundi beliau oleh kerana saya begitu lama membuang masa bercakap tentang hal ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, bahasa Iban ini diajar di tingkatan satu, dua dan tiga, tetapi tingkatan empat dan lima sudah begitu lama kita memohon supaya diajar hingga tingkatan empat dan lima oleh kerana kita rasa hanya tingkatan tiga tidak mencukupi. Bahasa Iban adalah satu bahasa yang kaya dalam sastera, dari segi linguistik dan ia dapat mendukung perkembangan bahasa Malaysia dan ia pun ada diajar di Universiti Malaya dan kerana itulah kita rasa mengapa bahasa Perancis dapat diajar di Malaysia, mengapa bahasa Mandarin dapat diajar dan mengapa pula bahasa Iban tidak dapat diajar hingga tingkatan empat dan lima. Saya minta maaf, saya tidak mahu mendengar jawapan iaitu kita kekurangan guru. Guru memang ada kalau kita melatih mereka. Jadi, saya rasa ini adalah satu kewajipan kita, satu tanggungjawab kita kepada masyarakat Iban di Malaysia ini.

Perkara seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 04000 Pemusatan Sekolah Rendah. Di kawasan saya, sekolah rendah begitu uzur. Pada minggu yang lepas saya pergi ke sekolah rendah dan seorang tukang masak mengatakan dapur sudah hilang. Saya kata, hilang ke mana? Hilang sahaja, sudah roboh ke tepi sungai. Kerana apa? Kerana mereka masak di atas tanah dan kerana hakisan, dapur tidak ada lagi. Murid di sekolah ini mandi di sungai yang di belakang dapur itu, juga minum air di belakang dapur itu dan membasuh, mencuci pakaian mereka di sungai itu juga.

Jadi, sekarang kita bangga oleh kerana kita di barisan hadapan, kita menjadi pemimpin dunia yang sedang membangun. Jadi, apakah sebab pada masa ini masih begitu banyak di kawasan saya dan saya dengar dengan baik di semua kawasan lain di Sarawak dan di Sabah juga masih banyak sekolah yang begitu daif. Saya rasa inilah satu lambang yang memalukan kita. Saya harap kementerian dapat berusaha lebih giat untuk memusatkan sekolah rendah supaya kita dapat memberi kemudahan-kemudahan yang mencukupi supaya anak-anak kita dapat belajar dalam keadaan yang baik, keadaan yang membina, supaya mereka nanti menjadi lebih cerdik, lebih pandai dan menyumbang kepada masyarakat dan negara kita.

Tuan Pengerusi, saya minta juga kita elakkan yang saya panggil 'Rasputin Syndrome'. Rasputin Syndrome ini bila raja di negara Russia hendak melawat, Rasputin tanam bunga supaya raja itu tidak melihat setinggan-setinggan di tepi jalan. Ini juga ada sindrom yang saya nampak di kalangan pegawai kita apabila orang atasan, pegawai kanan, menteri, setiausaha parlimen hendak melawat, mereka membawa melihat sekolah yang sudah baik, yang sedang dipulihkan. Oleh kerana itu, gambaran yang mereka bawa balik ke Kuala Lumpur ini adalah satu gambaran yang tidak betul. Saya harap lebih ramai lagi pegawai kanan pergi ke Sarawak dan saya juga minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Menteri pergi ke pedalaman dan jangan minta pegawai aturkan rancangan perjalanan ini, kita sendiri aturkan supaya kita tidak tertipu dengan Rasputin Syndrome ini, barulah kita tahu keadaan yang sebenar. Kalaulah kita sudah tahu keadaan yang sebenar, saya rasa kita akan menjadi lebih prihatin, lebih berjaga-jaga dan lebih bertanggungjawab.

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, ialah bantuan modal kepada sekolah menengah bantuan. Di Sarawak sebahagian besar dari sekolah menengah adalah sekolah menengah bantuan yang dijalankan oleh gereja-gereja Katholik dan gereja-gereja Anglica dan pertubuhan badan-badan yang sama seperti itu. Pada masa sekarang perlantikan pengetua diuruskan oleh kementerian, perlantikan cikgu diuruskan oleh kementerian, sukatan pelajaran juga ditentukan oleh kementerian. Yang diberi oleh gereja-gereja Anglica ini yang menjalankan sekolah menengah bantuan ini adalah tanah sahaja. Jadi, saya rasa kita janganlah mengenakan peraturan yang begitu ketat hinggalah sekolah menengah bantuan ini begitu susah untuk mencari sumber-sumber membuat makmal, membuat bangunan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Jimmy Donald: Ya. Jadi, pada masa sekarang mereka ini saya rasa begitu susah hendak memperkembangkan pendidikan di sekolah menengah bantuan. Saya minta kementerian

menilai semula peraturan untuk membantu sekolah-sekolah yang seperti ini. Sekolah-sekolah yang seperti ini pun wujud di sana untuk membantu kita semua.

Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Balik Pulau.

6.40 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud B.26, Butiran 060000 Pendidikan Tinggi.

Tuan Pengerusi, sejak saya berada di dalam Dewan Rakyat untuk Parlimen Kesembilan ini, saya mengambil perhatian yang cukup khusus kepada pembangunan atau evolusi yang dihadapi oleh IPT melalui beberapa rang undang-undang yang besar yang telah kita kemukakan dalam Dewan ini daripada Akta Pendidikan sehinggalah pindaan kepada AUKU, akta untuk menubuhkan MPTN, Akta IPTS, Akta Lembaga Akreditasi Negara, pindaan kepada Akta ITM dan sebagainya kerana saya secara ikhlasnya merasa bahawa dalam pada kita mengorak langkah ke arah pembangunan ini, kita berasa bimbang kalau kita tidak selalu mengatakan untuk mempertahankan idealism falsafah pendidikan ini terutamanya di institut-institut pengajian tinggi, maka ianya akan terhakis.

Bukanlah sesuatu yang keterlaluan jika kita katakan bahawa sebenarnya dalam beberapa tahun yang lampau ini memang terdapat sedikit kehakisan dalam IPT-IPT ini untuk mempertahankan idealism pendidikan tinggi yang saya telah katakan bahawa di dalam masyarakat kita hari ini tidak banyak institusi yang mempunyai luxury untuk berpegang kepada idealism yang tertentu dan institusi yang kita harap untuk berpegang kepada idealism yang tertentu ialah IPT.

Dalam konteks ini saya ingin menyarankan rasa dukacita saya tentang arahan yang telah dikeluarkan oleh KSU Kementerian Pendidikan untuk tidak membenarkan ahli-ahli akademik mengeluarkan kenyataan tentang jerebu yang berlaku dalam negara kita ini. Kalau kita lihat secara isolated, secara terasing, maka arahan ini tidaklah begitu besar maknanya dan ianya bukan berkenaan dengan perkara yang sangat penting walaupun kita sedar bahawa publisiti yang buruk akan menjejaskan industri pelancongan negara kita. Tetapi kalau kita lihat dari sudut yang lebih besar, arahan yang dikeluarkan kepada kakitangan akademik universiti-universiti di negara kita ini menunjukkan bahawa kita masih lagi tidak mempunyai satu sikap yang terbuka tentang kebebasan akademik. Ianya menunjukkan bahawa kita juga tidak mempunyai kematangan untuk berdepan dengan era teknologi maklumat. Apabila arahan ini keluar, penuh dalam Internet, perbincangan dalam

pelbagai forum yang ada dalam Internet tentang perkara ini. Jadi, arahan itu sebenarnya menyemarakkan lagi perbincangan tentang perkara yang hendak dihalang. Ianya menunjukkan bahawa kita tidak faham dalam era yang kita hendak memasuki ini, dalam era Multimedia Super Corridor ini bahawa sekatan-sekatan sebegini rupa adalah tidak bermakna.

Yang keduanya, saya takut ia menyumbang kepada satu sikap di kalangan umum bahawa apa juga kenyataan (statement) yang dikeluarkan oleh kerajaan, oleh badan-badan sama ada pihak eksekutif ataupun badan-badan berkanun kerajaan, orang tidak ada percaya lagi, tidak ada kredibiliti. Bila kita tahan orang hendak bercakap sehinggakan dalam IPT pun kita tahan orang hendak bercakap tentang perkara yang bukanlah sensitif sangat, tetapi dia menyumbang kepada pengwujudan sceptism, sinisism yang orang ada kepada statement yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Oleh yang demikian, maka kredibiliti kerajaan dalam mengeluarkan kenyataan dan apa juga kenyataan sama ada angka ataupun dasar, orang tidak berapa boleh percaya lagi, habis sangat bila kerajaan kata inflasi mengikut CPI 34%, orang tidak percaya. Orang kata ukuran pencemaran indeks kata 200, yang ini kata 40, yang itu kata 400, orang pun tidak percaya. Jadi kalau kita sekat macam ini, bukanlah perkara besar mana sangat, apa juga kenyataan yang dikeluarkan nanti oleh kerajaan akan dianggap sebagai tidak ada punya kredibiliti. Jadi, ini adalah satu perkara yang sungguh menyedihkan yang saya harap di masa-masa yang akan datang langkah yang sedemikian rupa tidaklah diambil oleh kerajaan kerana ia tidak menyumbang secara positif langsung.

Bukanlah satu yang keterlaluan kalau saya katakan langkah-langkah seperti inilah yang menyumbang di kampus-kampus universiti-universiti dalam negara kita ini didominasi oleh politik pembangkang, kerana kerajaan kadang-kadang mengambil tindakan dan membuat dasar yang menyekat kebebasan sedemikian rupa seolah-olah tidak menghargai pendapat mereka dalam semua dasar yang menyentuh tentang pengkorporatan universiti dan sebagainya. Dalam pada itu juga, mereka ini yang hendak bersuara tentang bidang di mana mereka mempunyai kepakaran juga, mereka disekat. Jadi, ini sebenarnya menyumbang kepada penyemarakkan politik pembangkang di kampus-kampus kerana kita tidak embrace ataupun cuba memasukkan mereka di dalam aliran utama untuk menentukan dasar-dasar, tetapi kita cuba menyisihkan mereka daripada aliran utama. Oleh kerana mereka tersisih, maka mereka pun mengambil sikap yang dingin terhadap dasar-dasar yang ditunjukkan oleh kerajaan.

Dalam konteks ini, saya ingin bertanya kementerian apakah sebenarnya peranan Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang telah kita luluskan akta dalam Dewan ini. Kita luluskan Akta Majlis

Pendidikan Tinggi Negara setelah kita buat pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti dengan merombak keseluruhan pentadbiran pengajian tinggi dalam negara kita ini. Sepatutnya Majlis Pendidikan Tinggi Negara ini bertanggungjawab dalam menentukan dasar-dasar yang berkait dengan pengajian tinggi. Saya ingin bertanya sudah berapa kali Majlis Pendidikan Tinggi ini pernah bermesyuarat? Kalau pernah mereka bermesyuarat, apakah rumusan ataupun hala tuju dasar yang mereka telah dapat kemukakan kepada kerajaan setakat ini? Dan apakah dasar MPTN tentang kebebasan akademik yang kita tuntut dan apakah dasar MPTN tentang konsentrasi birokrasi pendidikan tinggi sekarang ini yang begitu concentrated kepada satu badan sahaja.

Dalam hal dasar Pendidikan Tinggi Negara ini juga, saya ingin menimbulkan persoalan tentang MPTN ini adakah ia telah tengok dengan betul-betul bagaimanakah keadaan di dalam kampus kita hari ini dengan bilangan pelajar yang makin lama semakin ditambah peningkatan kemasukannya dengan begitu banyak, tetapi peningkatan dari segi tenaga pengajar dan juga kemudahan yang tidak mencukupi, kita dapati seperti yang telah dikatakan oleh beberapa orang dari segi kemudahan fizikalnya tidak mencukupi, kita lihat sekarang ini banyak pensyarah, sudahlah suasana dalam kampus itu menjadi lesu, tidak ada pegang bagaimana idealism pendidikan ini. Kalau mereka tidak bekerja part time jual direct selling, setengah itu sibuk dengan beban mengajar yang begitu banyak, seorang lecturer mengajar sampai tiga kursus, satu kuliah sampai 200 orang, jadi ini semua menjejaskan kualiti pengajaran. Bukan sahaja ia menjejaskan kualiti pengajaran, sebenarnya ia menjejaskan kemampuan pensyarah-pensyarah tersebut sebagai kakitangan akademik untuk melakukan satu lagi fungsi penting mereka iaitu menjalankan pendidikan. Sekarang ini pula kita telah memendekkan tempoh pengajian daripada empat ke tiga tahun untuk Ijazah Pertama dan ini sekali lagi menimbulkan masalah kepada kakitangan akademik untuk melakukan research dan juga mengajar dengan secara yang berkesan.

Ini semua saya rasa kalau kementerian pergi melihat kepada keadaan yang sebenar yang berlaku di universiti-universiti tempatan ini dan universiti-universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti ini, maka mereka akan mendapat satu rumusan bahawa ianya berada dalam satu kedudukan yang cukup tenat. Dalam keadaan di mana sekarang ini kemampuan kita untuk menghantar pelajar untuk Ijazah Pertama di luar negeri lagi berkurangan, maka tekanan ke atas sistem ini makin lama semakin teruk. Saya ingat lagi empat, lima tahun yang akan datang, dalam tempoh tujuh, lapan tahun yang lepas, oleh kerana kita beroperasi dalam pasaran buruh yang hampir penuh gunatunaganya, maka ukuran kita sama ada kita telah melakukan pendidikan yang baik atau latihan

yang baik, kita tidak berapa boleh guna kerana margin of error yang kita guna ini terlalu besar. Tetapi dalam tiga, empat tahun yang akan datang apabila tuntutan pasaran buruh lebih tinggi, maka kita akan tahu sama ada kualiti graduate yang kita keluarkan itu sebenarnya adalah berkualiti ataupun tidak berkualiti. Jadi, ini adalah perkara yang saya harap Majlis Pendidikan Tinggi Negara selaku sebuah badan yang ditubuhkan oleh Parlimen ini memberi perhatian kepada perkara-perkara macam ini.

Sekarang ini juga saya nampak universiti seolah-olah telah melacurkan prinsip idealism pendidikan ini dengan memperkenalkan pelbagai ijazah atau program pengajian yang pelik-pelik, ada universiti bawa keluar Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan. Mentang-mentang orang semua cakap pasal multi-media, ada universiti hendak keluarkan Sarjana Muda dalam Multimedia. Ini semua cukup pelik kerana ini semua adalah Ijazah Pertama. Jadi, seolah-olah pentadbiran akademik universiti ini yang sudah pun di'dilute'kan dengan pindaan yang kita lakukan ke atas AUKU ini, dia seolah-olah bila pemimpin negara mengatakan kita hendak pergi ke situ, jadi semua orang pakat, sibuk buat begitu; multimedia - semua orang buat Ijazah Multimedia, sampai universiti pun buat Universiti Multimedia, ini satu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa cukup, Yang Berhormat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Okay, saya gulung sedikit. Jadi, ini masalah yang saya terima. Universiti Multimedia adalah satu konsep universiti yang cukup pelik bagi saya, tetapi pasal semua orang hendak cakap mengenai multimedia maka adalah orang hendak anjurkan Universiti Multimedia.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap mengenai B. 27 Perpustakaan Negara, sebab semua orang tidak cakap dan saya juga adalah ahli Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara ini, saya ingat telah melakukan tanggungjawab mereka dengan baik. Perpustakaan Negara ini sebenarnya terletak di bawah Kementerian Pendidikan. Pertamanya, dalam tahun ini misalnya, dua atau tiga kali saya pergi mesyuarat, sepatutnya wakil Kementerian Pendidikan ada dalam mesyuarat ini, tidak tidak pergi pun. Jadi, saya mintalah kementerian supaya pegawai-pegawainya ambil hirau sedikit tentang perjalanan Perpustakaan Negara ini dengan hadir dalam mesyuarat dan oleh yang demikian, barulah mereka boleh menyampaikan apa masalah kepada kementerian.

Tuan Pengerusi, saya minta maaf, terpanjang sedikit, tentang peruntukan tanah untuk pembangunan sekolah-sekolah yang sepatutnya dilakukan oleh pemaju. Masalah ini adalah sangat runcing di Pulau Pinang yang mana tanahnya adalah mahal dan kita dapati banyak developer yang

membangunkan luas kawasan yang cukup besar tetapi tidak membekalkan tanah ini kepada kementerian untuk dibangunkan sebagai sekolah.

Saya hendak minta ketetapan daripada kementerian khususnya pada hari ini ialah ada sebidang tanah seluas 70 ekar di kawasan Bayan Lepas dalam kawasan saya yang hendak dibangunkan menerusi tabung TPPT Bank Negara Malaysia ini, tetapi mereka minta dikecualikan daripada membekalkan ruang tanah untuk dibangunkan sekolah. Jadi, saya minta ketetapan daripada kementerian dalam Dewan ini supaya pengecualian yang diminta oleh sebuah pemaju yang menggunakan dana kerajaan sendiri untuk tidak membekalkan sekolah ini tidak dilayan oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Gelang Patah.

6.52 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas di peringkat Jawatankuasa, B.26 Kementerian Pendidikan.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menyentuh tentang peranan guru-guru yang mana saya berasa bangga kerana pada masa kini masyarakat keseluruhannya telah mengambil berat tentang kepentingan untuk menganjurkan kempen menghormati guru-guru. Ini patut dipertingkatkan supaya kita dapat menarik lebih pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi untuk memilih kerjaya perguruan.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang kita dapati bahawa semasa negara kita memberikan perhatian berat kepada pendidikan, kita perlu peka tentang kepentingan pendidikan yang cemerlang. Saya kata pendidikan cemerlang, iaitu kita perlu memberikan kepentingan pendidikan kepada generasi muda kita dalam lima aspek, iaitu aspek moral, aspek kecerdasan, aspek jasmani dan rohani, aspek kemasyarakatan dan aspek kesempurnaan. Dalam bahasa Mandarin ialah 'terk szi ti ching mei', barulah kita dapat membimbing generasi muda kepada satu peringkat yang mana kita dapat generasi muda yang mempunyai pendidikan yang berkualiti.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang saya dapati bahawa kita menghadapi masalah kekurangan guru-guru terutama di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina telah menghadapi masalah yang serius tentang kekurangan guru-guru. Di negeri Johor terutama di daerah Johor Bahru, kemungkinan kita akan menghadapi kekurangan lebih kurang 200 guru untuk tahun depan. Oleh yang demikian, adalah penting pihak Kementerian Pendidikan ambil berat tentang perkara ini. Untuk

menggalakkan lebih pemuda-pemudi memilih kerja perguruan, saya harap kemungkinan bila ekonomi negara kita baik pulih, kita boleh contohi negara Taiwan yang mana anggota guru bersama dengan anggota tentera dikecualikan bayar cukai pendapatan. Ini adalah satu galakan kepada pemuda-pemudi untuk memilih kerja perguruan selain daripada memberikan mereka insentif gaji yang tinggi dan memberikan peluang untuk mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang mereka mahu. Dengan cara inilah baru kita dapat menggalakkan lebih pemuda-pemudi memilih kerja perguruan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin sentuh tentang Program 020300 Pendidikan Sekolah Rendah. Di sini saya ingin sebut tentang masalah sekolah-sekolah rendah kebangsaan Cina di kawasan saya terutama Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Kok Kwang Satu yang pada masa sekarang mempunyai murid-murid sekolah 5,060 orang. Ini adalah sebuah sekolah yang terbesar sekali di negara Malaysia. Tadi saya ada dengar Yang Berhormat dari Kota Melaka kata bahawa sekolah ini mempunyai murid 6,000 orang. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka lebih baik dia dapat maklumat yang tepat dahulu, baru ceritakan. Saya harap dia jaga baik-baik kawasan dia, tidak payah campur tangan ke dalam kawasan saya Gelang Patah. Dengan usaha semua pihak termasuk Jemaah Menteri dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, pada tahun 1992 dapat diluluskan sebuah sekolah baru iaitu disebut Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Kok Kwang Dua yang sedang dibina. Ini adalah usaha pemimpin Barisan Nasional. Ini adalah satu bukti bahawa pemimpin Barisan Nasional peka tentang pendidikan yang diperlukan.

Di sini saya ingin minta pihak Kementerian Pendidikan kerana pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Kok Kwang Dua fasa satu hampir siap dan seramai 800 murid akan dapat menerima pelajaran di sekolah itu, tetapi masalah sekarang ialah tentang masalah pembekalan guru-guru dan guru besar untuk sekolah itu masih belum diselesaikan kerana sekarang sudah bulan November, cuma satu setengah bulan lagi. Pada 1 Januari bila sekolah dibuka, saya harap jangan ada isu bahawa sekolah baru tanpa guru besar dan guru-guru, tetapi ada 800 murid tunggu di sana untuk dididik. Oleh yang demikian, saya harap pihak Kementerian Pendidikan dapat menolong dalam hal ini.

Saya ingin beritahu dalam Dewan yang mulia ini, dengan usaha masyarakat Cina dan masyarakat umum dalam pembinaan sekolah baru ini yang bertapak di Taman Sutera seluas lima ekar dengan kerjasama dan kelulusan daripada Kementerian Pendidikan dan daripada kerajaan negeri kerana Kok Kwang adalah sekolah Cina jenis bantuan modal, kita perlu usaha sendiri untuk membina sekolah ini dan fasa satu perbelanjaan untuk membina sekolah itu adalah RM7.5 juta dan setakat ini kita sudah

dapat kempen derma wang hampir RM4 juta, tetapi kontraktor yang buat kerja itu dia lanjutkan kerja dan sampai hampir siap. Saya harap pihak kementerian dapat menghulurkan bantuan untuk sama-sama dengan masyarakat supaya kita dapat menyiapkan pembinaan sekolah ini.

Selain daripada itu, saya ingin ambil peluang keemasan ini untuk meminta pihak kementerian membekalkan segala kelengkapan kerusi meja untuk murid-murid, meja dan kerusi untuk guru-guru, kabinet, papan hitam, softboard dan lain-lain yang perlu untuk 30 bilik darjah supaya bila 1 haribulan tahun depan murid-murid ada tempat duduk, jadi tidak akan duduk atas lantai. Oleh yang demikian, saya minta kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk memberikan kerjasama oleh kerana masyarakat sudah dapat memberikan derma untuk membina sekolah, patutlah Kementerian Pendidikan pun memberikan bantuan. Setakat ini bantuan daripada pihak kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri ialah RM100,000 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Mei 1995. Dalam bulan Mei tahun ini, Yang Berhormat Datuk Dr. Fong Chan Onn, iaitu Timbalan Menteri Pendidikan melawat sekolah itu dan mengumumkan peruntukan RM50,000. Saya sebagai ahli Parlimen, tiap-tiap tahun sejak 1995 saya dipilih sebagai ahli Parlimen, saya berikan RM20,000 kepada mereka dan ini cuma sumbangan yang sedikit sahaja daripada kerajaan memandangkan kos projek itu ialah RM7.5 juta.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya ingin meminta pihak Kementerian Pendidikan agar dapat mewujudkan sebuah sekolah wawasan di Taman Universiti di mana ada sekolah kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan sekolah Tamil, kerana di Taman U itu mempunyai lebih 60,000 penduduk yang mana 45% dari kaum Cina, 15% dari kaum India dan 40% dari kaum Melayu dan jika.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Chang See Ten: Saya gulung. Jika dapat, wujudkan sebuah sekolah wawasan di sana, kita akan dapat memberikan peluang kepada generasi muda kita untuk bersekolah di taman itu, yang duduk di kawasan itu, tidak perlu pergi ke tempat yang jauh. Kita sudah dapati bahawa sejak merdeka sampai sekarang, dengan mengadakan aliran sekolah kebangsaan, sekolah Cina dan Tamil, sudah jadi satu aset kepada negara kita yang mana dapat mewujudkan perpaduan nasional di negara kita ini dan sudah jadi satu model. Oleh yang demikian, saya harap dengan usaha meliberalisasikan pendidikan yang mana sedang pesat dijalankan oleh Kementerian Pendidikan, ini adalah usaha yang baik dan kita

semua sokong. Diharap semua aliran ini diberikan pengagihan peruntukan dengan secara adil dan saksama.

Dengan kata-kata demikian, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mersing.

7.05 mlm.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberikan saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pendidikan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.26 - Butiran 020000 - Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedar bahawa bahasa Inggeris cukup penting terutamanya apabila kita berkomunikasi dengan negara-negara luar, malah dengan adanya era teknologi MSC ini, maka kepentingan bahasa Inggeris memang tidak dapat dinafikan.

Kita memang mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak kerajaan yang mana kerajaan telah melakukan berbagai ikhtiar untuk meningkatkan tahap dan pencapaian murid-murid luar bandar dalam mata pelajaran ini. Namun demikian, sehingga sekarang ini prestasi yang ditunjukkan oleh murid-murid luar bandar bagi mata pelajaran ini, saya kira masih belum memuaskan, berbanding dengan mata pelajaran-mata pelajaran yang lain seperti Matematik, Bahasa Malaysia dan sebagainya.

Saya ingin meminta supaya pihak kementerian menghantar guru-guru bahasa Inggeris yang lebih baik dan kalau ada guru-guru bahasa Inggeris yang mengajar, kalau kita rasakan perlu memberi latihan lanjutan kepada mereka

saya rasa kementerian patutlah berbuat demikian. Saya bangkitkan perkara ini Tuan Pengerusi, kerana saya lihat kadang-kadang setengah-setengah guru itu yang tidak mahir bahasa Inggeris, tetapi oleh kerana ketiadaan guru yang hendak mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris beliau diarah oleh pihak sekolah untuk mengajar mata pelajaran tersebut. Maka sudah tentulah dapat kita bayangkan apakah keputusan dan prestasi murid-murid. Itulah saya harap pihak kementerian akan terus memberikan perhatian kepada perkara ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah berkenaan dengan PTS. Kalau tidak silap saya pada minggu ini kita akan dapat keputusan PTS ini. Saya juga difahamkan bahawa prestasi murid-murid PTS yang dapat masuk darjah lima tahun lepas adalah sungguh cemerlang malah setengah-setengah murid yang dapat memasuki darjah lima ini mengatasi murid-murid darjah lima itu sendiri. Ini adalah satu petanda yang baik. Walau bagaimanapun saya hendak tahu berapa ramaikah murid yang berjaya memasuki kelas atau darjah lima pada tahun lepas iaitu 1996?

Tuan Pengerusi, seterusnya saya hendak sentuh berkenaan dengan sempoa. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana mengambil kira dan memasukkan perkara ini ke dalam Kurikulum Sekolah Rendah. Saya kira penggunaan sempoa ini cukup baik kerana dia dapat membantu murid-murid khususnya kaum bumiputera memajukan diri dalam bidang matematik ini. Saya sendiri tengok pada hari Ahad, dua tiga hari yang lepas seorang murid yang dapat menyelesaikan masalah matematik sebanyak 30 soalan, tetapi dia buat dalam masa 6 minit sahaja. Jadi saya hendak

bertanya bagaimanakah perkembangan dan kemajuan pendidikan ini sekarang di sekolah-sekolah?

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 060000 - Pendidikan Tinggi. Sekarang ini bilangan anak-anak kita yang masuk universiti dari sehari ke sehari makin bertambah dan sudah tentulah mereka yang masuk universiti ini memerlukan perbelanjaan yang agak besar juga, terutamanya yang berasal dari luar bandar kalau wang RM1,000 rasa besar. Biasanya kalau murid-murid ini hendak masuk universiti maka salah satu sasarannya kitalah wakil rakyat tempat mereka mengadu.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa kerajaan telah pun menubuhkan satu Tabung Dana Pendidikan Tinggi di mana murid-murid ini boleh memohon pinjaman kalau tidak silap saya. Jadi, saya harap pinjaman ini kalau boleh dimasukkan sekali dengan perbelanjaan semasa mereka hendak masuk universiti sekurang-kurangnya katakan RM1,000 - masukkan ini. Bagi mereka yang mendapat tempat memasuki universiti kita beri scholarship pada mereka dan masukkan sekali perbelanjaan yang RM1,000 supaya dapat meringankan beban kita wakil rakyat. Kita bukanlah dapat gaji besar sangat tetapi terpaksa berkongsi dengan rakyat, inilah kenyataannya.

Seterusnya saya hendak sentuh dengan Butiran 020200 - Pendidikan Prasekolah. Pihak kementerian ada mengumumkan yang pendidikan prasekolah ini akan dimasukkan sebagai sebahagian daripada persekolahan biasa. Maksudnya tadika ini akan diletakkan di bawah pentadbiran sekolah biasa. Jadi, bagaimana dengan kemajuan perkara ini. Saya hendak tahu berapa

buah sekolah yang telah melaksanakan rancangan ini setakat ini, kerana saya difahamkan pihak sekolah menghadapi masalah dari segi kelas yang tidak cukup dan guru yang tidak cukup. Jadi, bagaimanakah pihak kementerian mengatasi masalah ini?

Tuan Pengerusi, saya hendak beralih kepada Butiran 020500 - Pendidikan Sekolah Berasrama Penuh. Sebahagian daripada masyarakat di Mersing terdiri dari nelayan dan masyarakat nelayan ini bukanlah mudah untuk kita ubah minda mereka. Ada perubahan, tetapi perubahan ini berjalan dengan agak lambat sedikit. Jadi, apa yang ingin saya katakan, macam masyarakat ini, ayah terpaksa ke laut selama tiga atau empat hari, ibu sibuk, kadang-kadang mereka tidak dapat hendak memberi perhatian sangat kepada pendidikan anak-anak.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian bagi anak-anak nelayan yang mendapat 4A pada peringkat UPSR, saya mencadangkan supaya pihak kementerian memberi kelonggaran kepada mereka untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh. Sebab kadang-kadang sesebuah sekolah itu boleh dikatakan murid-muridnya terdiri dari anak-anak nelayan, yang mendapat 4A - sembilan orang, yang dapat masuk ke sekolah asrama penuh - empat orang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Ya. Jadi, yang lima orang itu kalau kita tidak beri perhatian dia mungkin hanyut entah ke mana. Itulah sebabnya saya berharap pihak kementerian memberi sedikit kelonggaran kepada mereka.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud B.27, Butiran 020100 - Pembangunan Perpustakaan. Saya harap pihak kerajaan akan membina lebih banyak perpustakaan desa di kawasan saya, khususnya di Pekan Endau dan juga di Rancangan Felda Tenggara dan juga Nitar.

Seterusnya saya ingin menyentuh Maksud P.26, Butiran 00800 - Rumah-rumah Guru Luar Bandar.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Ya, saya akur dengan arahan Tuan Pengerusi. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kuala Nerus.

7.15 mlm.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam Jawatankuasa.

Saya ingin menyentuh mengenai di Butiran 300000 - Dasar Baru; dan Butiran 300200 - Pemberian Kepada Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Tuan Pengerusi, pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mengumumkan di Terengganu sebanyak dua kali untuk meluluskan satu kolej universiti Terengganu yang dahulunya adalah unit ataupun cawangan Sains Samudera Universiti Pertanian Malaysia dan yang terakhir Yang Berhormat Menteri telah berkunjung ke negeri Terengganu. Dalam perhimpunan yang agak besar pengumuman telah dibuat supaya dinaiktarafkan unit ini ataupun cawangan UPM ini kepada Universiti Kolej ataupun Kolej Universiti yang pertama di Malaysia. Tetapi adalah malang pada bulan lepas pihak Kolej Sains Samudera ini menerima satu jawapan daripada Kementerian Pendidikan ditangguhkan kenaikan taraf ini.

Saya masih ingat lagi pada awal tahun ini apabila kita mendesak supaya Universiti Petronas diadakan di negeri Terengganu, tetapi telah dialih ke negeri lain, maka sebagai ganjaran atau sebagai gantinya dinaiktarafkan Universiti Pertanian Terengganu. Pada waktu itu kami wakil-wakil rakyat dan beberapa orang ahli Exco mempertimbangkan supaya diberikan secukup-cukupnya tanah untuk diperbesarkan Kolej Universiti ini dan sebanyak 200 ekar telah diluluskan oleh kerajaan negeri. Jadi, saya mengharapkan supaya perkara ini dipertimbangkan kerana inilah satu-satunya universiti yang barangkali negeri Terengganu dapat menghantar anak-anak ke menara gading, yang pada waktu ini sudah mencapai kemasukannya sebanyak tiga ribu penuntut, sedangkan taraf kolej itu hanyalah department ataupun unit Sains Samudera Universiti Pertanian.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa di negeri Terengganu tidak ada satu pun universiti dan yang ada hanyalah Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) yang sudah lama diura-urakan untuk mengadakan kerjasama dengan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), tetapi sehingga kini masih tidak menjadi satu kenyataan. Jadi, saya kira amatlah wajar kalau perkara ini dipercepatkan dan senang kita memberi jawapan kepada pengundi-pengundi pada masa pilihan raya yang akan datang. Saya harap Butiran 300000 - Dasar Baru dan Butiran 300200 ini dapat diberi perhatian yang sewajar mungkin.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, soal sekolah. Saya ingin berkongsi masalah dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengenai tidak cukupnya sekolah di kawasan saya iaitu di dalam Dewan Undangan Negeri Teluk Pasu. Perkara ini adalah perkara lama, cerita lama.

Pada waktu pilihan raya kecil Teluk Pasu pada tahun 1989 barangkali Yang Berhormat Menteri masih ingat pada waktu itu boleh dikatakan semua menteri, semua pemimpin turun ke Dewan Undangan Negeri Teluk Pasu pada masa pilihan raya kecil dan telah diumumkan supaya diadakan sebuah sekolah menengah. Inilah perkara yang menyulitkan saya, tetapi sehingga kini tidak ada perancangan untuk menambahkan sekolah di kawasan ini. Yang ada hanya satu sahaja iaitu Sekolah Menengah Manir yang sekarang ini mempunyai dua ribu lebih penuntut, maka manalah mencukupi sebanyak tiga belas ribu pengundi tidak termasuk kanak-kanak, tidak termasuk yang belum cukup umur untuk mengundi dan sebagainya, dengan menggunakan sebuah sekolah, ini adalah satu perkara yang saya kira tidak wajar ditambah lagi dengan janji-janji

yang telah diberikan. Jadi, saya amat berharaplah supaya perkara ini dapat diselesaikan semuga Dewan Undangan Negeri Teluk Pasu yang dahulu kalah kita dapat dirampas kembali.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyuarakan iaitu mengenai bayaran kepada guru-guru yang memeriksa kertas peperiksaan UPSR baru-baru ini. Ada rungutan bahawa walaupun guru-guru yang memeriksa kertas ini dikurung selama satu minggu di dalam hotel, dipaksa untuk bekerja dengan masa yang terhad untuk memeriksa kertas-kertas ini, tetapi ganjaran yang diterima amatlah sedikit sekali. Bayangkanlah pengorbanan guru-guru ini untuk bekerja siang dan malam hanya diberi RM40, maka ini adalah tidak wajar. Jadi, saya pohon supaya perkara ini dapat diperhitungkan semula, dapat diperincikan supaya pengorbanan guru-guru itu dapat imbuhan yang setimpal.

Perkara yang keempat, Tuan Pengerusi adalah soal tumbuhnya sekolah-sekolah swasta yang ditaja oleh parti-parti pembangkang lebih-lebih lagi di Terengganu. Perkara ini adalah perkara lama dan beberapa sekolah yang dalam kawasan saya setinggi empat tingkat bangunannya amat tinggi sekali, barangkali dalam kawasan Parlimen saya ini adalah bangunan yang tertinggi. Apabila kita merujuk kepada Majlis Perbandaran tentang kelulusan bangunan dan sebagainya, jawapan yang diberi, dari segi bangunan adalah di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran. Tetapi dari segi lesen, dari segi kebenaran dan sebagainya adalah di bawah Kementerian Pendidikan.

Saya mengharapkan supaya satu penguatkuasaan ke atas sekolah ini iaitu sekolah swasta yang diberi nama Institut Berakan, sesungguhnya dapat

diberi perhatian yang sewajar mungkin, baik soal kurikulum, baik soal akreditasi, penerimaan masyarakat kepada sekolah ini satu masa nanti tidak menjadi satu masalah yang besar, kerana Tuan Pengerusi, tahu sahajalah di negeri Terengganu ada sekolah-sekolah swasta yang mengajar penuntut-penuntut supaya membencikan kerajaan. Ada yang memijak gambar-gambar baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun pemimpin-pemimpin yang lain. Jadi, perkara ini telah banyak disuarakan. Kalaulah kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya, maka satu hari nanti barangkali ledakan anti establishment ini akan merebak, akan lebih parah lagi apabila di negeri Terengganu kedudukan di antara parti lawan dan parti yang memerintah dalam keadaan 50-50 dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Saya kira apa yang sebutkan tadi adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian yang sewajar mungkin. Jadi, saya harap dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri kalau tidak pun secara mulut, secara bertulis untuk masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu, selepas ini Timbalan Menteri akan menjawab.

7.25 mlm.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Tuan Pengerusi, saya merakamkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah memperuntukkan sejumlah peruntukan yang begitu besar kepada kementerian ini. Biasanya sebagaimana setiap tahun Kementerian Pendidikan mendahului kementerian-kementerian yang lain.

Saya ingin bercakap mengenai Butiran 020000, di bawah Program/Aktiviti 020200; 020300; 020400 secara serentak. Tuan Pengerusi, kita perakukan bahawa pencapaian kementerian ini di dalam menjalankan tugas-tugas ke arah kelonjakan taraf pendidikan negara ini ke taraf yang begitu tinggi dan kita mengalu-alukan segala perancangan yang telah dibuat untuk kebaikan dan juga memanfaatkan masyarakat golongan pelajar di kawasan luar bandar dan juga di bandar. Apa yang saya ingin sentuh ialah tentang pendidikan prasekolah. Kita lihat pendidikan prasekolah ini amat penting dipraktik, kalau boleh di seluruh sekolah yang ada di peringkat rendah dan ianya haruslah ditekankan kepada soal-soal menarik minat anak-anak untuk datang ke sekolah-sekolah yang berkenaan.

Apa yang kita lihat kurikulum pendidikan di prasekolah ini begitu baik dan adalah menjadi asas dan juga prasyarat untuk anak-anak pergi ke sekolah sebelum ke sekolah rendah. Tetapi apa yang malangnya didapati kurikulum sekolah-sekolah tadika umpamanya tidak selaras dan tidak diselaraskan dengan kurikulum di peringkat pra-sekolah di sekolah-sekolah biasa. Jadi, kita menyarankan supaya kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya dan menyarankan kepada tadika-tadika yang berkenaan baik Perpaduan, KEMAS,

RISDA dan sebagainya agar mengikut dan memperakukan bahawa kurikulum prasekolah yang dilaksanakan di sekolah-sekolah biasa ini dapat diutamakan dan menjadi tuntutan dan juga pedoman.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan pendidikan rendah. Pendidikan rendah kita memang mengakui bahawa banyak masalah di sekolah rendah pada waktu ini telah dapat diselesaikan, kecuali beberapa perkara yang berkaitan dengan bilangan guru yang sewajarnya yang harus ditempatkan di sekolah berkenaan masih tidak dapat diatasi. Begitu juga dengan bangunan-bangunan, kemudahan-kemudahan yang lain.

Di Parlimen Jelebu kita mempunyai lebih kurang 24 buah sekolah rendah, tidak termasuk SRJK(C) dan apa yang didapati Tuan Pengerusi, sekolah-sekolah ini memang pencapaiannya agak memuaskan. Walau bagaimanapun penempatan sekolah-sekolah rendah di kawasan FELDA. Saya memohonlah supaya kementerian akan mengambil perhatian kepada masalah peralatan dan juga kelengkapan-kelengkapan prasarana di sekolah-sekolah berkenaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di sekolah-sekolah rendah di kawasan-kawasan FELDA yang juga terlibat kawasan-kawasan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri sendiri yang mana sekolah-sekolah rendah di kawasan FELDA ini kadang-kadang terlalu ramai muridnya, tetapi prasarananya tidak begitu membanggakan. Apa yang saya sarankan kalau didapati masalah ketidakcukupan bilik-bilik darjah, ini adalah menjadi satu tugas yang harus ditekankan. Kita tidak mahu terdapat ada di antara sekolah-

sekolah yang menggunakan bilik darjah, yang terpaksa dikongsi dan sebagainya. Begitu juga dengan sekolah-sekolah yang lain, masalah ketidakcukupan bilik darjah ini sudah lama disuarakan, Tuan Pengerusi, umpamanya di Sekolah Kebangsaan Amar Penghulu, Sekolah Kebangsaan Petasik Berasrama yang mana kedua-dua sekolah ini dalam makluman Dato' Timbalan Menteri sendiri, dia tahulah. Jadi, perkara-perkara ini telah lama disuarakan dan saya berharap serta merayu kepada pihak kementerian ambil perhatian perkara-perkara yang sedemikian, kerana masalah prasarana ini adalah penting dan perlu untuk diperlengkapkan di kawasan-kawasan sekolah-sekolah luar bandar. Yang menjadi masalahnya ialah kadang-kadang bilik asramanya digunakan sebagai bilik darjah dan sebagainya. Begitu daif kalau kita lihatkan tidak sewajarnya sekolah berasrama menggunakan asrama sebagai bilik darjah dan sebagainya.

Mengenai pendidikan menengah begitu juga keadaannya, jadi kita berharaplah kementerian akan mempercepatkan pembinaan asrama, pembinaan kompleks rumah guru di kawasan-kawasan sekolah-sekolah menengah dan sebagainya. Saya difahamkan satu program bersepadu untuk mendirikan kompleks rumah guru akan dilaksanakan di Mukim Terang Hilir, di Parlimen Jelebu dan saya berharap perkara ini akan dapat dipercepatkan, kerana apa yang menjadi masalahnya Tuan Pengerusi, ialah selama kini guru-guru duduk menyewa di rumah-rumah kos rendah ataupun rumah rakyat. Tetapi oleh kerana arahan dan juga peraturan yang harus diikuti, maka guru-guru tidak lagi dapat menyewa di rumah-rumah kos rendah dan sebagainya.

Inilah yang menjadi malang kerana di kawasan-kawasan luar bandar terdapat bilangan rumah yang agak terhad. Kadang-kadang rumah-rumah kampung yang disewa itu tidaklah sebegitu sesuai dan begitu selamat untuk diduduki dan rumah-rumah kos rendah ini tidak boleh diduduki. Inilah yang menjadi masalah yang berlaku di kawasan Parlimen Jelebu dan juga di kawasan Parlimen Jempol iaitu di tempat Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri.

Saya terpaksa menyuarakan bagi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana perkara ini berlaku, sebab kami berjiran Tuan Pengerusi. Apa yang menjadi masalah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menjadi masalah kepada Parlimen Jelebu sendiri. Selain daripada itu saya ingin menyarankan supaya kursus-kursus motivasi, akan dapat digalakkan supaya sekolah-sekolah ini memperkemaskan lagi penjadualan untuk mengadakan kursus-kursus motivasi dengan kerjasama pihak PIBG dan sekolah. Apa yang berlaku perkara ini memang dilaksanakan. Tetapi maklum sahajalah kerana peruntukan tidak mencukupi dan tidak ada peruntukan yang khusus diberikan kepada sekolah-sekolah ini, terpaksa pihak PIBG dan juga pihak pengurusan sekolah berikhtiar untuk mendapatkan peruntukan-peruntukan daripada pihak-pihak yang berkenaan, daripada pihak orang perseorangan, bekas murid-murid tua, usahawan-usahawan tempatan bagi program ini dapat dilaksanakan bagi peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, Tingkatan Lima dan sebagainya. Saya berharaplah kalau boleh perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak kementerian supaya sekolah-sekolah ini diberi peruntukan yang bersesuaian untuk aktiviti yang sedemikian.

Tuan Pengerusi, mengenai terdapatnya sebilangan guru-guru yang bersikap menimbulkan permasalahan. Kita tidak mahu melihat perkara ini oleh kerana amalan yang dibuat oleh guru-guru berkenaan, mungkin mengamalkan tabligh dan sebagainya. Jadi, janganlah dijadikan ini sebagai perkara pokok untuk seseorang guru itu dapat bersifat bebas dan juga melakukan sikap yang agak autokrasi dan tidak boleh dirundingkan perangai dan tingkah-lakunya.

Saya mempunyai kes yang agak serius di kawasan Parlimen di Sekolah Kebangsaan Simpang Durian, di mana gurunya mengamalkan tabligh dan satu senario yang tidak begitu senang berlaku sekarang ini. Golongan ini boleh sewenang-wenangnya masuk ke sekolah dan mengadakan perbincangan dengan Guru Besar yang berkenaan, seorang sahaja yang terlibatnya, tetapi menimbulkan masalah dengan guru-guru yang lain dan mempertikaikan kebolehan guru-guru yang lain. Guru Besar yang sama juga memecat guru beliau sebagai Setiausaha PIBG. Saya hendak tahulah peruntukan mana yang digunakan oleh Guru Besar ini? Adakah kuasa Guru Besar untuk memecat seorang Setiausaha PIBG dan juga memecat guru yang sama daripada menjadi pengawas kepada pusat sumber sekolah berkenaan. Jadi, perkara ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa sudah cukup ya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Sedikit lagi Tuan Pengerusi, untuk saya habiskan. Jadi, perkara ini harus dilihat. Saya telah melaporkan perkara ini kepada Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Pilah/Jempol dan Jelebu supaya diambil perhatian, jangan sewenang-wenangnya mengambil sikap yang kurang

ajar dan sikap yang agak keterlaluan. Harus difikirkan bahawa perpaduan di dalam sekolah haruslah menjadi teladan dan juga contoh yang baik kepada ibu bapa atau pelajar-pelajar yang belajar di sekolah berkenaan. Saya tidak mahu di kampung saya berlaku perkara yang sedemikian, kerana ini kampung saya, Tuan Pengerusi. Saya tidak mahu perkara yang sedemikian berlaku kerana orang luar, kalau orang di situ senang saya hendak beritahu. Saya berharap dan mintalah kementerian mengambil perhatian atas perkara ini. Kalau hendak nama yang berkenaan saya boleh laporkan dan saya berharap perkara ini tidak akan berulang lagi.

Tuan Pengerusi, satu perkara ialah mengenai dengan penyelenggaraan bangunan perabot dan pejabat. Saya berharaplah di bawah Butiran 310000 ini kementerian akan dapat menyelaraskan segala permohonan dan melihat kepada permasalahan-permasalahan bangunan-bangunan sekolah dan juga perabot-perabot yang dibekalkan yang tidak berkualiti. Saya berharap perkara ini akan dapat diteruskan. Saya difahamkan banyak projek yang akan dilaksanakan baik di Parlimen Jelevu mahupun di Parlimen Jempol akan dapat dilaksanakan dalam keadaan yang kemas, licin dan sempurna supaya pelajar-pelajar yang bersekolah di sekolah berkenaan, guru-guru serta ibu bapa yang menghantarkan anak-anak akan dapat melihat pembangunan pendidikan di sekolah-sekolah berkenaan akan dapat dipertingkatkan. Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

7.37 mlm.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Tuan Pengerusi, pertama sekali bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan, saya suka merakamkan rasa terima kasih dan penghargaan pada semua rakan Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini pada peringkat Jawatankuasa.

Pada hemat saya dari pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang diberikan semuanya melambangkan betapa tingginya komitmen kita dalam usaha-usaha hendak meletakkan soal ilmu dan keilmuan di negara kita ke satu tahap yang lebih kukuh, yang lebih berkesan di masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi,.....

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat kita ada sejam tujuh minit.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Insya-Allah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh menghabiskan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Insya-Allah saya akan selesaikan.

Tuan Pengerusi, berbagai perkara telah disentuh dari soal prasekolah sampailah kepada soal pendidikan tinggi dalam dan di luar negeri. Saya akan memberikan jawapan secara am dan ada perkara-perkara yang agak spesifik saya akan cuba memberikan secara spesifik.

Secara amnya Tuan Pengerusi, memang seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Senai, dari Kota Melaka dan beberapa orang lagi, matlamat akhir kita salah satu daripadanya ialah untuk menjadikan negara kita ini sebagai pusat pendidikan yang cemerlang ataupun dengan izin, centre of excellent in education. Kita telah pun mengambil langkah-langkah tersebut, misalnya bagaimana caranya dapat kita menarik minat orang lain untuk datang

ke sini. Jawabannya walaupun rakan saya dari DAP kedua-duanya tidak yakin, this is where you are wrong my friend, must have a confident. Kita kena yakin, jangan pura-pura sahaja hendak sokong kerajaan, kalau hendak sokong - sokong betul-betul. Jadi, kita kena yakin bahawa apa yang kita buat ini menjurus kepada matlamat akhir kita, misal kata dengan ramai Ahli Yang Berhormat menimbulkan banyak persoalan, permasalahan kekurangan. Saya menerima pandangan-pandangan ini dengan baik dan saya bersetuju seperti yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Jelevu. Ini merangkumi semua kawasan kita, baik di peringkat sekolah, baik di peringkat tadika, baik di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, banyak kekurangan itu.

Tetapi saya hendak cuba tunjukkan apa langkah yang kita telah buat untuk misal kata menyelesaikan banyak daripada masalah yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Contohnya, apakah langkah yang telah kita buat untuk mengurangkan masalah di peringkat sekolah-sekolah yang banyak Ahli-ahli Yang Berhormat timbulkan yang kita katakan sekolah-sekolah yang betul-betul perlukan kepada bantuan, yang kita di Kementerian Pendidikan kata sekolah-sekolah daif, keperluan rumah guru, terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman, perlunya diperbaiki lagi asrama-asrama harian.

Jadi, pada peringkat ini, Tuan Pengerusi, saya suka maklumkan bahawa Kementerian Pendidikan telah pun mendapatkan suatu peruntukan khas untuk menyelesaikan seberapa banyak masalah mengikut kemampuan kewangan kerajaan. Baru-baru ini Jemaah Menteri telah pun setuju untuk meluluskan satu peruntukan sebanyak RM150 juta bagi membaiki bangunan sekolah, rumah guru yang daif, meliputi naik tarafkan gantian dan bina sekolah, bilik darjah, asrama, tandas, termasuk juga gantian perabot. Ada senarainya, saya tidak dapatlah hendak bariskan kesemua ini, tetapi maklumat ini boleh diberi kepada semua Ahli Yang Berhormat. Ada meliputi kawasan-kawasan Yang Berhormat termasuklah kawasan saya sedikit, sepatutnya saya dapat banyak tetapi saya dapat sedikit, tidak mengapalah saya tumpang gembira kawan-kawan lain Yang Berhormat semua dapat peruntukan-peruntukan ini. Niat kita satu sahaja, hendak memastikan anak kita yang pergi ke sekolah ini dapat belajar dengan keadaan dan suasana yang lebih selesa, bangunannya baik. Ini yang kita sudah dapatkan peruntukan dan insya-Allah, kita akan cuba selesaikan seberapa cepat yang mungkin.

Saya hendak tekankan di sini untuk rakan-rakan kita Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak, daripada RM150 juta ini sebahagian besarnya diperuntukkan kepada Sabah dan Sarawak. Di

Sarawak kita peruntukkan sebanyak RM37.74 juta dan di Sabah sebanyak RM31.02 juta. Selebihnya itu untuk Semenanjung. Kalau tidak cukup daripada itu kita juga sudah dapat kebenaran daripada Treasury, iaitu untuk kos ataupun perbelanjaan di bawah RM50,000 dan di Sabah dan Sarawak untuk kos RM100,000 kita telah mendapatkan kelulusan daripada Perbendaharaan untuk dipertingkatkan ataupun dinaikkan ceiling itu daripada, supaya memudahkan dibuat sebutarga, dahulu dibenarkan setakat RM50,000 sahaja ke bawah. Sekarang ini kita sudah naikkan.

Inilah langkah-langkah yang kita buat, Tuan Pengerusi, untuk cuba menyelesaikan masalah-masalah ini. Jadi, itu juga termasuklah rumah-rumah guru yang daif, termasuk dalam kelulusan yang telah kita dapatkan daripada pihak kerajaan. Itu sebagai contoh. Saya percaya dengan adanya peruntukan yang sebegini ianya akan dapat mengurangkan masalah-masalah yang ada di seluruh ataupun di merata tempat di negara kita ini.

Begitu juga tentang peringkat yang lain. Yang Berhormat dari Kubang Kerian menimbulkan soal perlunya kita melahirkan tenaga profesional, tenaga mahir yang lebih ramai untuk menampung keperluan masa depan, dan apa kesannya seperti yang ditimbulkan oleh beberapa orang Yang Berhormat apabila kita menaikkan taraf sekolah menengah vokasional kepada sekolah menengah teknik. Saya hendak cuba tunjuk apakah yang kita telah buat untuk menampung keperluan-keperluan masa depan kita itu dari segi sekolah-sekolah vokasional dan sekolah teknik yang kita cuba ubahsuai dengan cuba menaik tarafnya, tetapi mengambil kira juga vokasional-vokasional lain yang diperlukan untuk masa depan.

Tuan Pengerusi, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 90 projek sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Dari jumlah itu 57 projek adalah projek tanggungan dan bakinya 33 projek adalah projek baru. Peruntukan untuk pembangunan itu dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah RM442.7 juta. Sehingga 30 September 1997 kita telah belanjakan sebanyak RM87.1 juta ataupun 63.84%. Saya sebutkan ini sedikit untuk menunjukkan bahawa kita menaikkan sekolah menengah vokasional kita sekarang ini adalah lebih kurang 90 buah dan kita naikkan sebahagian besar daripada sekolah menengah vokasional ini kepada sekolah menengah teknik dengan tujuan untuk mempertingkatkan lagi kemahiran anak bangsa kita, tetapi dalam masa yang sama kita juga mengambil kira keperluan pelbagai bentuk vokasyenal lain yang diperlukan oleh pasaran di masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, begitu juga di peringkat politeknik, kita telah membuat keputusan untuk menokok-tambah politeknik-politeknik yang ada sekarang ini, empat buah politeknik baru akan kita buat di tempat-tempat yang telah pun kita kenal pasti dan urusan pelaksanaan itu dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Semuanya merupakan langkah yang kita ambil untuk meyakinkan orang luar di masa akan datang supaya datang ke negara kita ini untuk menimba ilmu pengetahuan. Itu di peringkat menengah.

Di peringkat universiti, di peringkat pengajian tinggi kita juga telah membuat keputusan-keputusan yang kita fikirkan munasabah dan dapat menampung keperluan masa depan negara kita, dan dalam masa yang sama menarik minat orang lain, orang luar untuk datang ke sini untuk menimba ilmu pengetahuan. Itu sebabnya apabila kita pinda ataupun kita olah semula dasar ataupun akta pendidikan kita yang baru dalam masa yang sama juga mewujudkan satu akta untuk menampung keperluan-keperluan institusi pendidikan tinggi swasta, itu Akta IPTS yang kedua-duanya itu bertujuan untuk menampung keperluan masa depan pendidikan tinggi di negara kita ini. Itu sebabnya melalui undang-undang itu kita telah mula meluluskan universiti-universiti swasta dan kita menggalakkan kolej-kolej swasta supaya mengubahsuai ataupun mengambil tindakan untuk memperkemaskan keadaan dan suasana kolej masing-masing supaya dapat memberikan keyakinan kepada semua pihak untuk belajar di institusi-institusi tersebut.

Tuan Pengerusi, kita harap dengan langkah-langkah ini apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Senai dan rakan-rakan yang lain untuk menyediakan tempat-tempat yang lebih banyak di masa-masa yang akan datang bagi menampung keperluan anak kita untuk menikmati pendidikan tinggi di negara ini dapat diuruskan secara beransur-ansur. Malahan di universiti-universiti yang ada sekarang pun langkah-langkah telah pun mula diambil di pelbagai peringkat untuk membolehkan semua universiti ataupun institusi pengajian tinggi di negara kita ini dapat menampung tidak kurang daripada 20,000 orang pelajar di masa-masa yang akan datang. Insya-Allah, dengan kelulusan beberapa buah universiti swasta yang telah pun kita berikan kelulusan dan ada lagi universiti-universiti yang sedang dipertimbangkan, yang telah dipohon oleh pihak swasta yang dalam proses penelitian Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri yang kesemuanya itu bertujuan untuk pada akhirnya hendak mengurangkan pelajar-pelajar kita daripada keluar negeri dan belajar di negara kita sendiri. Bila itu berlaku secara beransur-ansur, maka dapatlah kita selesaikan masalah hendak menampung pelajar-pelajar kita lebih ramai lagi, menyelamatkan pertukaran wang luar negara kita melalui langkah-langkah

yang saya katakan tadi, tetapi pokoknya, Tuan Pengerusi, urusan ini kita buat secara beransur-ansur. Kita dalam kerajaan tidak ada lampu Aladin, the magic lamp untuk membuat perkara ini dengan serta-merta. We are all human being, kita bukan Malaikat, tetapi kita manusia biasa, kita ada kelemahan tetapi kita cuba setakat yang kita boleh untuk menampung bukan sahaja keperluan sekarang tetapi yang lebih penting daripada itu ialah keperluan kita di masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang banyak juga menarik minat Ahli Yang Berhormat ialah soal perkhidmatan perguruan, sikap murid-murid, sikap pelajar-pelajar, sikap mahasiswa-mahasiswi, sikap pensyarah-pensyarah di universiti-universiti. Jadi, ringkasnya ianya melibatkan soal disiplin di institusi pengajian ataupun pendidikan di negara kita ini di pelbagai peringkat. Di sekolah rendah, sekolah menengah langkah-langkah telah pun kita ambil untuk cuba memperbaiki keadaan ini bagaimana dapat kita melentur, mendidik, mengasuh anak-anak kita supaya mengamalkan nilai-nilai yang baik, supaya mereka itu misalnya menghormati guru dan memberikan tumpuan yang sepenuhnya kepada pendidikan ataupun pengajian masing-masing. Ini dibuat dengan cara kita telah membuat keputusan untuk menempatkan guru-guru kaunseling di semua sekolah menengah, dan guru-guru ini bersama-sama dengan guru disiplin akan cuba memainkan peranan untuk mendidik anak-anak ini tentang erti dan makna hidup, belajar secara berdisiplin.

Saya boleh menerima pandangan Yang Berhormat dari Kubang Kerian, gambaran yang agak tidak begitu menyedapkan mata kita memandang tentang sikap dan perangai setengah-setengah anak-anak kita terutama sekali yang ada di peringkat sekolah menengah yang menimbulkan perkara-perkara yang kadangkala boleh merisaukan hati kita semua. Jadi, kita harap dengan langkah-langkah yang kita ambil sekarang ini melalui guru disiplin, melalui kaunseling, melalui pelbagai kegiatan kokurikulum yang kita buat, melalui kem sains yang kita buat waktu cuti sekolah, waktu dalam sekolah, maka urusan hendak melihat anak-anak kita yang belajar di peringkat rendah, di peringkat menengah dapat membentuk satu sikap yang meyakinkan kita dan dengan cara itu mereka dapat mencapai ilmu pengetahuan dengan lebih tinggi lagi di masa-masa yang akan datang.

Begitu juga di peringkat institusi pengajian tinggi, rakan saya Yang Berhormat dari Parit Sulong menimbulkan mengapa dan kenapa ada pelajar-pelajar kita yang pergi berkempen menolong Parti PAS, calon Parti PAS di Changkat Jering. Saya pun boleh tambah lagi mengapa seorang pensyarah boleh berhenti untuk menjadi calon PAS, tetapi kalahlah. Jadi, saya cuma dapat mengatakan bahawa memang ikut aturan dan peraturan yang ada dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti

sekarang ini memang ada terkanun di situ bahawa pelajar-pelajar kita, mahasiswa-mahasiswi kita dilarang untuk mengambil bahagian dalam politik yang sebegitu rupa, politik yang boleh mempertikaikan kewibawaan mereka.

Jadi, setakat ini selagi undang-undang itu ada, maka pelajar-pelajar kita tidak dibenarkan untuk berbuat demikian. Insya-Allah, kita sedang siasat perkara ini dan kalau ada unsur-unsur ataupun elemen-elemen, dengan izin, untuk membolehkan kita mengambil tindakan, kita akan ambil tindakan. Tetapi ditimbulkan pula oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka di mana letaknya pendemokrasian pendidikan kalau sekiranya dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) itu ada fasal yang menyekat atau melarang pelajar-pelajar kita daripada mengambil bahagian yang aktif dalam politik.

Jadi, kita kena ingat kita orang Timur, kita sudah lihat bagaimana kesannya apabila pelajar-pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi kalau mereka terikut-ikut dengan sesuatu keadaan yang tidak sihat, akhirnya yang menjadi mangsa ialah pelajar-pelajar itu sendiri. Misalnya apabila mereka membuat tunjuk perasaan dekat masjid di Universiti Malaya, mereka sama ada terheret ataupun diheret untuk berbuat demikian oleh pemimpin-pemimpin yang pakai ketayap. Tetapi yang jadi mangsa akhirnya ialah anak-anak kita itu.

Tuan Pengerusi, saya tidak suka hendak campur aduk soal ilmu, keilmuan, pendidikan ini dengan politik begitu. Kalau sudah dicampuradukkan begitu, sekarang ini bila sudah jadi kes polis adakah Yang Berhormat dari Kubang Kerian boleh berbuat sesuatu untuk menyelamatkan anak-anak ini? Sebab saya kata begitu apabila undang-undang sudah berjalan prosesnya, maka urusan dan pentadbiran undang-undang itu akan berjalan terus sampai ke mana sekali pun.

Kita kena faham apa yang kita maksudkan dengan pendemokrasian pendidikan. Saya boleh jawab dengan mudah, ertinya dalam konteks Barisan Nasional, takkan saya hendak kata dalam konteks DAPkah atau PASKah. Saya kena baca dalam konteks Barisan Nasional, pendemokrasian pendidikan bermakna kita memberi ruang, peluang yang cukup luas kepada anak-anak kita untuk menimba ilmu pengetahuan. Malah pendidikan di Malaysia ini merupakan pendidikan sepanjang hayat daripada yang semuda-muda sampailah yang setua-tua hendak belajar boleh belajar. Itu makna pendemokrasian pendidikan pada kita dalam Barisan Nasional.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apa pula ini?

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam penghayatan atau menghayati hayat pendemokrasian demokrasi ala Barisan Nasional, adakah pihak kerajaan menimbang untuk membenarkan pelajar-pelajar menjadi seorang insan yang kreatif, yang mempunyai kebebasan berfikir. Saya rasa satu daripada ciri yang paling penting dalam proses membina fikiran yang waras ialah untuk mengambil perhatian berat tentang apa yang berlaku dalam masyarakat dan juga politik negara. Sekarang di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti sesiapa yang memberikan pandangan boleh diambil tindakan. Bolehkah akta ini dimansuhkan, kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada satu ketika pun pernah berdemonstrasi dan juga pernah membantah akta ini, tetapi sekarang pula lain rentak dan lain gayanya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Itu cerita sudah basi. Jadi, Yang Berhormat saya terima kita mahu pelajar-pelajar kita mempunyai sikap kreatif, itu memang kita galak. Macam-macam pertandingan kita buat di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, dan saya akan sampai ke peringkat itu nanti sekejap lagi macam mana kita hendak ubah pelajar-pelajar kita supaya lebih kreatif dalam meneroka dan menimba ilmu pengetahuan ini. Tetapi kreativiti yang kita maksudkan ini mestilah mengikut selera kita, fasal apa yang kita sudah buat ini sudah 40 tahun lamanya terbukti baik sehinggakan Yang Berhormat boleh duduk di sini. Itu makna kata dasar pendidikan kita itu baik untuk semua orang, termasuk untuk Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: *[Menggeleng kepala]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apa yang menggeleng-geleng pula. *[Ketawa]*
Betullah itu.

Tuan Pengerusi, oleh kerana itu, saya mengatakan bahawa kita harap melalui langkah-langkah ini akhirnya nanti seperti saya kata tadi perkara-perkara yang dibangkitkan itu dapat kita atasi dari masa ke semasa.

Begitu juga tentang soal sikap guru-guru kita, imej perkhidmatan perguruan ini. Saya masih berpendapat bahawa perkhidmatan perguruan itu adalah merupakan satu perkhidmatan yang amat mulia. Kita semua berada di sini kerana guru dan kita tidak boleh lupa kepada cikgu kita. Namun demikian, ini biasalah kerana masa berubah manusia pun berubah. Tetapi dari segi Kementerian Pendidikan kita telah pun mengambil langkah-langkah yang kita fikirkan wajar supaya perkhidmatan perguruan itu dapat terus memainkan peranan untuk mendidik anak bangsa kita dan sudah pun ada keputusan-keputusan, pengumuman-pengumuman yang kita buat untuk menaikkan taraf. Misal kata

perkhidmatan guru-guru kita yang keluar daripada maktab, kalau selama ini diperingkatkan kepada peringkat sijil sahaja, sudah pun kita naikkan kepada tahap diploma dan akan dikuatkuasakan insya-Allah, tidak berapa lama lagi apabila sampai masanya sudah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan yang lain memang betul, peruntukan yang RM50 juta misalnya untuk membolehkan guru-guru meminjam untuk membeli motokar tidak cukup. Tetapi kita ada baki sedikit duit dahulu dalam RM20 juta lebih sedikit dan kita akan gunakan RM70 juta ini untuk membantu setakat yang kita boleh bantu, kerana itulah kemampuan kerajaan kita setakat ini.

Saya bersetuju dengan pandangan rakan saya Yang Berhormat dari Pokok Sena, kalau hendak diubahsuai sedikit cara kita merayakan Hari Guru ini, saya akan ketengahkan benda ini dan mungkin kita boleh terapkan pandangan-pandangan Yang Berhormat. Begitu sikap kita, kita dengan izin, flexible, kita boleh menerima pandangan-pandangan yang munasabah kalau sekiranya pandangan itu sesuai dan boleh kita laksanakan apa salahnya untuk kebaikan dan meninggikan imej ataupun martabat guru-guru kita di masa-masa yang akan datang.

Jadi, Tuan Pengerusi, kita harap masyarakat terutama sekali kita yang ada dalam Dewan yang mulia ini sentiasa memberikan pandangan-pandangan yang positif terhadap kedudukan perkhidmatan perguruan ini, kerana inilah yang boleh menentukan, tenaga inilah yang 200,000 orang lebih inilah memainkan peranan yang cukup besar untuk melentur anak-anak kita selain daripada peranan yang mesti kita mainkan juga. Jangan kita harap kepada cikgu dekat sekolah sahaja, kerana masa anak-anak kita ini lebih banyak di luar sekolah daripada dalam sekolah. Jadi, tanggungjawab itu adalah tanggungjawab semua pihak.

Tuan Pengerusi, kemudian ada juga setengah-setengah sikap pensyarah-pensyarah kita kadangkala, tetapi saya fikir pada penelitian yang saya buat di sini cuma terhad kepada sebilangan kecil sahaja yang agak ekstrim sedikit, yang agak fanatik sedikitlah macam Yang Berhormat dari Kubang Kerian, ekstrim sedikit lebih kurang begitulah sikap dia, tetapi tidak ramai. Dalam Dewan ini pun dia seorang sahaja yang agak ekstrim sedikit, itu sahaja. *[Ketawa]*

Jadi, kita mengikuti perkembangan ini, cuma yang saya hendak komen ini ialah tentang satu kenyataan yang telah disiarkan dalam akhbar baru-baru ini tentang apa yang dikatakan sebagai sekatan kepada tenaga-tenaga akademik kita untuk membuat kenyataan-kenyataan terutama sekali berkenaan dengan keadaan jerebu baru-baru ini seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kubang

Kerian dan juga Yang Berhormat dari Kota Melaka. Baru-baru ini begitu juga oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau ada menimbulkan tadi. Saya hendak kata terus-terang kita telah pun minta Ketua Setiausaha Kementerian menjelaskan perkara ini, KSU telah pun keluarkan satu pekeliling yang baru dan membetulkan kenyataan yang mengelirukan itu. Dia bukan kata tidak boleh, bukan itu maksudnya, tetapi ada kekeliruan sedikit dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan telah pun mengeluarkan pekeliling ini dan kita tidak ada hasrat hendak menyekat siapa-siapa daripada membuat kenyataan, dan kita harap perkara ini tidak menimbulkan apa-apa masalah lagi.

Tenaga-tenaga akademik kita, profesional kita, penyelidik kita, terutama sekali mereka boleh mengeluarkan pandangan-pandangan tetapi mestilah berdasarkan kepada fakta-fakta yang betul dan tepat supaya tidak boleh dipertikaikan oleh satu-satu pihak. Tetapi moralnya ialah kita memberikan kebebasan kepada tenaga-tenaga akademik kita, terutama sekali yang terlibat di bidang penyelidikan di peringkat universiti-universiti.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Mersing bangun, Yang Berhormat.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak mendapat sedikit pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan ada kalangan pensyarah universiti yang mengatakan mereka lebih dikenali dan dikehendaki di luar negeri berbanding dengan negara sendiri. Maknanya orang luar lebih dapat menilai hasil-hasil penyelidikan mereka berbanding dengan negara ini. Jadi, saya hendak mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ini pandangan masing-masing. Kita sebagai manusia tidak ada dua manusia sama sahaja berfikir, tidak ada, mesti berbeza, macam saya dengan Yang Berhormat dari Kubang Kerian, lagi jauh beza cara dia berfikir. *[Ketawa]* Itu biasalah, Yang Berhormat, pandangan masing-masinglah.

Tuan Pengerusi, saya hendak menjelaskan satu perkara penting juga saya kira, daripada rakan saya Yang Berhormat dari Parit Sulong. Ini soal pelaksanaan sekolah satu sesi. Sepertimana yang semua kita maklum sekarang ini kita sedang mencuba sekolah satu sesi ini dan kita berhasrat untuk melaksanakannya tidak berapa lama lagi. Soalnya yang paling penting ialah Yang Berhormat yang minta penjelasan apa akan jadi ataupun apakah nasib sekolah-sekolah agama negeri, terutama sekali negeri Johor apabila soal persekolah satu sesi ini dilaksanakan nanti.

Saya hendak jelaskan kerana perkara ini cukup spesifik dan saya faham persoalan ini. Saya hendak jelaskan ini, iaitu sekolah satu sesi hanya dilaksanakan kepada sekolah menengah sahaja. Sekolah Agama di Johor adalah sekolah rendah dan tidak terlibat dalam pelaksanaan satu sesi ini. Yang kedua, dalam sekolah menengah satu sesi, pelajar-pelajar boleh memilih sekolah-sekolah aliran Agama sama ada di SMKA atau sekolah menengah biasa yang menawarkan kelas aliran Agama. Bilangannya adalah mencukupi dan sukatan pendidikan Islam adalah lengkap yang terkandung dalam mata pelajaran seperti Pendidikan Syariah dan Islamiah, Pendidikan Al-Quran dan Sunnah dan Tasawur Islam. Jadi, kita selain daripada merencanakan soal ini dan kita faham akan sensitiviti sekolah-sekolah Agama yang ada di negara kita ini, itu sebabnya kita rundingkan sebelum kita muktamadkan sesuatu perkara. Yang paling penting ialah anak kita yang belajar di sekolah itu dapat ilmu yang dikehendaki seperti kita juga harap-harapkan. Jadi, saya harap perkara ini tidak menimbulkan masalah lagi Yang Berhormat....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ada lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih dengan penjelasan keadaannya saya Timbalan Menteri. Cuma satu persoalannya ialah kelazimannya sekolah Agama di Johor itu sebelah petang hanya pelajar sekolah kebangsaan Darjah Tiga, mereka baru masuk sekolah Agama darjah satu. Jadi, bermakna dia akan hanya menamatkan Darjah Enam sekolah Agama apabila telah berada di Tingkatan Tiga. Jadi, ada satu overlapping period, satu tempoh pertindihan di sini. Itu yang amat membimbangkan ibu bapa di Johor. Jadi, adakah ini bermakna telah juga ada perundingan bahawa kanak-kanak Darjah Satu sekolah kebangsaan juga akan diminta untuk enroll diri masing-masing ke dalam Darjah Satu sekolah Agama pada sebelah petang?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, kita ada hubungan rapat dengan Kerajaan Negeri Johor, kalau sekiranya ada perkara-perkara yang perlu diselesaikan dalam melaksanakan sekolah satu sesi ini nanti, maka itu akan kita buat secara pentadbiran di antara pihak kementerian dengan Kerajaan Negeri Johor. Saya maklum Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah pun berunding dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar negeri Johor dalam soal hendak melaksanakan sekolah satu sesi dengan mengambil kira sensitiviti keadaan dan suasana di negeri Johor yang disebabkan oleh orang-orang ataupun pemimpin-pemimpin seperti Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Jadi, begitu ceritanya.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong ialah soal sekolah Bestari. Yang ini saya suka hendak jelaskan secara terperinci sedikit, kerana perkara ini pada penelitian pandangan kita amat penting. Kita telah pun ambil setiap langkah yang kita fikirkan perlu sebelum kita hendak melaksanakan satu-satu perkara di bawah Kementerian Pendidikan, kerana lambang cogan kata di bawah Kementerian Pendidikan ialah 'Kualiti' ataupun mutu, nilai. Jadi, sepanjang berkaitan dengan sekolah Bestari, saya mengatakan bahawa Kementerian Pendidikan

ataupun kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah yang perlu sebelum kita laksanakan. Kita telah pun kenal pasti sebagaimana kita sudah maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, sudah muktamad, kita telah pilih 90 buah sekolah yang akan menjadi sekolah Bestari pada 1 Januari 1998 dengan anggaran sebanyak RM119 juta, dan senarai sekolah Bestari itu adalah seperti berikut:

- (i) 9 buah sekolah baru, tiga di Putrajaya dan 6 di Kuala Lumpur;
- (ii) 38 buah sekolah berasrama penuh;
- (iii) 38 buah sekolah menengah harian;
- (iv) 5 buah sekolah menengah kebangsaan agama.

Dan di sekolah-sekolah Bestari ini, di sini letaknya penelitian yang kita buat. Kita telah tentukan peralatan dan teknologi yang dicadangkan untuk dibekalkan di sekolah bestari, antaranya ialah banyak ini, saya hendak sebut perkara yang patut saya sebut, sedikit sahajalah, kalau hendak detail saya boleh beri. Antaranya termasuklah kita akan adakan di sekolah bestari itu nanti, misalnya dengan izin:

- (i) centralised VCR with broadcasting equipment.
- (ii) OHP dan screen TV, VCR, kaset radio, magnetic white board dan lain-lain.
- (iii) Computer in administrative office with management system and Internet access, computer in class with Internet access, computer in library/media centre with Internet access.

Jadi, perkara-perkara ini pun telah kita gariskan detailnya dan telah pun kita perincikan, misalnya computer lab with Internet access, semuanya telah pun ditentukan dan kita akan naikkan taraf 90 buah sekolah ini dengan

perbelanjaan RM119 juta yang telah pun disediakan oleh kerajaan dan kita harap ini juga akan menjadi satu elemen untuk meyakinkan orang bahawa tentang langkah-langkah yang kita buat untuk jangka panjang dan jangka pendek untuk menjadikan Malaysia ini sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di masa yang akan datang.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Pula!

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tak payah, kalau tak habis hari ini, kita sambung esok. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, sebab ini adalah satu perkara yang mustahak. Saya hendak bangkitkan, bila Yang Berhormat sebutkan 90 buah sekolah bestari dengan alatan yang canggih, yang cukup macam mana tentang sekolah-sekolah macam di kawasan Pokok Sena yang tidak bestari ini? Tidak lama lagi bila semua orang berebut ke sekolah bestari, jadi, satu ketika dahulu semua bila kita buat asrama penuh, semua orang berebut hendak pergi ke sekolah berasrama penuh, yang tak dapat itu berasa frustrated, ini akan timbul masalah sekolah bestari ini. 90 buah sekolah bestari daripada berapa ribu sekolah dalam Malaysia. 90 buah sekolah bestari yang cukup canggih, sekolah di Pokok Sena tak daklah. Habis sangat had satu komputer, Kuala Nerang lagi teruk, Kuala Nerang kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, jauh lagi daripada saya. Kalau sekolah ini setakat ada satu komputer yang wakil rakyat beri untuk guru

besar atau pengetua, jadi, mana ada democratisation in education? Dengan izin. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, suka saya jelaskan yang 90 buah ini sebagai permulaan dan dalam 90 buah itu pun kita telah kenalpasti termasuk sekolah-sekolah di kawasan luar bandar - senarainya ini ada. Kalau semua Ahli Yang Berhormat hendak, saya boleh beri. Kita tidak ada hendak sembunyi supaya kita tahu di mana letaknya 90 buah sekolah ini. Tetapi saya hendak menekankan di sini dalam proses kita hendak mempertingkatkan kemudahan dan kecanggihan sekolah-sekolah kita ini, saya Tuan Pengerusi, pun datang dari luar bandar, takkanlah saya hendak lupa kepada luar bandar ini.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya. Tanjung Karang dahulu ya.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan mengenai sekolah bestari ini. Yang pertama, apa rasionalnya 38 buah sekolah asrama penuh ini dipilih menjadi sekolah bestari sedangkan sekolah berasrama penuh ini kita telah tahu, banyak sekolah ini telah pun ada kelengkapan.

Yang kedua, tadi saya dengar juga ada 38 buah sekolah harian, ini mungkin sekolah biasa, mungkin termasuk di Pokok Sena satu. Jadi, apabila sekolah ini sudah dinaiktaraf sekolah bestari, adakah syarat-syarat kemasukan

ke sekolah bestari ini juga nanti sama taraf dengan kemasukan ke sekolah berasrama penuh?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, rasionalnya kita buat pilihan kepada 90 buah sekolah ini, asas yang paling penting ialah pada peringkat permulaan ini, dengan izin, we don't want to fail. Kita tak mampu untuk hendak berdepan dengan masalah. Jadi, saya faham maksud Ahli Yang Berhormat menimbulkan soal 38 buah sekolah berasrama penuh ini dan kita pun telah bincang, 'why the need', mengapa perlu benda-benda ini pun kita telah bincang di peringkat kementerian, tetapi sebagai permulaan ini, untuk hendak menimbulkan keyakinan ini biar kita mula dengan sekolah-sekolah yang begini dahulu, walaupun memang betul seperti kata Ahli Yang Berhormat, apa perlunya yang 38 buah ini sudah boleh dikatakan sekolah yang sampai peringkat premier, tetapi alasan kita, kita fikirkan kita tak perlu hendak gagal dalam peringkat permulaan ini.

Dan walaupun begitu kita faham, kita akan cuba dari masa ke semasa mengikut kemampuan kerajaan di masa yang akan datang kita tambah sebagaimana yang telah kita rencanakan. Jadi, Tuan Pengerusi, ...

Cik Sukinam Domo: *[Bangun]*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: *[Bangun]*

Tuan Zainal Abidin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Oh, ramai sangat ini!

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, pukul berapa hendak selesai?

Tuan Pengerusi: Ya, empat orang, hendak beri yang mana satu? Pilihlah yang mana yang berkenan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kita beri wanita dahulu, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ha, tu dia!

Cik Sukinam Domo: Tuan Pengerusi, terima kasih. Cuma simple question sahaja. Ramai orang bertanya, apakah dia smart school atau sekolah bestari. Sebab right up berkenaan sekolah itu mungkin ada, mungkin tidak, saya kurang pasti. Kalaulah kementerian sudah ada right up tentang konsep dan sebagainya, boleh atau tidak kita diberikan satu salinan supaya tidak timbul lagi kekeliruan dalam masalah sekolah bestari. Sekian.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, boleh, jawabnya mudah, boleh. Kita ada bahan-bahan ini dan insya-Allah kita boleh edarkan kepada Yang Berhormat supaya dapat mengenalinya atau mengikutinya secara mendalam lagi.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: *[Bangun]*

Tuan Zainal Abidin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang mana satu?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kita beri profesor ini.

Tuan Pengerusi: Balik Pulau ya.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Pengerusi, terima kasih. Mungkin kita dapat diperjelaskan apabila diedarkan konsep sekolah bestari, tetapi daripada sedikit sebanyak yang telah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap tentang kelengkapan untuk membekalkan kepada 90 buah sekolah yang dipilih ini, seolah-olah ia menunjukkan bahawa kebestarian sekolah itu ialah dari segi kemudahan yang ada dari segi komputer dan sebagainya.

Jadi, ada dua soalan, pertamanya, adakah kebestariannya itu dari segi access kepada kemudahan yang sebegitu sahaja dan yang kedua ialah kalaulah mereka ini bestari sampai macam itu dan kemudahannya cukup canggih begitu, jadi, tidakkah mereka ini sepatutnya dinilai dari segi ukuran pencapaian pendidikan mereka itu secara yang berlainan sedikit daripada sekolah yang tidak bestari ini. Maksudnya kita beri berapa peruntukan tadi untuk mereka, sampai macam itu, jadi, sepatutnya ukurannya itu pun lain sedikit, maksudnya kalau mereka ambil SPM macam orang lain ambil SPM dan mereka ambil STPM macam orang lain ambil STPM, jadi, tak setimpal dari segi pulangan yang kita dapat dari segi sekolah bestari dengan sekolah yang tidak bestari. Jadi, saya ingin penjelasan dari segi itu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, memang benarlah apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, namun demikian apa yang kita datangkan sekarang ini dalam senario pendidikan kita ini ialah untuk pokoknya menampung keperluan masa depan kita. Soal detail bagaimanakah cara kita hendak memberi satu-satu penilaian di dalam pencapaian murid-murid ataupun pelajar-pelajar ini, ini boleh kita

teliti juga, tetapi patut saya sebut juga pada peringkat ini, selain daripada kita hendak memberikan suatu ketentuan tentang cara mana dapat kita berikan penilaian kepada pencapaian anak-anak ini ataupun pelajar-pelajar ini kerana pada ketika itu nanti sudah ada perbezaan di antara murid 90 buah sekolah ini dengan lebih kurang 6,000 ataupun 7,000 sekolah lagi, itu perkara-perkara detail yang saya fikir boleh kita teliti di masa-masa yang akan datang, cuma saya hendak katakan di sini pada peringkat ini, penekanan yang kita berikan juga ialah supaya anak-anak kita yang selama ini banyak menerima sahaja tetapi melalui pendekatan sekolah bestari ini, kita harap anak-anak kita akan lebih kreatif lagi, dia boleh berfikir secara lebih kreatif untuk meneroka dan mencari ilmu dan pengetahuan dengan dibimbing oleh guru-guru.

Tuan Pengerusi, dalam erti kata lain murid-murid, pelajar-pelajar akan lebih aktif untuk mencari ilmu pengetahuan dengan dibimbing oleh guru-guru.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab lagi soalan Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena tadi. Sekarang kerajaan telah memilih 90 buah sekolah bestari, atas perangkaan bagaimanakah sekolah-sekolah lain di seluruh negara juga akan menjadi sekolah bestari. Dalam tempoh 20 tahun lagikah, hendak pilih 90 buah sekolah lagikah, tahun depan hendak pilih 90 buah sekolah lagikah atau lima tahun lagi hendak pilih 90 buah sekolah atau macam mana? Fasal kita hendak perkara ini covered seluruh negara

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti, saya belum habis. *[Ketawa]*

Yang keduanya, sekolah bestari tadi sekarang di peringkat sekolah menengah, di peringkat sekolah rendah bagaimana pula? Sekarang kita ajar budak 'alif, bak, tak' daripada darjah satu, dia masuk sekolah menengah, sekarang kita hendak ajar pula elements of computer di peringkat sekolah menengah tanpa basic elements langsung di sekolah rendah. Jadi, bagaimanakah kita pula hendak mengatasi masalah kita hendak mengetengahkan student atau pelajar kepada sekolah bijaksana ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak kepada dia?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, bolehlah, sekali jawab nanti.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, beri dia rehat sekejap. Beri kami semua bercakap kisah bestari ini. Itu memang, saya pun hendak bangkit macam Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong kata tadi, kalau 90 buah setahun yang ke 7,000 itu berapa puluh tahun lagi? Jadi, Yang Berhormat memikirkan tentang apa yang murid-murid dapat di sekolah bestari. Saya memikirkan apa yang murid-murid dapat di sekolah tak bestari itu. Dari 90 buah sekolah dia ada lebih kurang 6,910 lagi sekolah yang tak bestari. Bagaimana tentang frustration guru yang tak dapat mengajar di sekolah bestari. Bagaimana tentang murid yang tak dapat masuk sekolah

bestari. Bagaimana tentang ibu bapa yang anaknya tidak dapat masuk ke sekolah bestari.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Okay, cukuplah.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ini yang saya hendak tahu ini. Minta maaf. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, sebenarnya kita telah pun merencanakan. Time frame kita sebenarnya telah ada. Dan cuma oleh kerana perkara ini perkara baru, saya kena sebutlah Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mempunyai suatu pandangan tentang proses pelaksanaan ini tetapi time frame kita itu ada, seperti yang sudah pun diumumkan oleh Menteri, saya pun telah umumkan, tetapi ada pengubahsuaian sedikit, pokoknya that is the ultimate objectives of the Government tetapi kita buat secara beransur-ansur. Ada angka-angka yang telah kita tentukan dan within the period of time bila mana sekolah bestari ini akan dilaksanakan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, kami semua faham the ultimate objectives. Kami faham iaitu mewujudkan rakyat yang boleh menangani masalah teknologi maklumat dan hidup dalam era teknologi maklumat. Kami hendak bertanya, time frame bilakah seluruh negara ini akan jadi sekolah bestari, itu kita hendak tanya. Takkan hendak tunggu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga hendak beritahu tahun sekian, sekian sekolah, Kementerian Pendidikan patut ada satu jadual.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri very impatient, kami juga very impatient hendak tahu. Kalau belum cakap belumlah, itu sahaja, terima kasih, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri fahamlah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, oleh kerana didesak itu saya kena cakaplah. Yang sebenarnya time frame kita by the year 2010, kita di Kementerian Pendidikan ini hendak supaya semua sekolah ini jadi sekolah bestari. Tetapi, dengan izin, there is another school of thoughts supaya kita hati-hati sedikit dan kita di Kementerian Pendidikan menerima kalau perlu diubahsuai, kita bersedia ubahsuai. Tetapi dari segi setting kita di Kementerian Pendidikan telah ada, itu saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat jelas dan kita, saya beri jaminan di Dewan yang mulia ini dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri pun sudah cukup serius tentang pelaksanaan sekolah bestari ini, pokoknya kita cuma hendak ensure, hendak memastikan 90 buah yang kita mula ini biar betul-betul berjalan secara baik, berkesan betul, itu yang kita cuba hendak buat ini dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat jangan jadi tanda tanya kita telah buat kerja ini, kita telah duduk lama di kementerian dengan pegawai-pegawai dan kita telah ada time frame itu, cuma ada sedikit pandangan bukan kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan kita - tidak. Ada pandangan setakat itu yang dapat saya cakapkan Tuan Pengerusi, di Dewan yang mulia ini, lebih daripada itu saya tak boleh bercakap. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, jadi, saya rasa biar setakat itu dahulu tentang sekolah bestari ini. Tetapi yakinlah kita bahawa hasrat kita pada masa sekarang ini

ialah untuk mengambil tindakan supaya soal ini dapat diuruskan dengan sebaik mungkin bagi keperluan dan kepentingan anak-anak kita dan masa depan negara kita keseluruhannya.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: 15 minit sahaja lagi
Yang Berhormat.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Last, last! Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya bertemu dengan seorang guru besar sekolah rendah dan saya diberitahu bahawa penukaran sekolah-sekolah biasa ini kepada sekolah bestari akan melibatkan bangunan yang ada ini akan diruntuh, kemudian dan antara facility tambahan dia kata kementerian akan adakan kolam renang. Saya tak pastilah, jadi, saya hendak dapat kepastian dari Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya rasa yang bercakap ini guru besar. Jadi, kalau keadaan macam ini, saya rasa ada salah faham di antara kementerian dengan pihak sekolah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, saya ingat itu cerita-cerita sahajalah. Mungkin waktu itu perkara ini timbul mungkin ada yang dengar, tetapi itu tidak betullah, kita tak ada rancangan hendak runtuhkan sekolah buat sekolah baru - tak ada. Kita cuma hendak menaikkan taraf, memperbaiki sekolah-sekolah yang ada, cuma kalau ada sekolah-sekolah baru yang kita buat, itu satu soalan lain untuk menampung masa depan.

Tuan Pengerusi, saya tak tahu sama ada boleh habis atau tidak ini. Boleh sambung sampai besok Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, sila, sila. Try tengok beri habis.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ya, I will try. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Baram ada sebut sedikit tentang keciciran. Kita sedar tentang masalah ini dan juga langkah-langkah yang kita ambil itu seperti biasa kita telah selalu umumkan dan saya tidak bercadang hendak ulang balik dan soal yuran ini yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya suka jelaskan bahawa yuran yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan adalah sangat rendah dan bukan wajib, murid yang tidak membayar yuran pun masih boleh meneruskan pelajaran mereka di sekolah. Selain dari itu Kementerian Pendidikan menyediakan biasiswa kepada murid yang kurang berkemampuan.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga menimbulkan soal Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini, suka saya jelaskan bahawa perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional telah pun memulakan operasinya pada awal bulan ini iaitu 1 November 1997. Bagi institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) sebagai permulaan, pelajar-pelajar sepenuh masa bumiputera di tiga IPTS iaitu Universiti Telekom, Universiti Tenaga dan Universiti Teknologi Petronas adalah layak untuk memohon pinjaman pendidikan itu. Bagi IPT Awam, pelajar-pelajar yang mengikuti kursus sepenuh masa peringkat ijazah pertama adalah layak untuk memohon.

Setakat ini kita mempunyai tidak kurang dari 400 lebih kolej-kolej swasta dan peratus bumiputera masih terlalu kurang dalam sekitar 5% sahaja

dan kita memang berhasrat untuk melalui gesaan kepada kolej-kolej swasta ini, kalau boleh kita kata tolong ikhtiar tambah bilangan bumiputera dan kita tidak paksa mereka kerana kolej itu adalah hak milik mereka, yang kita buat adalah through persuasion bukan through paksaan semacam Kubang Kerian hendak buatlah, saya ingat tak bolehlah, dalam Malaysia ini tak boleh paksa-paksa tau, ya, terutama sekali dari segi pendidikan ini. *[Ketawa]*

Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah menimbulkan soal pembinaan sekolah di dalam satu-satu projek perumahan yang dibuat. Kita telah pun beri garis panduan kepada pembina-pembina perumahan dan kita harap garis panduan yang kita buat itu dipatuhi tetapi kita juga perlu kepada kerjasama kerajaan-kerajaan negeri dan juga kerajaan-kerajaan tempatan untuk memastikan supaya di mana rancangan-rancangan perumahan yang baru diadakan kawasan sekolah untuk sekolah rendah dan sekolah menengah mengikut kepadatan penduduk di situ mestilah disediakan dan didirikan oleh si pemaju itu tadi.

Ada juga ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan beberapa orang yang lain tentang pentingnya kita memberi tumpuan kepada mata-mata pelajaran seperti Matematik, Sains dan bahasa Inggeris. Saya bersetuju dengan pandangan-pandangan ini dan kita sedar, faham akan kesannya kepada pencapaian anak-anak dan pelajar-pelajar kita di masa-masa yang akan datang, maka sebab itu banyak usaha-usaha yang kita buat oleh Kementerian Pendidikan seperti gerak gempur matematik, gerak gempur sains dan kita sukacita juga dengan penglibatan pihak swasta yang bekerjasama

dengan Kementerian Pendidikan dengan mengadakan pelbagai pertandingan dari masa ke semasa. Begitu juga kem-kem yang diadakan dengan kerjasama sektor swasta macam kem sains, Cabaran BP, Sains Across Asia Pasific ataupun Perias dan lain-lain program riadah yang sentiasa kita adakan secara bersama-sama dengan pihak sektor swasta. Begitu juga mata-mata pelajaran yang lain seperti bahasa Inggeris, ada kita mendapat kerjasama dengan banyak kalangan di sektor swasta untuk menjayakan program-program yang sedemikian rupa.

Saya beralih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Sadong yang menimbulkan soal kenaikan pangkat ini. Jadi, saya suka jelaskan bagi PPPS Gred DG3 yang menyandang jawatan pengetua di sekolah menengah gred B, markah bonus adalah ditambah kepada markah laporan penilaian prestasi tahunan mereka dalam mempertimbangkan kenaikan pangkat mereka ke PPPS Gred DG2. Ini bagi membolehkan mereka mendapat pertimbangan yang lebih dibandingkan dengan PPPS Gred DG3 yang menjadi penolong-penolong kanan di sekolah menengah Gred A.

Tuan Pengerusi, soal pengisian kekosongan, ini ada ditimbulkan soal pilih kasih dan lain-lain, saya suka hendak tegaskan bahawa siapa lagi yang boleh buat laporan prestasi ini kalau tidak guru besar? Dan saya pun tidak bersetuju, saya boleh katakan terus terang, saya pun tidak bersetuju kalau betul-betul ada soal pilih kasih ini tolong beritahu Yang Berhormat Menteri termasuk saya, kita tidak boleh terikut benda-benda ini, tetapi kalau kita tahu insya-Allah, kita akan cuba siasat, kerana dari segi pegangan kita siapa yang

betul-betul berhak itu patut diberi dan kita tidak mahu bersekongkol dengan perbuatan penganiayaan ini. Pada kami siapa yang patut diberikan kenaikan pangkat itu, itu adalah hak mereka dan kita tidak ada hendak pilih kasih ataupun hendak memihak kepada sesiapa. Itu sikap kita. Tetapi maklum, tenaga kita ini ramai berselerak di seluruh Malaysia, kalau ada kes-kes yang sepsifik, saya suka jugalah hendak mendapatkan laporan ini.

Cik Sukinam Domo: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya ingat tak payahlah Yang Berhormat ya, kalau ada beritahulah, sudah tak ada masa ini. Saya cuba hendak selesaikan ini.

Satu perkara lagi soal hendak mewujudkan pejabat-pejabat pendidikan daerah yang ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan ini, sebenarnya kita telah pun mengemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam seperti yang pernah saya sebut dalam Dewan yang mulia ini untuk diwujudkan tidak kurang daripada 36 lagi pejabat pendidikan daerah.

Saya sedar fasal kata di kawasan saya sendiri pun pejabat pendidikan daerah itu merangkumi tiga daerah, Kuala Pilah, Jelebu, Jempol satu pejabat. Jadi, saya faham akan masalah ini dan saya harapkan kita akan mendapat sesuatu jawapan yang lebih memberangsangkan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam yang telah di tolak permohonan kementerian tetapi kita telah merayu balik supaya dipertimbangkan supaya dapat diwujudkan pejabat-pejabat pendidikan di daerah ini kerana saya pun faham akan makna dan

kesannya pejabat pendidikan daerah supaya dapat diadakan seboleh-bolehnya di setiap daerah dan saya harap sama-sama kita doakan kejayaannya.

Ahli Yang Berhormat dari Serdang ini soal sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil di Batu 10 Puchong, saya sudah jawab di Dewan ini, saya fikir saya tak payah jawab lagilah, tinggal lagi saya cuma hendak mengatakan bahawa tentang pandangan Ahli Yang Berhormat dan juga Ahli Yang Berhormat dari Senai tentang mewujudkan sekolah wawasan ini.

Sebenarnya kita telah pun memutuskan iaitu beberapa buah sekolah wawasan telah pun kita rancang di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dan tujuh buah projek telah diluluskan untuk dilaksanakan mulai tahun ini di tempat-tempat yang telah ditetapkan dan kita harap kita akan dapat tambah dari masa ke semasa dan konsep sekolah wawasan ini juga merupakan suatu usaha untuk kita menampung masalah seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baram dan beberapa Ahli Yang Berhormat lagi supaya kemudahan yang lebih baik itu dapat kita wujudkan di sekolah-sekolah kita untuk dinikmati oleh murid-murid yang belajar.

Ahli Yang Berhormat dari Sipitang telah menimbulkan soal pembinaan Universiti Malaysia di Sabah supaya disegerakan. Saya suka maklumkan bahawa pembangunan kampus tetap Universiti Malaysia Sabah peringkat I ataupun Fasal I telah pun diluluskan. Sejumlah RM345 juta untuk infrastruktur, RM603.35 juta untuk sembilan bangunan dalam Fasa I dan ini dijangka siap pada bulan Mei 1999. Fasal IB untuk enam bangunan di

peringkat penyediaan kaedah pelaksanaan dan status pelaksanaan sekarang ini ialah 56%.

Soal prasekolah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sipitang pada pokoknya kita memang berhasrat untuk melaksanakannya tetapi secara berperingkat-peringkat dan usaha ini seperti yang kita maklum diselaraskan dengan tiga buah kementerian iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Soal asas penggubalan sukatan pelajaran moral dan agama Islam, suka saya jelaskan bahawa sukatan pelajaran moral berasaskan nilai-nilai sejagat, ia juga semestinya berlandaskan nilai-nilai murni yang terdapat dalam pendidikan Islam, di samping itu, nilai-nilai positif yang terkandung dalam agama lain juga diambil kira. Kerajaan mengamalkan dasar kebebasan beragama, atas sebab itu pelajar bukan Islam diajar pendidikan moral berasingan dan tidak dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar ini telah menimbulkan soal mengapa dengan kelulusan satu subjek membolehkan pelajar naik ke tingkatan empat. Jadi, ini soal dasar Yang Berhormat dan adalah menjadi dasar kerajaan kita agar golongan muda negara ini mendapat pendidikan formal daripada sembilan tahun ke sebelas tahun seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan telah menimbulkan soal sekolah khas untuk anak-anak yang kurang upaya ini, suka saya nyatakan bahawa

Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian yang serius kepada nasib pelajar cacat seperti cacat pendengaran. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian ini diperuntukkan sebanyak RM50 juta bagi membiayai sebelah buah sekolah khas di seluruh negara.

Kemudian Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan soal kedaifan sekolah Tamil di dalam estet. Tuan Pengerusi, ada 17 estet dalam kawasan saya, saya memang faham tentang masalah sekolah-sekolah Tamil ini, tetapi hendak memberi gambaran yang begitu buruk macam 'kandang kerbau' tak baiklah. Itu pandangan yang tidak sedap didengar, kita terima keadaan, kedaifan masalah ini kita terima dan kita cari jalan macam saya sudah sebut tadi dalam buku merah ini. *[Sambil menunjukkan buku itu]* RM150 juta kita belanjakan untuk hendak membaiki tetapi kita buat secara beransur-ansur.

Saya harap Ahli Yang Berhormat pun baru sampai ke sini, jangan ekstrim sangat dengan pandangan yang begitu - tak baik ya. Saya nasihat dahululah sebelum saya hendak 'lapun' ini. *[Ketawa]* Saya bercakap secara baik ya. Kita akan ikhtiarkan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya ingat habis lama lima minit.

Tuan Pengerusi: Lima minit sudah tak cukup. Sudah cukup masa dah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya selesaikan besok.

Tuan Pengerusi: Besok sambung ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya sambung sedikit lagi besok.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Minta maaf Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.